


Jilid I
Bil. 51



Hari Khamis
27hb Jun, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

Y.B. Datu Amir Kahar bin Tun Datu Mustapha (Marudu) [Ruangan 7885]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7885]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) [Ruangan 7977]

Rang Undang-undang Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) (Pindaan
dan Perluasan) [Ruangan 8006]

USUL:

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 8054]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Keluarga Melayu Kampong Pantai Kundor dan Tanah Merah Enggan
Berpindah—Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) [Ruangan 8055]

Sindiket Setinggalan di Kuala Lumpur—Y.B. Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi)
[Ruangan 8059]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 27hb Jun, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
perkerusi Mesyuarat)*PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA

Cuti Kepada Ahli—Kebenaran:

Y.B. Datu Amir Kahar bin Tun
Datu Mustapha (Marudu)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datu Amir Kahar bin Tun Datu Mustapha, Ahli bagi kawasan Marudu dari 25hb Jun hingga 28hb Jun tahun ini.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANTENTERA BERUNIFORM—
KEMUDAHAN ANGGOTA

1. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa anggota tentera kita

terutama sekali di peringkat bawahan tidak lagi merasa bangga untuk memakai 'uniform' mereka selain daripada di tempat kerja atau tempat bertugas mereka, dibandingkan dengan tentera-tentera di negara-negara yang lain terutama sekali di negara jiran kita di mana memakai 'uniform' tentera mendapat berbagai-bagai kemudahan seperti tambang kenderaan awam percuma atau separuh harga, menonton wayang gambar percuma atau separuh harga dan kemudahan-kemudahan yang lain yang sepatutnya diberi kepada golongan yang menggadai nyawa mereka untuk kepentingan dan keamanan negara. Jika Yang Berhormat Menteri sedar di dalam hal ini apakah tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, memang diakui bahawa pada masa kini tidak lagi banyak kelihatan anggota tentera, terutama anggota bawahan memakai uniform di tempat-tempat awam kecuali apabila ditugaskan di tempat-tempat yang berkenaan. Ini bukanlah bererti ramai daripada anggota tentera kita tidak lagi merasa bangga untuk memakai uniform di tempat-tempat berkenaan, sebaliknya mereka sebenarnya tidak lagi digalakkan memakai uniform di tempat-tempat tersebut, terutama di tempat-tempat seperti di pasar-pasar, di kompleks-kompleks membeli-belah terutama di waktu kerja. Ini adalah untuk mengelakkan timbulnya sebarang salah angapan dari masyarakat umum

mengenai kawalan dan penugasan anggota tentera pada keseluruhannya.

Di samping itu kemudahan-kemudahan seperti tambang pengangkutan awam separuh harga, menonton wayang separuh harga, kemudahan-kemudahan lain seperti mendapat keutamaan di kaunter-kaunter pembayaran bil-bil, di pejabat-pejabat pos dan lain-lain jabatan Kerajaan, tidak lagi diberikan kepada anggota tentera yang memakai uniform oleh badan-badan swasta dan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Dengan itu keperluan memakai uniform untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan tersebut tidak wujud lagi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga diakui pada masa ini terdapat ramai anggota-anggota tentera di negara-negara lain yang memakai uniform di tempat-tempat awam. Di negara-negara berkenaan juga pemberian kemudahan-kemudahan seperti yang saya sebutkan tadi masih lagi wujud. Negara-negara berkenaan kebanyakannya adalah merupakan negara-negara yang mengamalkan khidmat wajib atau national service. Dengan itu sudah pastilah kelihatan ramai anggota-anggota tenteranya memakai uniform di tempat-tempat awam kerana mereka ini perlu berulang-alik dari tempat kediaman masing-masing ke tempat bertugas ataupun latihan.

Penarikan balik kemudahan-kemudahan yang disebutkan tadi memang boleh mencerminkan bahawa pengorbanan anggota tentera di dalam mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara seolah-olah tidak lagi begitu diberikan penghargaan yang sewajarnya seperti di negara-negara lain oleh masyarakat kita.

Perkara ini sangatlah dikesali kerana ianya boleh menjejaskan semangat anggota tentera kita. Pihak Kementerian Pertahanan tidak dapat memaksa pihak-pihak berkenaan itu supaya mewujudkan semula

kemudahan-kemudahan tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan merayu kepada pihak yang berkenaan supaya kemudahan-kemudahan tersebut dapat diwujudkan semula. Juga kita menyeru agar kemudahan-kemudahan yang sama dapat dipanjangkan kepada anggota-anggota sukarela di dalam pasukan simpanan ketiga-tiga perkhidmatan angkatan tentera kerana ini akan menjadi satu galakan untuk rakyat kita menyertai pasukan-pasukan tersebut.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi Timbalan Menteri ada menyentuh kemudahan-kemudahan am yang diberi kepada anggota tentera termasuk, kalau tidak salah saya, tambang-tambang murah ataupun separuh tambang Keretapi Tanah Melayu. Saya diberitahu ketika ini bahawa tambang-tambang murah ataupun separuh harga hanya diberi pada hari yang bukan Jumaat, Sabtu ataupun Ahad iaitu diberi pada hari-hari lain. Dalam masalah ini bapa kepada anak-anak ataupun suami kepada isteri tidak dapat pergi ke mana-mana kerana seolah-olah kemudahan ini ditarik secara senyap-senyap. Jika sedar, adakah Kementerian akan mengubah dasar ini kerana mereka berkorban untuk negara.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut sebentar tadi, kemudahan-kemudahan tambang separuh harga ini semuanya diberikan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan. Jadi, bagi pihak Kementerian kita hanya boleh merayu supaya mereka memberikan kemudahan tersebut, bukan kita yang menarik ataupun kita yang memberikan. Jadi, perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan disiasat dan kita akan merayu kepada Keretapi Tanah Melayu melalui Kementeriannya untuk mendapatkan kemudahan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ali. Ya?

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ingin mencatatkan pandangan saya oleh kerana satu pertanyaan saya yang dikemukakan pada hari ini nampaknya hilang, tidak ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini. Dan mengikut Peraturan 23 (3), patut saya diberitahu mengapa pertanyaan saya ditolak dan sehingga hari ini nampaknya saya tidak ada terima apa-apa notis pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini saya akan uruskan dengan Kementerian yang berkenaan supaya apa yang dipohon ataupun yang dikehendaki oleh Yang Berhormat dapat dipenuhi. Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ali.

(*Soalan No. 2 Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Ali tidak hadir*)

BANK ISLAM—SISTEM EKONOMI ISLAM

3. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kewangan menyatakan apakah pihak Kerajaan, setelah memperkenalkan Bank Islam dan menubuhkan cawangan-cawangan di seluruh negara dengan hasrat untuk melepaskan umat Islam dari cengkaman sistem ekonomi yang tidak berasaskan Islam, mengadakan satu akta untuk membolehkan pihak-pihak swasta atau pihak-pihak lain untuk mengendalikan operasi Bank Islam sendiri sebagai langkah untuk menggalakkan perkembangan sistem ekonomi Islam dengan diberi peluang untuk diambil bahagian yang aktif oleh semua pihak yang berminat.

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan Akta baru bagi

membolehkan pihak lain, termasuk swasta selain dari Bank Islam Malaysia, menjalankan operasi mengikut lunas-lunas Islam adalah tidak perlu kerana Akta yang sedia ada iaitu Akta Bank Islam 1988 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk mengeluarkan lesen kepada mana-mana pihak yang ingin menjalankan operasi bank mengikut lunas-lunas Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengwujudan Akta Bank Islam 1984 bukanlah untuk menampung keperluan khusus bagi Bank Islam Malaysia Berhad sahaja tetapi untuk menyediakan undang-undang yang menyeluruh bagi bank-bank yang beroperasi mengikut lunas-lunas Islam. Bank Islam Malaysia Berhad merupakan sebuah bank yang dilesenkan di bawah Akta tersebut.

Saya ingin juga menambah bahawa kerana peraturan ini membolehkan Menteri meluluskan permohonan lain maka hingga hari ini memang ada bank-bank swasta yang telah memohon izin untuk mengadakan kegiatan mengikut lunas Islam dan ini telahpun diberikan kelulusan, dan saya jangka mereka akan beroperasi dalam masa yang singkat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Soalan tambahan. Adakah di sana halangan-halangan yang menjadi masalah untuk mengadakan satu akta seperti yang tersebut, dan adakah Kerajaan berusaha ke arah mengatasi halangan-halangan itu?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan, Akta yang ada pada tahun 1984 memberikan cukup kuasa dan kelonggaran untuk mewujudkan sistem yang sama. Kalau pun kita tidak meluluskan satu dua permohonan lain yang dikemukakan sebelum ini, terutama oleh Bank Islam luar negeri, ini ialah kerana cadangan yang kita anggap tidak akan menguntungkan

pelabur tempatan ataupun masyarakat tempatan walaupun dari segi hukum Islamnya dibolehkan.

Alasan yang khusus saya hendak berikan ialah kerana ada di antara bank yang mencadangkan supaya operasi di Malaysia bertujuan untuk mengumpulkan dana dari Malaysia dan berusaha dalam keupayaan mereka melabur di luar negara, dan ini kita anggap bukan satu keutamaan yang harus didukung.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah apa-apa kajian yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk membuktikan bahawa sistem banking secara islam ini adalah melibatkan kos yang rendah kepada peminjam dan juga memberi laba yang lebih tinggi kepada pendeposit kalau dibandingkan dengan sistem bank yang memakai cara riba.

Soalan kedua, jikalau sistem banking secara islam ini baik dan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ada pihak-pihak swasta yang meminta supaya sistemnya ditukar kepada Islam, apakah tindakan pihak Kerajaan untuk mengIslamkan machinery pinjaman dalam Kerajaan sendiri, misalnya pinjaman perumahan dan juga machinery Kerajaan mendapatkan modal daripada bon-bon dan lain-lain lagi?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Setakat ini bukan sahaja Bank Islam Malaysia Berhad tetapi juga beberapa institusi-institusi lain telah memainkan peranan untuk memberikan penjelasan yang menyeluruh tentang faedah memperkenalkan satu sistem kewangan berlandaskan ajaran Islam. Sebab itulah sepertimana saya sebutkan tadi ada kalangan pihak swasta yang menunjukkan minat, bahkan satu kelulusan telahpun diberikan kepada satu syarikat kewangan dan swasta untuk menjalankan satu kegiatan dalam mengikut prinsip Islam. Tetapi dari

segi keuntungan dan faedah sistem ini berbanding dengan sistem "banking conventional" itu tidak boleh dipastikan dengan jelas keistimewaan selain dari kenyataan bahawa Bank Islam itu tunduk sepenuhnya kepada keperluan dan pengawasan Majlis Syariah.

Tetapi dari segi sama ada kos lebih rendah, keuntungan lebih tinggi, itu nampaknya masih belum terbukti. Kita berpuas hati dengan perjalanan Bank Islam kerana pengurusan yang cekap dan kegiatan mereka melakukan telah dapat menarik ramai pelabur selain dari sokongan yang diberikan oleh Kerajaan dan institusi-institusi Kerajaan.

Mengenai usaha lain seperti pinjaman kenderaan dan perumahan perkara ini sepertimana yang dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini telahpun kita teliti. Sebahagian besar daripada peraturan itu tidak bercanggah bersama sekali dengan kehendak dan keperluan Islam. Ada beberapa urusan teknikal yang sedang diteliti yang melibatkan beberapa keperluan meminda peruntukan undang-undang. Dan sekiranya perubahan-perubahan itu boleh dilakukan secara pentadbiran, saya tidak akan ragu-ragu untuk menyejajarkan. Sekiranya ia melibatkan beberapa bentuk pindaan peruntukan undang-undang maka hal ini harus dirujuk kepada Parlimen lebih dahulu.

REPUBLIK UZBEK DI RUSSIA— HUBUNGAN DAGANGAN

4. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah yang telah diambil bagi mengerat dan meningkatkan hubungan dagangan dengan Republik Uzbek di Russia ekoran daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang

di-Pertua, sebagai tindakan susulan kepada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ke Uzbek, pihak Uzbek telah mengadakan "Minggu Uzbek di Malaysia" pada tahun 1988. Malaysia pula telah membuat lawatan rasmi dan mengadakan program "Minggu Malaysia" di Tashkent, Uzbek pada 22hb hingga 27hb September, tahu lalu.

Delegasi ini telah diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan swasta. Semasa lawatan ke Uzbek ini, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (National Chamber of Commerce and Industry, Malaysia) telah menandatangani memorandum persefahaman dengan pihak Uzbek. Beberapa buah syarikat Malaysia juga telah mengadakan perjanjian bagi mempertingkatkan lagi hubungan perdagangan dua-hala di antara Malaysia dengan Uzbek.

Tuan Yang di-Pertua, Uzbek merupakan salah sebuah negeri di Russia yang kini sedang berusaha mengadakan reformasi daripada sistem perdagangan dan ekonomi pusat, dengan izin, central planning kepada sistem pasaran bebas. Oleh hal yang demikian, Uzbek masih lagi dalam proses peralihan sepertimana negeri-negeri lain di USSR. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat swasta untuk mencari peluang-peluang perdagangan dua-hala dan memasuki pasaran untuk faedah kedua-dua negara.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan saya baru-baru ini ke Uzbek, Russia amnya, banyak orang memperkatakan bahawa mereka bersedia untuk berdagang dengan kita sama ada kapas, dengan izin, cotton ataupun tahi ulat sutera atau, dengan izin, cocoon. Apakah langkah-langkah yang diambil setelah Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri melawat ke sana untuk bersama kita berdagang iaitu sama ada "barter trade" ataupun cara lain kerana kita juga diberitahu bahawa Rusia sekarang ini belum mempunyai kemudahan bank ataupun banking facilities? Adakah cara-cara lain yang efektif Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan pada hari ini?

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Larut. Kami bersedia untuk berdagang dengan Uzbek. Itulah matlamat yang utama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melawat Soviet Union dan khususnya ke Uzbekistan pada tahun 1987. Hasil daripada lawatan itu kita telah menubuhkan satu Joint Commission atau Suruhanjaya Bersama antara Uzbek dan Malaysia. Hasil daripada Joint Commission itu kita telah mengadakan dua Malaysia Week dan Uzbek Week. Malaysia Week, kita melawat dan membuat trade exhibition dan lawatan oleh pihak swasta dan pihak pegawai awam melawat Uzbek dan sebaliknya pihak swasta dan pihak Kerajaan dari Uzbek telah melawat ke negara kita.

Kita ada beberapa hasil daripada projek-projek usahasama antara dua negara. Yang pertamanya ialah satu News Feature Malaysia mengadakan perjanjian dengan Creative Production Corporation Uzbek, di dalam projek usahasama pembuatan filem video untuk tujuan pelancongan. Empat buah lagi syarikat Malaysia iaitu Gopeng Berhad, Artina Sdn. Bhd.; Azhar Holding dan Zulus Projek Sdn. Bhd. telah bergabung dan mengadakan perjanjian dengan Uzbekitok dengan tujuan untuk membuka pejabat di Uzbek dan menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan am dan akhirnya Melia Travel menandatangani perjanjian dengan Shayork In Tour bagi tujuan pelancongan.

**PARTI KOMUNIS MALAYA—
PERLETAKAN SENJATA**

5. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan walaupun Parti Komunis Malaya (PKM) telah mengistiharkan perletakan senjata dan meninggalkan perjuangan mereka secara "Gerila" namun Chin Peng tetap menegaskan bahawa PKM akan terus wujud tetapi cara mana mereka berjuang masih samar-samar.

- (a) andainya PKM menggunakan strategi perang saraf sebagai langkah-langkah pertama perjuangan mereka, apakah pihak Kementerian Dalam Negeri telah bersedia untuk menghadapi gerakan ini;
- (b) jika sudah apakah bentuk persediaan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian; dan
- (c) setakat manakah kejayaan yang telah dicapai oleh pihak Kerajaan dalam membanteras perjuangan PKM yang mungkin lebih halus ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sebenarnya PKM telah lama menggunakan strategi perang saraf sepanjang perjuangannya melalui penerbitan-penerbitan dan siaran-siaran propagandanya. Walau bagaimanapun, sejak perjanjian telah dimeterai untuk menamatkan perjuangan bersenjata PKM pada 2hb. Disember 1989 di Haadyai, setakat ini tidak terdapat tanda-tanda bahawa Parti Komunis Malaya (PKM) akan menggunakan strategi perang saraf untuk meneruskan perjuangan ideologi mereka. Kerajaan khususnya pasukan-pasukan keselamatan negara berdasarkan

pengalaman yang begitu lama dan luas menghadapi perjuangan PKM sentiasa bersedia untuk membendung apa jua bentuk kegiatan dan taktik yang mungkin digunakan oleh PKM di masa-masa akan datang;

- (b) selain dari memberi penerangan dan peringatan kepada orang ramai supaya sentiasa terus berwaspada terhadap propaganda PKM terutama dari segi ideologi, Kerajaan terus melaksanakan berbagai bentuk program pembangunan sosio ekonomi negara yang mana dapat membantu membanteras dan melemahkan diayah-diayah komunis. Di samping itu, pasukan-pasukan keselamatan negara kita tidaklah leka dan sentiasa bersikap berwaspada terhadap kegiatan sedemikian; dan
- (c) Kerajaan sentiasa peka terhadap kemungkinan PKM meneruskan perjuangannya secara lebih halus, lebih-lebih lagi pertubuhan PKM itu sendiri tetap diharamkan bergerak dalam negara kita. Seperti mana yang telah dinyatakan tadi, Kerajaan mempunyai kemampuan untuk menghadapi sebarang bentuk ancaman dan kemungkinan yang cuba timbul atau diresapi oleh pihak PKM. Di samping itu, undang-undang negara khususnya yang berkaitan dengan keselamatan negara dan ketenteraman awam memberi kuasa penuh kepada Kerajaan untuk bertindak tegas jika dan pada bila-bila masa timbul keperluan.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengumumkan

dengan lebih terperinci syarat-syarat yang telah dicapai dalam perjanjian perletakan senjata oleh PKM?

Kedua, adakah program pemulihan di bawah tahanan ISA merupakan salah satu syarat dalam perjanjian itu? Jika ia, apakah bentuk dan kandungan program pemulihan ini?

Ketiga, adakah penahanan mereka

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dua soalan sahaja yang dibenarkan.

Dr Kua Kia Soong: Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat program yang ada di dalam perjanjian yang telah ditandatangani adalah semuanya berdasarkan undang-undang dan Perlembagaan Malaysia. Jadi syarat-syarat dan program-program itu tidak ada apa-apa keistimewaan selain daripada dipastikan ianya adalah selaras dengan undang-undang dan Perlembagaan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan tambahan. Yang pertama, oleh kerana pernah berlaku PKM dapat mempengaruhi mereka yang penting yang berada di dalam Kerajaan, mengapakah Kerajaan terlalu mudah memberi tempat kepada mereka yang pernah terlibat ini sehingga lebih mudah daripada Ahli-ahli dan penyokong Pembangkang yang diizinkan.

Yang kedua, apakah kemudahan yang diberi oleh pihak Kerajaan kepada ahli-ahli PKM yang menyerah diri, yang kembali ke pangkuan masyarakat selepas perjanjian itu dimeteraikan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak melonggarkan ataupun tidak mengambil sikap

yang longgar terhadap siapa-siapa yang terlibat dalam PKM. Jadi, soal mengatakan di dalam Kerajaan ada PKM itu tidak benar ataupun penyokong PKM pun tidak benar. Untuk yang kedua, kemudahan PKM yang balik ke pangkuan masyarakat itu adalah satu soal yang belum pasti sebab seperti melalui pengumuman siaran am itu semua proses memohon untuk mereka balik itu masih dalam proses penelitian peringkat akhir, belum ada apa-apa keputusan. Jadi, kemudahan-kemudahan yang diberi itu tidak timbul langsung sebab mereka masih berada di sempadan di kawasan Selatan Thai, tidak ada di dalam Malaysia.

GAJI GURU-GURU DI SABAH— PENYELARASAN

6. Datin Ling Chooi Sieng minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kementerian Pendidikan menyelaraskan gaji guru-guru yang dilatihkan di negeri Sabah dalam awal tahun tujuh puluhan dan kemudiannya mengajar di negeri Sabah dan selepas tamat tempoh kontrak dipindahkan ke Semenanjung Malaysia. Sedarkah Menteri bahawa sebilangan guru-guru ini menerima bayaran gaji yang lebih rendah dari setengah gaji rakan-rakan mereka yang dilatih di Semenanjung.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan menyedari terdapat perbezaan gaji guru-guru bekas kontrak Sabah yang kembali ke Semenanjung dengan guru-guru yang berkhidmat di Semenanjung. Ini disebabkan taraf perkhidmatan mereka di Sabah dahulu adalah sebagai pegawai kontrak. Pada masa ini Kementerian sedang dalam proses menyelesaikan masalah ini bersama dengan agensi Pusat termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah bilangan guru-guru dalam kategori itu?

Soalan yang kedua, sedarkah Yang Berhormat bahawa guru-guru itu telah mengajar selama 15 tahun dan mereka masih menunggu dan berharap supaya gajinya dapat diselaraskan dan sebaliknya rakan mereka telah dapat gaji maksimum. Adakah benar segelintir daripada mereka telah dapat gajinya diselaraskan dan kalau ia, apa sebab hanya segelintir dapat gajinya diselaraskan dan mengapa yang lain sampai sekarang belum diselesaikan?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya jelaskan sedikit kerana jawapan itu telah diberikan tadi bahawa kita melibatkan penyelesaian masalah ini dengan lebih daripada dua agensi iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam kerana ini adalah masalah teknikal dan administrative dan dari segi ada yang separuhnya telah diselesaikan dan sejauhmana Yang Berhormat fahamkan di mana ketidakadilan timbul, kita akan selesaikan secara membaiki apa yang tidak adil itu.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya saya amat terkejut apabila mendapati dalam soalan asal ini bahawa terdapat perbezaan pembayaran gaji di antara guru-guru yang dilatih di Sabah dan di Semenanjung. Pernah juga sampai kepada pengetahuan saya bahawa walaupun guru-guru itu sama-sama pegawai kontrak tetapi yang dilatih di Sabah masih dibayar lebih rendah dan di Semenanjung itu masih lebih tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Apakah soalnya?

Tuan Maidom P. Pansai: Sekarang saya akan sampai kepada soalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tadi itu mukaddimah sahaja?

Tuan Maidom P. Pansai: Soalan saya ialah adakah itu menunjukkan bahawa terdapat satu dasar pendidikan yang tersendiri bagi negeri Sabah, sehingga ianya dianggap mungkin lebih rendah dengan apa yang terdapat secara perbandingan di Semenanjung Malaysia?

Jadi, ini saya mohon penjelasan dengan sebaik-baiknya kerana walaupun ia perkara kecil dan remeh-temeh tetapi kalau tidak diberi penjelasan ia akan mendatangkan salah sangka terhadap satu sama lain.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Kota Belud terkejut, saya sekarang merasa tekejut juga mendengar apa yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa timbulnya soal di mana latihan dan dasar-dasar pendidikan kita berbeza di antara Sabah dan Semenanjung. Sebenarnya kita telah menjelaskan tadi bahawa masalah yang timbul ini ialah administrative dari segi pegawai yang telah dilantikkan di bawah kontrak dengan Kementerian. Dan kalau Ahli Yang Berhormat ingin memahami lebih mendalam dasar kita yang sama rata dan dengan teras yang kita pernah nyatakan dalam Dewan ini, pendemokrasian pendidikan kita tidak ada perbezaan di antara latihan guru, dasar pendidikan dan pengagihan peruntukan untuk pendidikan kepada semua rakyat di Malaysia.

KILANG DAN INDUSTRI HARAM—TINDAKAN

7. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

(a) berapa banyakkah kilang dan industri haram yang terdapat di

lesen perkilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian walaupun syarikat-syarikat ini tidak dikecualikan dari perlesenan.

Walau bagaimanapun, untuk memperoleh maklumat yang lengkap mengenai syarikat-syarikat seperti itu, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sedang mengkaji kemungkinan mewujudkan satu sistem bagi mendaftar semua syarikat perkilangan tanpa mengira saiz modalnya supaya bilangan dan lokasi syarikat-syarikat perkilangan yang wujud dapat ditentukan dan operasi mereka dapat diawasi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tindakan-tindakan keras yang akan diambil oleh Kerajaan Tempatan terhadap kilang-kilang haram dan 'house industry' adalah tidak bercanggah dengan usaha-usaha yang telah dan sedang dibuat oleh Kementerian ini untuk menggalak pertumbuhan industri kecil dan sederhana di negara ini.

Tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan-kerajaan Tempatan adalah selaras dengan tanggungjawab dan bidangkuasa yang diberi kepadanya berhubung dengan syarat-syarat dan peraturan bagi penubuhan sesebuah kilang. Tujuan tindakan ini diambil adalah untuk memastikan sesebuah kilang itu beroperasi secara sah dan mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan dengan lokasi kilang, keselamatan pekerja dan orang ramai serta pencemaran alam sekitar.

Oleh yang demikian, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa tindakan-tindakan yang diambil adalah tidak akan menyusahkan industri-industri yang terlibat kerana Kementerian ini dan lain-lain Kementerian serta Kerajaan-kerajaan Negeri telah dan sedang mengenalpasti kawasan-kawasan tertentu untuk dijadikan kawasan industri, khasnya untuk tapak kilang bagi industri kecil dan sederhana

(IKS). Dengan tindakan ini, ia akan memudahkan Kementerian ini dan lain-lain agensi yang terlibat dalam pembangunan IKS untuk memberi dan menyalurkan kemudahan bantuan. Apa yang lebih penting ialah IKS yang terlibat akan mendapat banyak faedah hasil daripada tindakan tersebut iaitu seperti berada di lokasi yang lebih sesuai, keadaan kilang yang teratur, menikmati kemudahan-kemudahan infrastruktur dan khidmat gunasama yang disediakan dan mempunyai ciri-ciri keselamatan untuk pekerja dan orang ramai.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah kilang haram ini ialah masalah dalam negeri. Kementerian Yang Berhormat menjaga hal ehwal perdagangan antarabangsa. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang hendak pindahkan kerja-kerja ini kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Soalan saya yang kedua, apakah benar pihak Kementerian berada di dalam keadaan dilemma untuk mengambil tindakan terhadap kilang-kilang haram di mana jika ianya didapati itu satu kilang haram, apabila Kerajaan hendak bertindak ada pihak yang protes dan yang menjadi juara bagi membela kepentingan mereka ini, kononnya, atas dasar perikemanusiaan, masalah nasib pekerja dan sebagainya dan jika tidak diambil tindakan, berlakulah seperti di Sungai Buloh. Maka bila berlaku Kerajaan pula dituduh tidak mengambil tindakan tegas. Inilah dilemma. Jadi, macam manakah dilemma ini dapat diatasi oleh Kementerian Yang Berhormat dalam masalah yang berbangkit dengan kilang haram ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta maaf kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian

kerana terlewat 5 minit untuk soalan No. 2—traffic jam. Dahulu kalau saya datang awal, soalan duduk di bawah, bila datang lambat, soalan duduk di atas pula. Terima kasih. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudahlah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Chua Jui Meng: Yang Berhormat dari Pasir Mas ini keliru sedikit, oleh kerana kalau dipandang kepada nama di sini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Perdagangan adalah di peringkat antarabangsa, tetapi di dalam tajuk industri, semua industri di bawah bidang kuasa Kementerian Antarabangsa dan Industri.

Mengenai soalan yang kedua, ia lebih kompleks sedikit sebab menimbulkan perkara dilemma. Kita pada hari ini, saya sudah keluarkan bahagian-bahagian industri yang boleh dianggap sebagai haram dalam beberapa kategori, dana di bawah ICA iaitu pemegang dana ekuiti lebih daripada \$20.5 juta dan sebagainya. Tetapi kita perlu berhati-hati dalam hal ini sebab ini satu isu yang timbul daripada tragedi Bright Sparklers. Kita hendak mengenalpasti sebab-sebab tragedi itu berlaku. Ia berlaku oleh kerana ia adalah sebuah industri yang mengeluarkan bahan-bahan yang bahaya kepada pekerja dan orang ramai. Tetapi kita hendak mengingatkan bahawa di dalam negara kita adalah 20,000 kilang-kilang kecil, terkecil dan sederhana dan hanya segelintir sahaja yang mengeluarkan bahan-bahan yang merbahaya.

Mengenai dengan yang lain-lain ianya tidak ada kaitan langsung (direct) dengan tragedi Sungai Buloh. Oleh kerana itu, tadi saya sudah katakan bahawa Kementerian saya bersama-sama dengan agensi-agensi yang lain seperti PKEN-PKEN, MIEL (Malaysian Industrial Estate Limited)

akan menubuhkan lebih banyak lagi kawasan-kawasan industri. Dengan kerjasama daripada agensi-agensi yang lain kita akan memastikan semua peraturan-peraturan untuk menjaga keselamatan pekerja dan orang awam akan dapat diperketatkan dan dapat dipenuhi oleh syarikat-syarikat perkilangan yang berkenaan. Itulah dilemmanya.

Sebenarnya saya mengakui bahawa ada sedikit dilemma, sebab kalau kita menjalankan tugas kita secara keras, bagaimana pula dengan 20,000 buah kilang-kilang di kampung-kampung dan di bandar dapat menjalankan operasi mereka. Itulah satu dilemma yang sebenarnya.

Tetapi kalau kilang itu haram dan membahayakan orang awam dan pekerja-pekerja di dalam kilang tersebut, kita tidak akan teragak-agak untuk menjalankan tugas kita dengan sepenuhnya.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Timbalan Menteri menyatakan adakah bantuan-bantuan bagi kilang-kilang kecil, sederhana atau terkecil sekali tidak kena bayar balik? Jika perlu bayar balik, maka bantuan-bantuan seperti bantuan daripada bank, IKS atau dari mana-mana institusi kewangan, adakah pengusaha-pengusaha kecil ini mampu membayar balik bantuan itu. Jika tidak, adakah apa-apa langkah yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan untuk membantu mereka selain daripada itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa soalan Yang Berhormat terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya memandang kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kerajaan kita baru hendak jadi bijak selepas peristiwa ataupun tragedi

telah berlaku. Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada sebuah kilang boleh dianggap sebagai haram jika lesen telahpun dikeluarkan oleh Kerajaan, ataupun kalau tidak perlu lesen mungkin kelulusan telah diberi oleh Kerajaan Tempatan dan kilang itu telah beroperasi dengan agak lama dan ekoran daripada peristiwa di Sungai Buloh, baharu sedar bahawa tempat di mana kilang itu didirikan adalah tidak begitu sesuai ataupun oleh kerana mungkin ia tidak mengubah syarat lagi. Bolehkah sebuah syarikat yang di dalam kategori ini dianggap haram dan jika ia, ada berapa jumlah kilang-kilang dalam kategori yang seperti ini?

Tuan Chua Jui Meng: Ya, Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, saya tidak ada maklumat mengenai industri-industri ataupun kilang-kilang yang tidak didaftarkan di bawah ICA tahun 1975 dan oleh kerana itu, kita sudah menjalankan tugas dan kita akan mengkaji untuk membuat satu makluman balas daripada industri-industri di seluruh negara kita, tidak kira saiz atau shareholders fund dan kita akan mendaftar semua untuk memperolehi maklumat yang tadi di mohon oleh Yang Berhormat. Pada masa kini kita tidak ada maklumat tersebut.

Tuan Chor Chee Heung: Nampaknya Timbalan Menteri tidak jawab soalan pertama saya.

Tuan Chua Jui Meng: Saya belum duduk, sabar Yang Berhormat. Baiklah. Itu tadi soalan kedua, soalan yang pertama apa pula? *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bahagian pertama.

Tuan Chor Chee Heung: Soalan bahagian pertama saya, Tuan Yang di-Pertua, sama ada sebuah kilang itu boleh dianggap sebagai haram kalau

kilang itu telah mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Kerajaan ataupun kalau ia perlu lesen seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi, kilang itu telah dapat kelulusan daripada Kerajaan Tempatan, tetapi ekoran dariada peristiwa Sungai Buloh, baru sedar bahawa kilang itu tidak berapa sesuai ditempat itu. Bolehkah kilang dalam kategori ini dianggap sebagai kilang haram?

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi saya katakan dalam jawapan asal, iaitu semua kilang-kilang mesti mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa di negara kita dan ini melibatkan banyak agensi seperti local government, Kerajaan Negeri, Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang lain. Sebagai contoh, kalau Kementerian saya mengeluarkan lesen di bawah ICA, tetapi industri atau kilang itu ditempatkan di atas suatu tapak tanah yang bersyarat tanah pertanian, dan oleh kerana ia bercanggah dengan undang-undang negeri 'user of land' maka kita anggap ia sebagai satu kilang yang tidak sah atau haram.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Puan Hajah Rakibah binti Abdul Manap.

(Soalan No. 8 Y.B. Puan Hajah Rakibah binti Abdul Manap tidak hadir)

JALAN RAYA BEAUFORT-KUALA PENYU-MENUMBOK

9. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kerja Raya bilak menyatakan bilakah jalan raya dari Beaufort ke Kuala Penyu dan Menumbok akan bermula pembinaannya. Adakah projek ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek memperbaiki jalan raya dari Beaufort/Kuala Penyu/Menumbok adalah dicadang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Pada masa ini Kerajaan telah melantik Juruperunding untuk membuat kajian kejuruteraan terperinci, menjalankan kerja-kerja ukur serta rekabentuk.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah bentuk jalan raya Beaufort/Kuala Penyu/Menumbok ini telahpun kita dengar di Dewan yang mulia yang lalu di mana rekabentuk itu sedang dibuat. Untuk pengetahuan saya, rekabentuk ini telahpun sedia dan siap dibentuk.

Tuan Yang di-Pertua, jalanraya ini telahpun wujud dalam Rancangan Malaysia Kedua. Saya ingin tahu adakah jalan raya ini akan diberi priority ataupun keutamaan untuk diaspal dalam Rancangan Malaysia Keenam ini oleh kerana kedudukannya yang menghubungkan tanah besar Sabah dengan Wilayah Persekutuan Labuan di mana status Wilayah Persekutuan Labuan sebagai IOFC.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, soalan adakah jalan raya ini diturapkan ataupun diaspal, itu bergantung kepada peruntukan kewangan dari Kerajaan Persekutuan, tetapi dalam peruntukan Rancangan Malaysia Keenam hanya \$1.5 juta telah diperuntukkan ataupun dicadangkan.

MASYARAKAT PENYAYANG

10. Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan rancangan dan program-program yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk melahirkan

'Masyarakat Penyayang' di kalangan setiap lapisan masyarakat.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang dan akan meneruskan usahanya untuk mewujudkan satu masyarakat yang mengamalkan budaya ikram dengan lebih menitikberatkan kepada penerapan nilai-nilai seperti tolong-menolong, kasih-sayang dan peka terhadap masalah yang dihadapi oleh orang-orang yang kurang bernasib baik.

Di antara program yang sedang diusahakan ialah:

- (a) melaksanakan rancangan pendidikan awam non-formal dan bertujuan menyibar serta menumpukan nilai-nilai berasaskan budaya ikram kepada semua lapisan masyarakat;
- (b) memberi bantuan kewangan dan latihan kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih aktif dalam pemberian khidmat kepada masyarakat;
- (c) menggalakkan lebih banyak lagi pihak swasta melibatkan diri dalam pemberian perkhidmatan kebajikan dan sosial; dan
- (d) menggembelingkan sumber komuniti termasuk ibubapa dan penjaga dalam mengambil tanggungjawab yang ber-sungguh-sungguh terhadap ahli-ahli keluarga mereka sendiri.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mewujudkan masyarakat penyayang, sekarang ini kita melihat slogan-slogan yang dipakai oleh anak-anak muda di baju-baju "T" shirts

mereka menggambarkan bagaimana masyarakat kita wujud selepas 30 tahun lebih merdeka. Adakah Kerajaan bercadang untuk menyekat budaya-budaya, slogan-slogan, seperti ada di "T" shirts anak-anak muda yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat seperti perkataan-perkataan "Born to be free" ataupun "Aku tak minta lahir ke dunia"? Ini menjadi lambang baru pada anak-anak muda ini melambangkan bagaimana sistem kasih-sayang telah terhapus di Malaysia ataupun kurang dititikberatkan. Apakah program Kementerian Perpaduan Negara untuk mengatasi masalah-masalah gejala akhlak anak-anak muda ini?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada kuasa untuk mengawal cogankata-cogankata yang disebutkan kecuali kalau ia diharamkan atau melanggar undang-undang, tetapi mengikut pendidikan kita berharap sikap-sikap pemuda-pemuda boleh menunjukkan satu sikap penyayang.

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kegiatan barua iaitu, dengan izin, pimps yang memaksa, menipu atau memperalatkan gadis-gadis muda menjadi pelacur semakin berleluasa dan ini memang bertentangan dengan tujuan untuk melahirkan satu masyarakat penyayang. Maka apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memerangi kegiatan yang semakin berleluasa, khususnya di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Saya rasa soalan ini tidak berkaitan.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, adakah langkah-langkah dan rancangan-rancangan Kementerian ini akan termasuk rancangan untuk

meluaskan berkenaan dengan hak asasi kemanusiaan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Ini pun tidak berkaitan dengan soalan. (*Ketawa*)

KONTRAK PERKHIDMATAN KAKITANGAN KEMAS

11. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan mengapakah kontrak-kontrak perkhidmatan untuk kakitangan KEMAS tidak dipanjangkan kepada tiap 5 tahun. Demi memastikan keberkesanan baik dari segi perkhidmatan mahupun pelaksanaan dasar Kerajaan dan jabatan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kontrak bagi penyelia-penyelia KEMAS adalah untuk tempoh 2 tahun selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan bagi pegawai-pegawai kontrak yang lain juga. Dengan adanya kontrak yang perlu diperbaharui setiap 2 tahun sekali, ianya akan membolehkan Kementerian menilai prestasi pegawai-pegawai itu semasa menimbang perlanjutan tempoh perkhidmatan mereka. Langkah sedemikian boleh membantu menentukan keberkesanan perkhidmatan dan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah syarat-syarat yang dikenakan untuk membolehkan seorang dilantik menjadi pegawai KEMAS dan adakah di antara syaratnya ialah beliau mesti menjadi penyokong UMNO khususnya dan mereka yang tidak menjadi penyokong UMNO dipecat daripada jawatan mereka.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa KEMAS digunakan sebagai alat bagi UMNO dalam Pilihanraya Besar yang berlangsung pada tahun yang lepas?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tidak ada kait-mengait dengan soalan asal. Soalan yang kedua, telahpun diperjelaskan dalam sidang Dewan yang lepas.

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat yang lain jangan mencelah tanpa kebenaran.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pilihanraya yang baru lalu, ada beberapa orang pegawai KEMAS yang tidak menyokong saya. Adakah Menteri tahu fasal ini dan saya tidak buat complaint ini fasal saya tahu bukan kepunyaan saya sendiri seorang sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa soalan itu juga terkeluar daripada soalan asal. (Ketawa)

LESEN BOT KELAS B

12. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah syarat-syarat yang diperlukan oleh Kerajaan untuk mengeluarkan lesen kelas B kepada para nelayan; dan
- (b) nyatakan bilangan lesen berbagai kelas yang telah dikeluarkan oleh Kementerian mengikut negeri-negeri bagi tahun-tahun 1987, 1988, 1989, 1990 dan tahun ini.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), bot-bot kelas B adalah bot yang bermuatan 40 GRT ke bawah dan dilesenkan dengan perkakas pukut tunda ataupun pukut jerut. Bagi mendapatkan lesen bot dan lesen perkakas kelas B, nelayan hendaklah memiliki bot bermuatan 40 GRT ke bawah dan mengusahakannya sendiri bot tersebut. Kawasan tangkapan hendaklah di luar kawasan 5 batu dari pantai dan pulau-pulau yang diwartakan. Pada masa ini, Kerajaan telah membekukan pengeluaran lesen baru kerana keadaan sumber tidak mengizinkan penambahan lesen baru dibuat. Pembaharuan lesen yang telah dikeluarkan boleh dibuat setiap tahun.

Bagi menjawab soalan (b), Kementerian telah mengeluarkan lebih daripada 23,000 lesen bot dan perkakas menangkap ikan di seluruh Semenanjung Malaysia. Maklumat mengenai dengan jumlah lesen bot mengikut kelas dan zon dan tahun akan diberikan secara bertulis memandangkan statistik yang panjang.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Soalan tambahan. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian ke atas adanya lesen-lesen palsu yang digunakan di atas nama Syarikat K&I dan yang berusahasama dengan pihak di Thailand ataupun yang menggunakan bot yang lebih banyak daripada lesen; lesennya satu, botnya dua, tiga. Apakah Kerajaan bertindak untuk menarik balik lesen yang diberi kepada syarikat tersebut yang didapati membawa hasil tangkapan ke Thailand ataupun ke Singapura dengan tidak mendapat keizinan daripada pihak yang berkenaan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu mengenai dengan perlesenan bot laut dalam, bukan lesen kelas B sepertimana soalan asal. Jadi, tidak ada jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak bersangkutan.

**KEMALANGAN PESAWAT
"FLYING TIGER LINE" DI
PUCHONG**

13. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Pengangkutan mengatakan tentang tiadanya laporan mengenai kemalangan kapalterbang ("Flying Tiger") yang terhempas di Puchong pada tahun 1988 dan perkara ini tidak pernah diumumkan sampai masa kini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penyiasat yang ditubuhkan untuk menyasat kemalangan pesawat B747 Flying Tiger Line yang berlaku pada 18 Februari 1989 di Puchong, Selangor telahpun mengemukakan laporannya untuk penelitian Kementerian Pengangkutan. Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa tindakan pentadbiran perlu diambil di atas laporan tersebut. Keputusan sama ada laporan tersebut perlu diumumkan atau sebaliknya kepada orang ramai, akan ditentukan selepas tindakan pentadbiran ini selesai.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri kenapa laporan itu tidak diumumkan?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tindakan pentadbiran belum selesai, saya kata tadi, kerana sekarang ini Jabatan Peguam Negara sedang mengkaji implikasi laporan tersebut.

**MAS—PENERBANGAN TERUS
KE LABUAN**

14. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah pihak MAS

rancangkan untuk mengadakan penerbangan terus dari Singapura, Hong Kong, Manila, Jakarta, Tokyo dan Taipei ke Labuan atau pihak Kementerian meminta pesawat penerbangan asing untuk mengadakan penerbangan terus ke Labuan untuk membantu pembangunan Labuan sebagai IOFC.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, penerbangan di antara tempat-tempat di Malaysia, seperti Labuan dan destinasi-destinasi antarabangsa, misalnya Hong Kong, Tokyo dan Taipei adalah tertakluk kepada hak-hak mendarat yang perlu dirundingkan dan dipersetujui di antara Malaysia dan negara-negara asing berkenaan. Jumlah hak-hak mendarat yang boleh diperolehi biasanya terhad dan oleh itu keputusan untuk mengadakan penerbangan bagi sesuatu sektor terpaksa dibuat oleh syarikat penerbangan, bergantung kepada beberapa faktor, terutamanya permintaan trafik yang wujud bagi sektor berkaitan. Dalam hal ini, Penerbangan Malaysia (MAS) tidak mempunyai rancangan pada masa sekarang untuk mengadakan penerbangan terus dari Labuan ke destinasi-destinasi antarabangsa oleh kerana permintaan trafik yang wujud tidak dapat menampung perkhidmatan seumpama itu. Namun demikian, MAS kini telah mengadakan penerbangan-penerbangan di antara Labuan dengan Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching dan penumpang-penumpang luar negeri bolehlah menggunakan perkhidmatan ini sebagai penerbangan-penerbangan sambungan (connecting flights) bagi perjalanan di antara Labuan dan destinasi-destinasi antarabangsa. Kerajaan dan MAS sentiasa mengawasi kedudukan permintaan dan sekiranya didapati perlu, akan membuat perancangan untuk mengadakan penerbangan terus di

antara Labuan dan destinasi-destinasi antarabangsa.

Kerajaan sememangnya juga menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan asing untuk mengadakan penerbangan terus ke destinasi-destinasi di Malaysia, termasuk ke Labuan. Dalam hal ini, melalui rundingan-rundingan dengan negara-negara asing, Malaysia kerap menawarkan hak-hak mendarat di tempat-tempat seperti Labuan. Walau bagaimanapun, adalah terpulang kepada syarikat-syarikat penerbangan asing itu untuk menerima tawaran ini. Mereka biasanya akan membuat keputusan sama ada untuk mengadakan penerbangan ke sesuatu destinasi di Malaysia berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan komersial.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 8 dan 15 hingga 57 adalah diberi di bawah ini)

SUBSIDI BAJA PADI DI KELANTAN

2. **Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah subsidi baja padi untuk petani-petani di Kelantan akan terus dibekukan. Apakah Yang Berhormat Menteri Pertanian sedar bahawa pembekuan tersebut menimbulkan kegelisahan petani-petani serta bayaran \$3.00 satu beg baja yang dikenakan oleh Kerajaan PAS Kelantan dan baja pula tidak mencukupi dan ini boleh mengancam peningkatan pengeluaran padi bagi memenuhi keperluan negara. Dan akibatnya, untuk mengatasi kegelisahan petani, Yang Amat Berhormat Menteri Besar PAS

Kelantan mengatakan "Kemiskinan" itu sudah dirangkakan oleh Allah s.w.t. dan apakah ini benar, sebagai langkah permulaan, apakah pihak Kementerian Pertanian bersedia dengan segera mengedarkan subsidi baja "cap daging" bagi kawasan Parlimen Pasir Mas, kawasan Sungai Pinang dan Limbongan sebagai permulaan dan diikuti petani-petani di seluruh Kelantan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Kerajaan Persekutuan tidak berhasrat untuk menghentikan pemberian subsidi baja kepada petani-petani di Kelantan, tetapi disebabkan oleh tindakan Kerajaan Negeri Kelantan sendiri yang memecat penghulu yang diberi kuasa mengedarkan baja, telah menyebabkan saluran pengagihan baja tersebut terganggu. Kementerian telahpun menyerahkan kepada pihak KADA untuk menentukan saluran baru yang sesuai bagi pengedaran baja tersebut.

NISBAH DOKTOR KEPADA PELAJAR

8. **Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah nisbah doktor-doktor kepada pelajar-pelajar di universiti dan institusi-institusi pengajian tinggi;
- (b) dapatkah disenaraikan bilangan doktor yang ada bagi setiap pusat pengajian tinggi di negeri-negeri;
- (c) berapakah doktor yang terlibat bagi tugas "Medicalcare"; dan
- (d) buat masa ini adakah ditempatkan doktor bahagian "Health Care" untuk menyelaraskan tugas pencegahan "preventive care".

**Timbalan Menteri Kesihatan
(Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):**

- (a) Nisbah tenaga pengajar Fakulti Perubatan di universiti-universiti tempatan kepada bilangan pelajar adalah 1:2,700.
- (b) Senarai bilangan doktor yang ada bagi setiap pusat pengajian tinggi ialah seperti berikut:

<i>Universiti</i>	<i>Doktor</i>
Universiti Malaya	7
Universiti Kebangsaan Malaysia	5
Universiti Sains Malaysia	5
Universiti Pertanian Malaysia	4
Universiti Teknologi Malaysia	5
Universiti Utara Malaysia	1
Institut Teknologi MARA (Shah Alam)	3

- (c) Pada masa ini terdapat 4,316 doktor yang terlibat dengan perkhidmatan dan kesihatan di Kementerian Kesihatan.
- (d) Beberapa program kesihatan pencegahan sedang dijalankan di bawah Kementerian Kesihatan. Ini termasuk Kesihatan Keluarga, Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit, Kawalan Mutu Makanan, Pelajaran Kesihatan, Kesihatan Carakerja, Kawalan Penyakit-penyakit Bawaan Vektor, Kebersihan Alam Sekeliling dan Kawalan Penyakit Tibi dan Kusta. Perancangan, penyelarasan dan penilaian kesemua program di atas dijalankan oleh doktor-doktor yang mendapat pengkhususan di bidang kesihatan umum. Doktor-doktor yang bekerja sepenuh masa adalah bertanggungjawab ke atas segala aspek program-program pencegahan tersebut di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah.

Di peringkat Kebangsaan, doktor yang lebih kanan dan berpengalaman, bertugas sepenuh masa dan memegang jawatan Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah dan Pegawai Kesihatan Kanan, adalah bertanggungjawab kepada berbagai aspek program pencegahan kesihatan (Preventive Health Care Programme).

Di peringkat Negeri, Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri, Timbalan Pengarah Perkhidmatan Kesihatan iaitu pakar-pakar kesihatan umum, adalah terlibat sepenuh masa dengan program pencegahan kesihatan. Doktor-doktor ini dibantu oleh beberapa orang doktor lain yang pakar di bidang kesihatan Ibu dan Kanak-kanak, Epidemiologi dan Rancangan Kawalan Penyakit Bawaan Vektor. Di samping itu, terdapat sejumlah kakitangan profesional bukan perubatan yang terlibat di dalam program pencegahan kesihatan.

Di peringkat Daerah juga, terdapat 1-4 orang doktor di setiap daerah bergantung kepada keluasan dan bilangan penduduk dan mereka ini ditugaskan untuk menyelaras program pencegahan kesihatan yang telah disebutkan. Ini termasuk Pegawai Kesihatan Daerah dan Pegawai Kesihatan di Lapangan Terbang dan Pegawai Kesihatan Pelabuhan.

**BANJIR DI DAERAH
KELANG**

15. Tuan Fong Kui Lun meminta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar Daerah Kelang sering dilanda banjir kilat berpunca dari sistem perparitan yang tidak teratur;

jika sedar, apakah rancangan pencegahan banjir yang telah dan sedang dilakukan oleh Kementerian.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Kementerian Pertanian sedar bahawa Daerah Kelang sering dilanda banjir. Untuk mengatasi dan mengurangkan kejadian banjir di daerah tersebut, Kementerian Pertanian telah dan sedang mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) Sedang melaksanakan kerja-kerja membaiki sistem saliran di kawasan luar bandar di Daerah Kelang.
- (ii) Sedang melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir Bandar Kelang dan Pelabuhan Kelang.
- (iii) Mencadangkan satu projek baru iaitu Rancangan Mencegah Banjir Sungai Kapar Besar di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN—KELANTAN MEMBINA

16. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah sebabnya banyak sekolah-sekolah terutama Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang menghadapi kelewatan menyiapkan pembinaan sekolah walaupun tempoh kontrak pembinaan dilanjutnya beberapa kali; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil terhadap kontraktor-kontraktor itu.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Saya rasa kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa banyak projek sekolah-sekolah terutamanya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan menghadapi kelewatan adalah tidak begitu tepat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1985 hingga 1990 sebanyak 33 buah sekolah SRJK (C) telah dilaksanakan pembinaannya. Dari jumlah tersebut 28 buah sekolah SRJK (C) telah siap dibina, sementara baki 5 buah lagi sedang dalam pembinaan dengan diberi lanjutan masa. Kerajaan yakin kontraktor-kontraktor terlibat dapat menyiapkan kerjanya mengikut jadual lanjutan masa.

Bagi SRJK (T) pula sebanyak 29 buah telah dibina dalam tempoh tersebut (1985 hingga 1990). Dari jumlah tersebut 17 buah telah siap, manakala baki 12 buah lagi sedang dalam pembinaan iaitu 8 buah di negeri Perak, 2 buah di negeri Kedah dan 2 buah di Pulau Pinang. Pembinaan 12 buah sekolah tersebut dilaksanakan dalam 2 pakej iaitu 8 buah sekolah telah diberi notis tamat kontrak oleh Kementerian Kerja Raya, sementara 3 buah lagi diberi lanjutan masa sehingga 31-7-1991 untuk menyiapkan kerjanya, manakala baki sebuah sekolah lagi telah dikeluarkan dari kontrak ini supaya baki kerja dapat ditawarkan kepada kontraktor lain.

Pada keseluruhannya, prestasi kerja kontraktor-kontraktor yang melaksanakan projek-projek ini adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, ada sebilangan kecil sahaja kontraktor yang menghadapi masalah. Daripada tinjauan Kementerian ini sebab-sebab utama mereka ini menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan adalah seperti berikut:

- (i) Kurang pengalaman terutamanya dalam pengurusan dan kewangan;
- (ii) Masalah kewangan atau cash flow; dan
- (iii) Kenaikan harga bahan-bahan binaan jika dibandingkan dengan anggaran harga bahan-bahan binaan semasa tender.

PEPERIKSAAN SPM DI SARAWAK—PRESTASI

17. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) prestasi sekolah-sekolah di Sarawak dalam SPM dari 1980 hingga 1990 mengikut gred; dan
- (b) prestasi sekolah berasrama tidak termasuk sekolah-sekolah agama dan sekolah-sekolah terpilih, mengikut gred.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) prestasi sekolah-sekolah di Sarawak dalam peperiksaan SPM telah meningkat dengan banyaknya iaitu daripada 42.% pada tahun 1980 kepada 69.5% bagi tahun 1990. Peratus kelulusan paling tinggi ialah pada tahun 1989 dengan memperoleh 75.0%.
- (b) prestasi sekolah berasrama di Sarawak juga meningkat dengan banyaknya iaitu daripada 34.4% pada tahun 1980 kepada 64.2% bagi tahun 1990. Peratus kelulusan paling tinggi (68.3%) ialah pada tahun 1989.

FELCRA—MEMAJUKAN TANAH DI KAMPUNG SERAI

18. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sama ada sedar masalah 500 keluarga di Kampung Padang Serai Dalam di Kuala Kangsar yang 900 ekar tanah mereka diambil oleh FELCRA untuk dimajukan dalam rancangan "Hala cara baru" Kerajaan. Nyatakan juga:

- (i) sama ada mereka akan diberi hakmilik, disebabkan tanah ini sudah diteroka sejak turunturun dari tahun 1946; dan
- (ii) sebab-sebab 19 keluarga daripada mereka diberi keistime-

waan mengerjakan tanah-tanah di situ secara bebas tanpa dikawal oleh FELCRA.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Kementerian sedar bahawa satu pembangunan telah dianjurkan kepada penduduk Kampung Padang Serai Dalam untuk memperbaiki taraf hidup mereka yang rata-rata miskin. Walau bagaimanapun, perangkaan yang dirujuk adalah tidak tepat.

FELCRA bersama pentadbiran daerah merancang untuk memulihkan kawasan Padang Serai Dalam sejak tahun 1986. Walaupun keseluruhan kawasan iaitu lebih kurang 355 hektar sesuai untuk dipulihkan tetapi hanya 194 hektar yang dapat dimajukan. Ini kerana terdapat sebahagian pengusaha-pengusaha tanah yang tidak bersetuju FELCRA memajukan kawasan tanah usaha mereka. Oleh itu, pembangunan dengan tanaman kelapa sawit hanyalah ditumpukan kepada kawasan 194 hektar yang melibatkan 75 peserta sahaja. Kerja-kerja pembangunan telah dimulakan dalam tahun 1988.

- (i) Tanah ini masih kepunyaan Kerajaan Negeri. Mengenai isu pemberian hakmilik, perkara ini adalah di dalam tindakan Pejabat Daerah Kuala Kangsar. Untuk makluman Yang Berhormat, FELCRA hanyalah pemaju yang bertanggungjawab dari segi pembangunan tanaman, dan hal ehwal pentadbiran tanah yang melibatkan hakmilik tanah adalah di bawah urusan Pejabat Tanah dan Kerajaan Negeri.

- (ii) FELCRA tidak memberi keistimewaan seperti yang dinyatakan kerana FELCRA hanya boleh membangunkan tanah itu seikiranya dipersetujui oleh pihak yang terlibat.

NIAGA DALAMAN (INSIDER TRADING)

19. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Pendaftar Syarikat telah membuat laporan Polis berhubung dengan niaga dalaman (insider trading) United Engineers (M) Sdn. Bhd., Time Engineering dan Kinta Kellas dalam tahun 1989, dan hasil siasatan sedemikian, dan jumlah siasatan niaga dalaman yang telah dijalankan oleh Pendaftar Syarikat dalam tahun 1990 dan 1991.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Berdasar siasatan awal yang dibuat oleh Pejabat Pendaftar Syarikat pada tahun 1989, satu laporan Polis telahpun dibuat berhubung dengan niaga dalaman (insider trading) yang melibatkan United Engineers (M) Bhd., dan Kinta Kellas. Siasatan lanjut oleh pihak Polis dengan kerjasama Pejabat Pendaftar Syarikat terhadapnya masih lagi dijalankan.

Selain daripada siasatan di atas, terdapat dua lagi siasatan lain mengenai niaga dalaman telah dijalankan oleh Pejabat Pendaftar Syarikat dalam tahun 1990 dan 1991. Siasatan masih lagi dijalankan ke atas kedua-dua syarikat berkenaan.

PERSATUAN KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI

20. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah semua universiti di negara ini mempunyai persatuan kakitangan akademik dan jika tidak, sebutkan kampus mana yang tidak ada dan mengapa tidak ada; dan
- (b) apakah sumbangan dan khidmat yang dapat diberikan oleh persatuan seperti ini dalam memajukan universiti dan

pelajaran dan sejauh mana ia diperlukan oleh pentadbiran kampus dan oleh kakitangan akademik itu sendiri.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat Persatuan Kakitangan Akademik di semua universiti tempatan.

Fungsi asas bagi sesuatu persatuan adalah untuk menjadi satu mekanisma merapatkan hubungan antara pihak pengurusan dan ahli-ahlinya. Persatuan Kakitangan Akademik Universiti boleh memainkan peranan ini sebagai satu cara mempertingkatkan lagi usaha bagi kedua-dua pihak (ahli-ahli dan pihak pengurusan) memainkan peranan masing-masing bagi mencapai objektif universiti. Dengan cara ini universiti akan dapat mencapai peringkat kecemerlangan yang lebih tinggi.

EAEG—SOKONGAN ASEAN

21. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setakat ini negara-negara manakah yang sudah memberi sokongan tak berbelah bagi kepada penubuhan EAEG. Bagaimana pula dengan negara-negara yang masih belum membuat ketetapan tegas. Bagaimanakah konsep/fungsi EAEG sudah berubah daripada matlamat asal yang pertama sekali diutarakan oleh Malaysia selepas perbincangan dengan pelbagai pemimpin negara. Berhubung dengan tuntutan Amerika Syarikat supaya ia juga menjadi sebahagian daripada EAEG, sejauh manakah isu ini boleh dipengaruhi oleh Amerika Syarikat menerusi pelaburan dalam serta perdagangan dengan negara-negara ASEAN, khususnya Malaysia.

52. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setakat manakah EAEG mendapat sambutan dan

kenapakah Naib Presiden Amerika, Dan Quayle menyarankan supaya United States juga tidak diketepikan.

Tuan Chua Jui Meng: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab bagi pihak Kementerian saya oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam Dewan yang mulia ini ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 18hb Jun, 1991. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai pada 17hb Jun, 1991, Kawasan Machang pada 19hb Jun, 1991, Kawasan Arau pada 19hb Jun, 1991, Kawasan Tumpat pada 10hb Julai, 1991, Kawasan Sibu pada 18hb Julai, 1991 dan Kawasan Seremban pada 22hb Julai, 1991. Oleh yang demikian, saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

YURAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

22. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebabnya kenaikan kadar yuran di institusi pengajian tinggi yang besar dan apakah kesannya kepada pelajar-pelajar yang miskin.

34. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementeriannya akan terus menaikkan yuran universiti tempatan dan ITM kerana kenaikan yuran itu membebankan pelajar-pelajar yang miskin.

Dr Leo Michael Toyad: Oleh kerana soalan ini adalah sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Selangau untuk hari ini, saya mohon agar soalan-soalan tersebut dijawab secara serentak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yuran pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan perlu dinaikkan kerana kos membiayai pengurusan institusi-institusi berkenaan meningkat setiap tahun, sedangkan kadar yuran tidak berubah sejak sesi 1977/78. Adalah didapati bahawa yuran pengajian pada masa ini didapati terlalu rendah berbanding dengan kos pembiayaan seorang pelajar. Subsidi Kerajaan terhadap institusi-institusi pengajian tinggi pula adalah di antara 90-97% daripada kos perbelanjaan seorang pelajar berasaskan perbelanjaan mengurus oleh Kerajaan.

Kesan-kesan kenaikan yuran mungkin dirasai oleh pelajar-pelajar tertentu sahaja. Bagi pelajar-pelajar yang mendapat biasiswa, Kerajaan akan menaikkan kadar biasiswanya. Dalam pada itu, satu tabung bantuan kewangan akan diadakan untuk membantu pelajar-pelajar khususnya pelajar-pelajar yang miskin. Tabung kewangan tersebut akan berfungsi mulai sesi 1991/92.

KEMATIAN KOK CHAN FEI DI HOSPITAL KINTA, IPOH

23. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Kesihatan menyatakan keputusan penyiasatan ke atas kematian seorang murid namanya Kok Chan Fei, umur 11, pesakit Hospital Kinta, Ipoh, akibat penyakit "Septicemia Secondary to Acute Appendicitis".

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Pihak Kementerian Kesihatan tidak menerima apa-apa audan atau maklumat berhubung dengan kematian Kok Chan Fei, umur 11 tahun, di Hospital Kinta, Ipoh. Oleh itu, pihak Kementerian tidak menjalani apa-apa siasatan ke atas kematian tersebut.

PASARAN BAHAN-BAHAN UTAMA

24. Dr T. Marimuthu minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menggalakkan pemasaran bahan-bahan utama seperti minyak kelapa sawit, getah dan koko di pasaran Amerika Selatan, Afrika, India, China dan Kepulauan Pasifik Selatan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Sukacita saya huraikan, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menggalakkan pasaran di pasaran Amerika Selatan, Afrika, India, China dan Kepulauan Pasifik Selatan mengikut barangan utama tertentu.

Bagi kelapa sawit, Kerajaan menerusi Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit (PORIM) telah mengadakan lawatan-lawatan perkhidmatan nasihat teknikal ke negara-negara Mexico, Cuba, Dominican Republik, Venenuela, Columbia, Argentina dan Brazil di Benua Amerika Selatan untuk memperkenalkan penggunaan minyak kelapa sawit. Sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah pertukaran wang asing, perjanjian pembayaran kewangan duahala telah dimeterai di antara Bank Negara Malaysia dengan Bank Pusat Negara Venezuela, Mexico dan Chile. PORIM juga memberikan perkhidmatan nasihat teknikal yang serupa ke Kenya, Somalia, Madagascar, Mauritius, Mozambique dan Tanzania di Benua Afrika.

Di samping itu, PORIM terus mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan penggunaan minyak kelapa sawit di India yang merupakan pasaran ketiga besar pada tahun 1990 dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan nasihat teknikal dan seminar. Satu misi perdagangan telah diaturkan oleh pihak industri yang

disertai oleh wakil-wakil Kerajaan pada 1990.

Seterusnya Kerajaan sedang berusaha untuk mengukuhkan pasaran minyak kelapa sawit di negeri China dengan menggalakkan usahasama pelaburan sebarang laut bagi pengeluaran barangan siap daripada minyak kelapa sawit. Bagi mengatasi masalah kekurangan tukaran wang asing Kerajaan sedang menyediakan peraturan-peraturan pembayaran yang lebih mudah kepada negara-negara yang memerlukannya.

Bagi Kepulauan Pasifik Selatan pula, Malaysia setakat ini tidak banyak mengeksport minyak sawit ke kawasan ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan untuk mengambil peluang meningkatkan eksport ke pasaran itu.

Bagi getah asli pula, perkhidmatan teknikal dan perdagangan secara langsung terus diusahakan di negara-negara pengguna getah asli yang besar melalui perkhidmatan Biro Getah Malaysia yang telah ditubuhkan di Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan India. Kerajaan juga menghantar misi-misi perdagangan dan teknikal ke negara-negara yang tidak mendapat perkhidmatan Biro Getah Malaysia.

Melalui MARDEC pula, Malaysia telah mengeksport sebanyak 4,356 tan getah pada tahun 1990 ke Brazil, Argentina, Chile dan Venezuela. Kerajaan juga telah mengambil inisiatif untuk mengukuhkan perdagangan dengan negara-negara Latin Amerika seperti Mexico, Venezuela dan Chile dengan mengadakan peraturan pembayaran dua pihak.

Kerajaan sentiasa menggalakkan perdagangan getah secara langsung dengan India dan Negeri China. Dari segi ini, satu misi perdagangan telah dihantar ke India pada 1989 dan satu lagi misi ke China dirancang pada

bulan September, 1991. Sebagaimana sokongan kepada usaha tersebut, Biro Getah Malaysia juga memberikan perkhidmatan teknikal dan pasaran ke kedua-dua negara itu.

Negara-negara di Benua Afrika adalah pengeluar dan pengeksport getah asli dan Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan di sana dan menggalakkan pihak industri mengimport bahan getah dari negara-negara tersebut untuk diproses semula dan dieksport.

Lembaga Koko Malaysia (LKM) akan terus mempergiatkan usaha promosi koko Malaysia bagi meningkatkan permintaan koko negara ini di pasaran dalam dan luar negeri. Dalam bulan Oktober, 1990 satu misi perdagangan ke negeri China telah diadakan. Sebagai susulan, beberapa lawatan oleh pegawai-pegawai dari syarikat-syarikat perdagangan Kerajaan negeri China telah membuat lawatan ke negara ini untuk mengetahui dengan lebih mendalam industri koko Malaysia dan juga membuat pembelian biji-biji koko dari negara kita.

Kerajaan juga sedang merancang untuk mengadakan satu misi perdagangan koko ke negara India bagi meninjau kedudukan pasaran dan mengadakan hubungan dengan pihak yang berkaitan dalam industri ini di negara tersebut.

Misi perdagangan koko ke negara Afrika, Amerika Selatan dan kepulauan Pasifik Selatan tidak dirancang kerana negara-negara tersebut adalah jua pengeluar koko.

KERETAPI TANAH MELAYU— PENSWASTAAN

25. Dr V. David minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah benar atau tidak Keretapi Tanah Melayu (KTM) telahpun diswastakan;

(b) jika benar, apakah nama syarikat yang telah mengambil KTM;

(c) syarat-syarat penswastakan ini; dan

(d) apakah peratusan saham yang akan dijual kepada pekerja-pekerja KTM.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

(a) Tidak benar. KTM belum diswastakan lagi.

(b) —

(c) Syarat-syarat penswastakan belum ditetapkan lagi.

(d) Peratusan saham yang akan dijual kepada pekerja-pekerja KTM belum ditetapkan lagi.

HABUK KAYU UNTUK PENGELUARAN KUASA ELEKTRIK

26. Tuan James Jimbun Anak Punga minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah keputusan yang sebenarnya dalam kemungkinan untuk menggunakan habuk kayu bagi kegunaan untuk mengeluarkan kuasa elektrik dan juga menggunakan habuk kayu sebagai mengisi tanah bagi menahan dari hakisan.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Kajian yang dijalankan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menunjukkan bahawa habuk kayu dan sisa-sisa buangan kayu-kayan boleh digunakan untuk pengeluaran tenaga letrik dan tenaga mekanikal. Melalui proses gasifikasi, bahan-bahan ini boleh ditukarkan kepada bentuk gas yang sesuai untuk disalurkan kepada 'enjin pembakaran dalam' atau, dengan izin, 'internal combustion engine' dan apabila digabungkan dengan penjana letrik boleh mengeluarkan tenaga

elektrik hingga ke tahap 12 kilowatt. Proses ini sesuai untuk digunakan di kawasan-kawasan terpencil di mana keperluan letrik adalah tidak tinggi. Proses ini juga boleh digunakan bagi pengeluaran kuasa letrik untuk menggerakkan pam air serta jentera-jentera ringan.

FAMA—PETANI MENJADI PEMBORONG

27. Puan Rohani binti Abd. Karim meminta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah yang diambil oleh FAMA dalam menggalakkan para petani menjadi pemborong dan bilakah ianya akan dilaksanakan ke seluruh negara.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian melalui FAMA mempunyai program untuk menggalakkan petani menjadi pemborong. Melalui program Pasar Tani, petani-petani dibimbing untuk menjadi peniaga dan seterusnya menjadi pemborong apabila para peserta yang berkenaan mempunyai potensi dan bersedia menceburi bidang pemborongan. Aktiviti peringkat borong secara kecil-kecuan dijalankan oleh FAMA di beberapa Pasar Tani sebagai langkah permulaan, di mana peserta-peserta menjual secara pukal di samping jualan runcit. Untuk meningkatkan pengalaman dan daya saing dan seterusnya paras jualan borong oleh peserta, FAMA mewujudkan Pasar Borong Tani pertamanya pada bulan Februari, 1990 di Selayang, Selangor. Sehingga kini, seramai 30 orang pemborong telah diwujudkan oleh FAMA. Jumlah jualan pada tahun 1990 ialah \$1.8 juta dan bagi 1991 iaitu sehingga Mei, jumlah jualan ialah \$1.1 juta.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, FAMA telah mendapat kelulusan untuk membina 4 buah lagi Pasar Borong Tani di Kedah, Kelantan,

Perak dan Johor. Pelaksanaan program adalah bergantung kepada prestasi Pasar Borong Tani di Selayang dan kesediaan petani-petani menceburi dalam perniagaan borong pada masa akan datang.

ASN/ASB—AKAUN PELABUR

28. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah berlaku akaun pemegang saham di ASN dan ASB tidak kemaskini sehingga menyulitkan pemegang-pemegang saham untuk mengurusniaga.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Pada keseluruhannya, akaun pelabur-pelabur ASN/ASB tidak menimbulkan masalah kecuali sebilangan kecil iaitu 0.008% dari 2.5 juta pelabur yang tidak dapat dikemaskinikan.

Di antara faktor-faktor yang menyebabkan akaun pelabur-pelabur ASN dan ASB tidak dapat dikemaskinikan adalah seperti berikut:

- (i) Pelabur mendaftar lebih dari sekali;
- (ii) Pelabur tidak mengemaskinikan buku pelaburan setiap tahun setelah menerima baucer dividen dan bonus yang menyebabkan berlakunya perbezaan baki pelaburan;
- (iii) Pelabur melebihi jumlah maksima yang telah ditetapkan;
- (iv) Pelabur yang kelayakan diragui; dan
- (v) Pelabur tidak mempunyai buku pelaburan ASB.

SEDC SARAWAK— PENGLIBATAN PERIKANAN LAUT

29. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertanian menyatakan penglibatan SEDC dalam bidang

perikanan laut dalam di Kuching, adakah pihak SEDC berkongsi dengan pelabur asing dalam projek ini dan bagaimanakah projek tersebut akan menjejaskan pengusahaan nelayan tradisi yang ada di Kuching dan kawasan pantai di negeri Sarawak.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Pada masa ini terdapat sebanyak 61 unit bot laut dalam yang sedang beroperasi di Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 3 unit adalah milik SEDC Sarawak yang mana hanya mula beroperasi pada tahun ini. Kebanyakan daripada bot-bot laut dalam yang beroperasi di Sarawak sekarang adalah milik individu dan syarikat-syarikat kecil.

Dalam hal ini SEDC Sarawak masih tidak mempunyai pengalaman yang cukup dalam bidang penangkapan ikan sungguhpun ia mempunyai pengalaman dalam aspek pengurusan. SEDC boleh memainkan peranan mengadakan bot-bot laut dalam untuk diusahakan oleh taikong-taikong tempatan yang berpengalaman tetapi tidak mempunyai modal untuk membina bot.

Penerokaan laut dalam tidak akan menjejaskan pendapatan nelayan pantai kerana bot-bot laut dalam disyaratkan beroperasi di luar kawasan 30 batu dari pantai. Jabatan Perikanan akan mengambil tindakan tegas ke atas bot-bot laut dalam yang mencero boh masuk ke perairan kurang 30 batu dari pantai. Tindakan ini diambil adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan nelayan pantai.

PENIAGA KECIL BERDAFTAR DENGAN CGC

30. Tuan Haji Ishak bin Arshad meminta Menteri Kewangan menyatakan berapa ramaikah jumlah penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar dengan CGC (Credit Guarantee Corporation) dan dari jumlah tersebut berapa ramaikah pula yang telah mendapat kemudahan pinjaman.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Syarikat Jaminan Kredit tidak mengendalikannya pendaftaran ke atas penjaja dan peniaga kecil di negara ini kerana setiap penjaja dan peniaga kecil yang memenuhi syarat-syarat pinjaman yang telah ditetapkan di bawah Skim Tabung Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil dan Skim Pinjaman Khas Persatuan adalah layak untuk membuat permohonan.

Pendaftaran yang dibuat oleh Syarikat Jaminan Kredit hanyalah ke atas persatuan-persatuan penjaja dan peniaga kecil sahaja kerana persatuan-persatuan itu adalah terlibat dalam memperaku dan mengesahkan butir-butir permohonan daripada ahli-ahli mereka. Tujuan mendaftarkan persatuan-persatuan itu adalah untuk memastikan bahawa persatuan-persatuan itu ditubuhkan mengikut undang-undang yang sedia ada dan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Pada masa ini, bilangan persatuan penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar dengan Syarikat itu adalah sebanyak 122 buah.

Sehingga 31hb Mei 1991, seramai 17,770 pemohon telah mendapat pinjaman berjumlah \$40.7 juta melalui skim-skim pinjaman untuk penjaja dan peniaga kecil yang dikendalikan oleh Syarikat Jaminan Kredit.

MAKTAB PERGURUAN— SKIM PERKHIDMATAN KHAS PENSYARAH

31. Tuan Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada pihak Kementerian Pendidikan berhasrat untuk melaksanakan Skim Perkhidmatan Khas bagi para pensyarah maktab perguruan khususnya memberi kenaikan pangkat ke tingkatan kanan secara automatik setelah beberapa tahun bertugas, sama seperti yang sedang dinikmati oleh para pensyarah ITM atau Universiti.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan pada masa ini tidak berhasrat untuk mewujudkan Skim Perkhidmatan Khas bagi para pensyarah maktab perguruan, seperti yang sedang dinikmati oleh pensyarah ITM atau universiti. Skim Pensyarah Maktab Perguruan tidak dibezakan daripada Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berkhidmat di sekolah-sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri dan di Kementerian.

LEBUHRAYA PAN BORNEO DI SARAWAK—PEMBINAAN

32. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan bercadang dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk menswastakan pembinaan dan penyelenggaraan Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak (a) sepenuhnya atau (b) berperingkat-peringkat.

Datuk Peter Tinggom anak Kemarau: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tiada rancangan untuk menswastakan pembinaan dan penyenggaraan Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak pada masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu ciri utama yang perlu wujud sebelum satu-satu jalan itu diswastakan ialah dayamaju jalan berkenaan dari segi pelaburan, iaitu sama ada jalan berkenaan mempunyai jumlah trafik yang mencukupi bagi membolehkan pengusaha mendapat pulangan yang munasabah dari wang yang dilaburkan dengan cara pungutan tol. Dalam hubungan ini adalah didapati bahawa pada masa ini jalan-jalan di Sarawak adalah tidak berdayamaju untuk diswastakan. Lantaran itu, Kerajaan akan terus melaksanakan pembinaan dan penyenggaraan jalan-jalan di Sarawak.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA—PERSIAPAN

33. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Pertahanan menyatakan di dalam menghadapi keadaan politik dunia yang tidak menentu, apakah persiapan Angkatan Tentera Malaysia di dalam menghadapi kemungkinan perang.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Malaysia sentiasa memberi perhatian yang rapi terhadap perkembangan politik serta keadaan strategik antarabangsa masakini memandangkan ianya boleh menimbulkan implikasi-implikasi tertentu terhadap keselamatan dan pertahanan negara ini. Perkembangan di Eropah Timur, penekanan yang berkurangan terhadap persaingan berasaskan ideologi, kekenduran perang dingin, dan tamatnya ancaman militan PKM dan NKCP di negara ini tidak bererti keperluan meningkatkan keupayaan pertahanan negara tidak lagi wujud. Masih terdapat isu-isu yang boleh menyebabkan ketidakstabilan serta menimbulkan ancaman terhadap kepentingan strategik serta keselamatan negara walaupun punca, corak dan jangka masa kemunculan ancaman tersebut tidak dapat dipastikan dengan jelas sekarang. Persiapan dan sikap berjaga-jaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan perlu diteruskan.

Bagi menghadapi sebarang kemungkinan, Angkatan Tentera Malaysia pada masa ini sedang berusaha untuk meningkatkan keupayaan pengawasan wilayah dan ruang negara, dan keupayaan memperlindungan kawasan-kawasan strategik negara. Sebagai misalan Projek MOU Malaysia-UK adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi keupayaan dalam pemerintahan pasukan dan markas formasi, mempertingkatkan lagi keupayaan dalam bidang pertahanan udara negara dan

serang balas udara, mempertingkatkan keupayaan firepower maritim, dan mempertingkatkan keupayaan dalam latihan bagi peperangan konvensional.

Di samping itu, Angkatan Tentera telahpun menyiapkan rancangan-rancangan kontinjensi terutama bagi menghadapi sebarang ancaman yang boleh mengugat kedaulatan negara.

Di samping menumpukan usaha bagi meningkatkan keupayaan Angkatan Tentera, Kementerian ini juga memberi tumpuan bagi meningkatkan kerjasama dengan negara-negara ASEAN dalam bidang latihan dan industri-industri pertahanan, Kementerian Pertahanan percaya dengan adanya kerjasama yang rapat dengan negara-negara ASEAN dan negara-negara dalam PPDA akan dapat menguatkan lagi pertahanan Malaysia. Tali perhubungan ketenteraan dua hala di antara Malaysia dengan negara-negara ASEAN akan mewujudkan persefahaman yang rapat serta menghasilkan satu strategic environment yang stabil di rantau ini.

(Soalan No. 34. Sila lihat Jawapan No. 22)

ALBINUS YUDAH— TAHANAN ISA

35. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah keadaan kesihatan Encik Albinus Yudah yang sedang dalam tahanan ISA sekarang; sama ada benar bahawa beliau sedang mengidap penyakit cancer dan sedang dirawat di hospital di Ipoh; dan sama ada benar bahawa apabila isteri beliau melawat beliau di hospital, kedua-dua tangan beliau (Encik Albinus) diikat kepada katil, dan jika ya, apa maksudnya.

Tuan Ong Ka Ting: Encik Albinus Yudah yang kini sedang menjalani Perintah Tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 telah menjalani pemeriksaan perubatan di Hospital Besar Ipoh dari

6hb Mei, 1991 hingga 9hb Mei, 1991 di bawah seorang pakar perubatan THT (ENT 'Ear, Nose and Throat'). Keadaan kesihatannya pada masa kini adalah memuaskan. Sekiranya perlu, beliau diberi rawatan dari semasa ke semasa di Hospital. Pihak pakar perubatan yang merawat beliau telah mengesahkan bahawa beliau tidak mengidap penyakit cancer (barah) seperti yang difikirkan. Beliau dikatakan mengidap sejenis penyakit T.B. di bahagian tengkok (neck). Walau bagaimanapun, keadaan beliau tidaklah membahayakan.

Semasa di hospital hanya tangan kiri beliau digari. Ini adalah langkah yang biasa dikenakan sebagai berjaga-jaga selaras dengan kehendak peraturan-peraturan yang terpakai.

HISAP ROKOK DI PAWAGAM—LARANGAN

36. Tuan G. Palanivel minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah larangan menghisap rokok di pawagam-pawagam dan bas-bas tidak dikuatkuasakan dengan tegasnya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang larangan menghisap rokok di pawagam-pawagam adalah terletak di bawah kuasa Pihakberkuasa Tempatan. Buat masa ini, Pihakberkuasa-Pihakberkuasa Tempatan pada keseluruhannya menghadapi masalah kekurangan kakitangan, maka pengatkuasaan undang-undang tersebut terpaksa di laksanakan dari semasa ke semasa mengikut keupayaan.

Bagi kesalahan merokok di dalam bas-bas, Jabatan Pengangkutan Jalan diperuntukan kuasa untuk menguatkuasakan kaedah-kaedah Kenderaan Perkhidmatan Awam (Perlesenan dan Kelakuan Pemandu, Konduktor dan Penumpang) 1959. Kaedah tersebut

memperuntukkan kuasa kepada pemandu atau konduktor bas untuk menurunkan penumpang yang didapati menghisap rokok di dalam bas. Oleh itu, penguatkuasaan peraturan tersebut bergantung atas konduktor dan pemandu bas.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini berharap bahawa orang ramai mestilah melaksanakan tanggungjawab mereka iaitu dengan mematuhi larangan menghisap rokok di tempat-tempat berkenaan setiap masa dan melaporkannya kepada Pihakberkuasa Tempatan atau Perkhidmatan Pengangkutan Jalan sekiranya perbuatan merokok di tempat-tempat tersebut dilakukan.

KILANG MENGISAR BESAR—LPN

37. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada benar atau tidak, Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) Negeri Kedah hanya membenarkan kilang mengisar beras yang dimiliki seratus peratus dan mempunyai pekerja yang kesemuanya bumiputera, menyertai 'Skim Pusat Belian Beras';
- (b) sama ada benar atau tidak LPN Kedah hanya membenarkan kilang mengisar beras yang mempunyai ekuiti bumiputera yang tidak kurang dari 60 peratus sahaja, menyertai 'Skim Meringing Upah dan Kisar' (SMUK);
- (c) sama ada benar atau tidak, pembelian padi dari negeri jiran, sebagai contoh dari negeri Perlis dikhaskan untuk kilang mengisar beras yang dimiliki oleh bumiputera sahaja, sedangkan LPN Kedah tidak membenarkan kilang milik bukan bumiputera dari berbuat demikian;
- (d) jika ya, adakah Kementerian Pertanian bercadang mengarahkan LPN Kedah memberhentikan dasar-dasar tersebut yang jelas mendiskriminasi kilang mengisar beras bukan bumiputera, dan yang akan merenggangkan hubungan baik di antara pengilang kaum bumiputera dan bukan bumiputera; dan
- (e) jika tidak, adakah dasar-dasar sedemikian akan membantu Malaysia mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Bagi menjawab soalan (a) dan (b):

LPN telah melaksanakan beberapa program di bawah rancangan untuk mempertingkatkan penglibatan bumiputera di dalam industri padi dan beras khususnya di dalam pemprosesan padi selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Program-program tersebut ialah Skim Pusat Belian, Skim Upah Meringing Mengisar (SMUK) dan Skim Upah Kisar (SUK).

Program-program di atas melibatkan 80 kilang bumiputera. Dari jumlah tersebut, hanya 31 buah kilang telah menyertai Skim Pusat Belian dan hanya berupaya mengendalikan 40,000 tan metrik padi atau 10% daripada jumlah padi yang dipasarkan. Manakala terdapat sebanyak 84 buah kilang bukan bumiputera di Kedah tetapi mereka menguasai 60% daripada jumlah padi yang dipasarkan iaitu di dalam lingkungan 400,000 tan metrik semusim.

- (c) Tidak benar. Bagi negeri yang pengeluarannya melebihi keupayaan pengendalian dan pemprosesan, lebih dari satu

kawasan dibenarkan dijual di kawasan lain kepada kilang-kilang swasta termasuk kilang swasta bukan bumiputera.

Di dalam urusan pemasaran/penjualan padi, petani-petani adalah bebas untuk memilih kepada siapa dan di mana mereka ingin menjual padi. Pada lazimnya, mereka akan menjual kepada pembeli yang menawarkan harga yang terbaik. Sekiranya petani di negeri Perlis berminat untuk menjual padi ke kilang-kilang di negeri Kedah kerana tawaran yang lebih baik maka mereka dibenarkan berbuat demikian.

- (d) Tidak berkaitan.
- (e) Ya, bersetuju.

LATIHAN USAHAWAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

38. Datuk Haji Basri bin Bajuri minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai pegawai-pegawai Kerajaan ingin bersara awal. Jika ada:

- (a) apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk memberi mereka sebarang latihan keusahawanan atau lain-lain latihan yang sesuai dengan cita-cita mereka selepas bersara; dan
- (b) setakat ini berapa ramaikah yang telah bersara rasmi memohon untuk bersara awal.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, adalah telalu awal untuk Kerajaan memberi ulasan sama ada ramai ataupun sebaliknya pegawai-pegawai Kerajaan yang ingin bersara awal berikutan keputusan Kerajaan menurunkan had umur bersara kepada 40 tahun. Ini adalah sebabkan kemudahan persaraan

tersebut baru sahaja dilaksanakan pada tarikh 12hb April, 1991 yang lalu.

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk memberi kursus secara spesifik kepada golongan pegawai-pegawai yang ingin bersara apabila mencapai umur 40 tahun itu. Walau bagaimanapun, program-program latihan keusahawanan telahpun dijalankan oleh Kerajaan sebelum ini.
- (b) dari 12hb April 1991 sehingga 15hb Jun 1991, sejumlah 56 orang pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan telah memohon untuk bersara awal iaitu setelah mencapai umur 40 tahun.

PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP DALAM PEPERIKSAAN SRP

39. Tuan Saidin bin Adam minta Mentei Pendidikan menyatakan adakah bercadang membolehkan dan membenarkan pelajar-pelajar sekolah menengah aliran agama:

- (a) mengambil sembilan mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dengan memasukkan pelajaran Kemahiran Hidup; dan
- (b) mewajibkan pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia aliran sains di sekolah menengah agama mengambil mata pelajaran Bahasa Arab serta dimasukkan di dalam keputusan sijil tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Buku Peraturan dan Panduan SRP tahun 1991 dan 1992 telah diedarkan ke sekolah-sekolah pada tahun 1990 untuk

membolehkan sekolah serta pelajar merancang dan membuat persediaan lebih awal. Sebarang pindaan kepada peraturan berkemungkinan akan menjejaskan rancangan persediaan sekolah dan pelajar itu sendiri.

Kementerian Pendidikan memberi notis lebih awal tentang sesuatu pindaan peraturan untuk tidak menjejaskan rancangan persediaan sekolah dan pelajar menghadapi peperiksaan.

Di samping itu, mata pelajaran 'Kemahiran Hidup' termasuk dalam program peralihan dalam SRP, di mana pelajar Sains dibolehkan untuk tidak mengambil mata pelajaran tersebut kerana ia berada dalam kumpulan yang sama.

(b) Kementerian Pendidikan tidak bercadang mewajibkan Bahasa Arab diambil oleh pelajar-pelajar Sains sekolah menengah aliran agama kerana:

(i) Bahasa Arab bukan mata pelajaran teras di peringkat menengah atas;

(ii) mewajibkan Bahasa Arab akan menyempitkan peluang pelajar Sains memilih mata pelajaran dalam kumpulan mata pelajaran elektif bagi tujuan melanjutkan pelajaran. Keputusan setiap mata pelajaran yang diambil oleh pelajar dicatat dalam sijil.

PONDOK POLIS DI PEKAN DURIN

40. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) sama ada Kementerian ingin menubuhkan pondok-pondok Polis di Pekan Durin me-

mandangkan kilang papan ditubuhkan berdekatan dengan kawasan itu serta dengan banyak program membangunkan desa dicadangkan. Kalau ya, bilakah Kementerian akan menubuhkan balai tersebut? Kalau tidak, mengapa?

(b) sama ada Kementerian ingin menubuhkan pondok Polis di Pradon dan pengkalan Feri Sungai Bidut.

(c) sama ada beliau sedar bahawa banyak pondok Polis di Sarawak tanpa pegawai Polis bertugas di dalamnya. Kalau ya, apakah langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini?

Tuan Ong Ka Ting:

(a) Pihak Kementerian sedar akan keperluan kepolisian di Durin, Bahagian Sibul. Pihak Polis sedang meliputi dengan aktif Pekan Durin ini meskipun dengan tidak menempatkan anggota-anggota di sini. Pihak Polis sedang mengawasi keadaan jenayah dengan rapi dan akan bertindak sewajarnya jika berlaku jenayah. Oleh itu, kehadiran Polis bemastautin kini belum dikehendaki lagi.

(b) Pihak Kementerian juga sedar tentang pembangunan tempatan di kawasan-kawasan Pradon dan Sungai Bidut. Pihak Polis kini sedang meliputi kawasan-kawasan ini dengan mengadakan rondaan dan pada masa yang sama sudah memperolehi tapak-tapak yang sesuai bagi mendirikan Balai Polis di kedua-dua kawasan tersebut. Pembangunan Balai Polis akan menyusul apabila keadaan memerlukan penubuhan kepolisian bermastautin.

(c) Di negeri Sarawak tiada lagi terdapat Pondok Polis yang masih kosong, kecuali di mana anggota-anggotanya ditempatkan semula disebabkan perubahan keperluan kepolisian tempatan. Namun begitu, jika rujukan dibuat kepada Pengkalan-pengkalan bit dalam bandar, maka yang demikian hanya dimaksudkan sebagai pengkalan bagi bit Polis sahaja. Pondok-pondok Polis ini biasanya tidak dianggotai seperti Balai-balai Polis dan Pos Polis. Aktiviti Polis berhubung dengan Pengkalan-pengkalan bit sedemikian adalah berbeza-beza daripada satu kawasan dengan kawasan yang lain iaitu bergantung kepada aktiviti-aktiviti di kawasan bit berkenaan.

AHLI PARLIMEN MENYEBERANG KE PARTI LAIN

41. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bertujuan untuk membuat undang-undang untuk menghalang Ahli-ahli Parlimen daripada menyeberang ke parti-parti lain untuk memastikan wakil-wakil rakyat yang dipilih tidak mengkhianati pengundi-pengundi yang mengundi mereka di atas pentas sesebuah parti politik.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membuat undang-undang bagi menghalang Ahli-ahli Parlimen daripada menyeberang ke parti-parti lain.

MASYARAKAT PERDAGANGAN DAN INDUSTRI BUMIPUTERA

42. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan apakah program-program

yang telah dijalankan dan yang di dalam perancangan Kerajaan untuk membantu bagi mempertingkatkan dan memastikan wujudnya satu masyarakat perdagangan dan industri Bumiputera yang berdaya maju dan tahan lasak di dalam matlamat dan perspektif baru yang selaras dengan Wawasan 2020.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Untuk makluman Yang Berhormat, konsep Wawasan 2020 telahpun diterangkan secara terperinci oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menjawab pertanyaan mulut di Dewan ini pada 17hb Jun, 1991.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang ditubuhkan pada 27hb Oktober, 1990 telah merancang program-program tertentu untuk membantu memusat dan mempertingkatkan Bumiputera menceburi di dalam bidang perdagangan atau perniagaan. Antara usaha-usaha yang sedang dilakukan ialah menyelaras, menyelia dan mengawasi aktiviti-aktiviti perdagangan di bawah bidang tugas Kementerian ini seperti berikut:

(i) Membuat kajian-kajian tentang peluang-peluang perniagaan yang akan diwujudkan melalui aktiviti perdagangan dan perindustrian supaya dapat disebarkan untuk membantu Bumiputera pada masa hadapan. Di samping itu, Kementerian telahpun menyebarkan peluang-peluang sebagai pengedar bahan-bahan petroleum kepada pengusaha-pengusaha melalui agensi-agensi Kerajaan Pusat dan juga negeri;

(ii) Memberi khidmat nasihat kepada usahawan-usahawan dan bakal-bakal usahawan bumiputera dalam bidang pengedaran, perkhidmatan dan perdagangan sama ada di

pejabat atau melalui majlis-majlis dialog, ceramah, forum yang diadakan oleh Kementerian dari masa ke semasa;

- (iii) Mengawasi dan memastikan syarikat-syarikat pembekal/pengilang bahan-bahan petroleum dapat membantu bumiputera merebut peluang-peluang perniagaan, termasuk kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pengilang melalui surat-surat arahan dan juga majlis perjumpaan yang diadakan setiap masa; dan
- (iv) Melalui kebenaran lesen PDA yang telah dikeluarkan oleh Kementerian untuk mengedar bahan-bahan petroleum membolehkan pengusaha-pengusaha bumiputera menyetai tender-tender Kerajaan dan juga tender syarikat swasta.

Untuk pelaksanaan program tersebut supaya menjadi lebih berkesan lagi, Kementerian baru-baru ini telah mewujudkan satu unit baru, iaitu Unit Penyertaan Bumiputera, yang akan terlibat secara langsung dalam program menggalakkan penyertaan bumiputera melalui aktiviti ceramah, dialog, penerangan mengenai peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh bumiputera, memberi khidmat/nasihat, menyelaraskan dengan Kementerian/Agensi Kerajaan lain yang berkaitan dengan bumiputera dan menganjurkan program latihan yang sesuai.

WANG SIMPANAN BANDUAN DI PENJARA JOHOR BAHRU

43. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah simpanan wang banduan di penjara Johor Bahru setakat ini; dari punca mana banduan dapat membuat simpanan dan berapakah lama simpanan itu sudah dibuat;

(b) cara-cara simpanan itu dimanfaatkan dan apakah jaminan keselamatan simpanan itu;

(c) adakah Yang Berhormat mendapat maklumat betapa sejumlah \$5,000.00 dari wang simpanan itu telah lesap; jika maklumat ini benar, sila terangkan bagaimana ia boleh berlaku dan apakah tindakan yang telah dibuat; dan

(d) ada maklumat menyebut kelesapan itu telah ditampung kemudian oleh pihak pentadbir dengan wang kelab. Adakah ini benar dan jika benar, di bawah peraturan apa wang kelab itu digunakan.

Tuan Ong Ka Ting:

(a) Jumlah wang simpanan banduan di Penjara Johor Bahru sehingga bulan Mei 1991 sebanyak \$9,976.78 wang Malaysia dan \$3,792,150 dalam bentuk rupiah wang Indonesia iaitu lebih kurang bernilai \$5,726.15. Simpanan wang banduan tersebut dari dua punca:

(i) wang yang ada pada banduan semasa mereka masuk penjara dan disimpan oleh pihak penjara;

(ii) wang yang diperolehi oleh banduan dari Rancangan upah kerja.

Wang simpanan tersebut disimpan selama mana banduan itu menjalani hukuman dan dikembalikan wang itu apabila mereka dibebaskan.

- (b) Barangan termasuk wang yang ada pada banduan semasa mereka masuk penjara akan disimpan oleh Pejabat Rekod Penjara. Senarai segala harta benda banduan akan dicatatkan dari masa ke semasa dalam rekod banduan tersebut. Ianya akan dikeluarkan pada hari banduan tersebut dibebaskan.
- (c) dan (d) Semasa Penjara Johor Bahru memindahkan 120 orang banduan dagang ke Penjara Simpang Rengam, Johor, Pengarah Penjara Johor Bahru telah mendapati kehilangan peketerpeketer simpanan kepunyaan 7 orang banduan. Siasatan lanjut tentang kehilangan ini masih belum selesai.

KAMPUNG MELAYU TRADISIONAL WILAYAH PERSEKUTUAN

44. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Jabatan beliau telah merancang pembangunan semula kampung-kampung Melayu Tradisi di Wilayah Persekutuan khususnya dan di kawasan Parlimen Lembah Pantai amnya seperti di Segambut, Sungai Penchala dan Bukit Lanjan, Kampong Pantai dan Kampung Pasir memandangkan kampung-kampung tersebut amat tertinggal dari arus pembangunan. Jika ada, bagaimanakah bentuk pelan pembangunan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Kerajaan memang bercadang untuk membangun semula kampung-kampung tradisional di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan DBKL akan menjalankan kajian pembangunan semula kampung-

kampung tradisional ini. Pendekatan kajian pembangunan semula Kampung-kampung Melayu Tradisional di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah tertakluk kepada kriteria-kriteria seperti lokasi, keluasan kawasan, kemampuan infrastruktur, pembangunan sekitar dan keperluan setempat.

Bagi kawasan-kawasan perkampungan yang besar seperti Sungai Pencala, Segambut, Bukit Lanjan dan berapa kampung lain di Gombak, pihak DBKL menyediakan Pelan Petunjuk yang memberi panduan akan corak pembangunan dan juga menyediakan rezab-rezab infrastruktur dan kemudahan awam yang diperlukan. Bagi perkampungan-perkampungan kecil dan terpencil seperti Kampung Pasir, Kampung Pantai dan sebagainya, pelan perancangan disediakan dan diselaraskan dengan pelan kawasan sekitar yang sedia ada supaya memudahkan kemajuan di kampung berkenaan.

Mengenai pelaksanaan pembangunan, Kerajaan hanya membina infrastruktur seperti jalan dan kemudahan-kemudahan lain sambil menggalakkan pembangunan hartanah dengan cara yang lebih liberal dan ekonomik. Pemilik boleh membangun hartanah mereka asalkan mengikut prosedur perancangan dan mendapat kebenaran perancangan terlebih dahulu. Sebagai galakan, insentif-insentif khas dan kelonggaran syarat-syarat perancangan diberikan supaya pemilik-pemilik tanah dapat membangunkan tanah-tanah mereka dengan lebih tersusun dan lebih menguntungkan.

LESEN TEKSI DI LEMBAH KELANG

45. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada Kementerianya telah menarik balik pembekuan pengeluaran permit teksi bagi

Lembah Kelang termasuk Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Juga, nyatakan bilangan permit yang ada dalam kawasan-kawasan itu dan bilangan permit baru yang dicadang akan dikeluarkan dan bila;

- (b) sama ada permit teksi baru akan dikeluarkan kepada syarikat atau permohonan perseorangan atau kedua-duanya. Berapa banyak syarikat dan orang perseorangan yang telah memohon permit teksi setakat ini sejak Kementerian menerima permohonan baru selepas pembekuan terakhir; dan
- (c) jika permit dikeluarkan kepada perseorangan, akan adakah kuota menurut kaum atau pengeluaran hanya berdasarkan kelayakan seperti berapa lama memandu teksi.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):

- (a) Pembekuan permohonan lesen teksi untuk Wilayah Persekutuan dan persekitaran masih lagi berkuatkuasa. Namun demikian, pihak Lembaga masih memberi pertimbangan kepada pemohon-pemohon mengikut keperluan sesuatu permohonan itu.

Bilangan permit atau lesen teksi yang telah dikeluarkan bagi kawasan Lembah Kelang termasuk Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Shah alam sehingga kini ialah sebanyak 8,701. Bilangan permit teksi baru bagi kawasan Lembah Kelang akan ditentukan dari masa ke semasa.

- (b) Adalah menjadi hasrat Kementerian mengeluarkan permit teksi baru atas nama perseorangan jika ianya benar-

benar perlu pada pandangan pihak Kementerian dan juga atas nama syarikat. Bilangan permohonan permit teksi baru sejak awal tahun hingga Mei, 1991 mengikut pecahan orang perseorangan dan syarikat adalah seperti berikut:

(i) Orang perseorangan	1,369
(ii) Syarikat	28

- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, kelulusan satu-satu permit bukanlah berdasarkan kepada kuota mengikut kaum, tetapi berasaskan kepada keperluan sebenar dan lain-lain faktor seperti kesungguhan dan keupayaan pihak pengusaha menjalankan dan kelayakan pemohon. Matlamat pengeluaran sesuatu permit bukan hanya semata-mata untuk memenuhi keperluan pihak pemohon tetapi yang lebih penting ialah untuk memastikan masyarakat umum mendapat faedah daripada setiap jenis permit yang dikeluarkan.

**SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN AGAMA—
PERMOHONAN**

46. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan murid sekolah rendah yang memohon memasuki Sekolah Menengah Agama Kebangsaan di seluruh negara mengikut negeri dan berapa ramai yang diterima. Ke manakah pelajar-pelajar yang tidak berjaya itu melanjutkan pelajaran. Apakah nasihat Menteri kepada ibu bapa yang anak-anak mereka gagal masuk ke sekolah menengah aliran agama itu. Apa pula jaminan Kerajaan supaya murid-murid yang tidak terpilih itu beroleh peluang belajar agama secara sistematik dari Kementerian Pendidikan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelajar-pelajar yang memohon untuk memasuki Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) adalah melebihi 30,000 orang di seluruh negara. Walau bagaimanapun, bilangan yang dapat diterima masuk ialah 3,991 orang sahaja. Kedudukan bilangan pemohon dan bilangan yang ditawarkan memaski SMKA mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Pelajar yang memohon	Jumlah Pelajar Yang ditawarkan
Selangor	3,376	427
W. Persekutuan	3,075	83
Sabah	1,764	570
Sarawak	1,696	354
Melaka	2,150	338
Pulau Pinang	2,343	374
Kedah	3,125	178
Perlis	821	282
N. Sembilan	3,120	366
Terengganu	3,587	366
Pahang	2,122	124
Johor	2,478	326
Kelantan	978	320
Perak	3,146	126
Jumlah:	33,781	3,991

Bagi pelajar-pelajar yang tidak berjaya memasuki Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, mereka diberikan pilihan sama ada untuk memasuki Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kerajaan Negeri atau Aliran Agama di Sekolah Menengah Biasa dan bakinya ke Sekolah-sekolah Menengah Agama Rakyat. Ibu bapa yang anak mereka gagal mendapat tempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama tidak seharusnya bimbang kerana peluang anak-anak mereka untuk memasuki sekolah Aliran Agama di Sekolah Menengah Biasa adalah terbuka luas dan mutu pendidikan yang diberikan adalah sama baiknya dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.

CUKAI ARAK/JUDI

47. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Kewangan menyatkan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang menghapuskan cukai-cukai arak, judi, kelab malam dan sebagainya ke arah menghapuskan gejala mungkar tersebut agar menepati slogan nilai-nilai Islam yang dilaungkan oleh Kerajaan; dan
- (b) huraikan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk menyelaraskan sistem kewangan dan polisi fiskal negara dengan dasar Islam dan di masa yang sama tidak menjejaskan urusniaga dan ekonomi negara di peringkat antarabangsa.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Buat sementara waktu Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan cukai-cukai atas arak, judi, kelab malam dan sebagainya.

PROJEK EMPANGAN PERGAU

48. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatkan:

- (a) sejauhmanakah perundingan dengan pihak berkuasa negeri Kelantan telah dibuat berhubung dengan Projek Empangan Pergau. Sejauhmana persetujuan telah dicapai;
- (b) nyatakan jumlah pampasan yang akan dibayar kepada pihak berkuasa negeri Kelantan berhubung dengan pelaksanaan projek tersebut;
- (c) bagaimanakah bentuk pembinaan projek tersebut sama ada dengan cara usahasama pemborong dalam atau luar negeri; dan
- (d) apakah peranan pihak berkuasa negeri Kelantan dari segi pelaksanaan projek itu kelak.

**Timbalan Menteri Tenaga,
Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol
Rosli bin Mohd. Ghazali):**

- (a) Berapa rundingan dan majlis taklimat serta perbincangan telah diadakan di antara pihak berkuasa negeri Kelantan dengan Tenaga Nasional Berhad. Setakat ini Kerajaan negeri Kelantan pada dasarnya telah bersetuju dengan pelaksanaan Projek Hidro Elektrik Pergau. Kebenaran memasuki tanah-tanah Kerajaan telah diberi oleh pihak berkuasa negeri Kelantan selepas rundingan gantirugi diadakan pada 15hb Jun, 1991.
- (b) Buat masa ini, jumlah bayaran gantirugi yang akan dibayar kepada pihak berkuasa negeri Kelantan belumlah lagi diputuskan. Rundingan pertama mengenai pembayaran gantirugi telah diadakan pada 15hb Jun, 1991 yang lalu. Rundingan-rundingan selanjutnya akan diadakan dalam sedikit masa lagi.
- (c) Projek tersebut adalah secara "turnkey". Kontrak Projek Pergau ditawarkan kepada Syarikat Kerjaya Balfour Beatty Cementation Sdn. Bhd. Syarikat tersebut adalah gabungan di antara sebuah syarikat tempatan bumiputera (Kerjaya Sdn. Bhd.) dengan sebuah syarikat dari Britain.
- (d) pihak berkuasa negeri Kelantan memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan projek ini khususnya dari segi memberi kelulusan yang awal kepada Tenaga Nasional Berhad untuk masuk ke tapak projek bagi memulakan pembinaan serta juga dari segi membantu mengatasi apa-apa masalah

tanah yang dihadapi oleh Tenaga Nasional Berhad.

**PERUMAHAN JURURAWAT
DI HOSPITAL BESAR
ELIZABETH**

49. Tuan Joseph Voon minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) tahukah Menteri Kesihatan bahawa sebilangan tempat tinggal (quarters) jururawat di Hospital Besar Elizabeth, Kota Kinabalu sedang dalam keadaan yang buruk dan ramai jururawat/doktor masih tidak mempunyai quarters; dan
- (b) adakah Kementerian Kesihatan mempunyai rancangan untuk memperbaiki quarters-quarters yang buruk dan membina quarters yang baru.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Kementerian Kesihatan Malaysia sedar dan peka kepada keperluan penyelenggaraan bangunan-bangunan dari masa ke semasa. Peruntukan untuk tujuan ini telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kelima dan Rancangan Malaysia Keenam, dan tiap-tiap tahun peruntukan diberi untuk kerja-kerja penyelenggaraan.

Kementerian Kesihatan Malaysia juga menyedari keperluan perumahan untuk kakitangan dan telah menyediakan perumahan untuk kakitangan terutama kepada kakitangan yang bertugas atas panggilan.

- (b) Sehingga kini dalam tahun 1991 untuk Hospital Besar Queen Elizabeth, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membelanjakan \$90,372.00 untuk memperbaiki perumahan kakitangan. Dalam Rancangan

Malaysia Keenam, \$10.189 juta dalam tahun 1991 dan \$5.189 juta dalam tahun 1992 telah disediakan untuk keperluan kemudahan-kemudahan kesihatan bagi seluruh negeri Sabah termasuk untuk perumahan kakitangan. Selain dari ini, perumahan-perumahan baru yang akan dilaksanakan/ sedang dilaksanakan untuk Hospital Besar Queen Elizabeth sahaja termasuk:

- (i) Rumah kakitangan 24 Kelas F-\$780,000.00 di mana tender akan ditawarkan;
- (ii) Rumah kakitangan 8 Kelas G-\$360,000.00 yang telah siap 95%.

HUBUNGAN DINGIN KUALA LUMPUR— CANBERRA

50. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Luar Negeri menyatakan punca dan pendirian Malaysia terhadap kekurangan mesra antara Kuala Lumpur dengan Canberra, apakah langkah-langkah positif akan diambil oleh Kerajaan pada masa hadapan untuk memulih semua hubungan baik antara dua negara.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah memberi jawapan yang sama kepada soalan ini semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada 20hb Jun, 1991. Saya tidak apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

TRAGEDI MAKANAN 'LOH SEE FUN'

51. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kesihatan menyatakan laporan

keracunan makanan 'loh see fun'. Semenjak tragedi keracunan makanan tersebut apakah bahan-bahan kimia yang diharam atau disekatkan dalam pembuatan makanan. Berapakah banyak lagi bahan kimia yang mana penguatkuasaan sekatan atau pengharaman masih belum dilakukan. Mengapakah penguatkuasaan masih belum berjalan. Selain mengharamkan bahan-bahan kimia, apakah tindakan susulan lain yang diambil oleh Kementerian, khususnya syor-syor dalam laporan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Ingin saya jelaskan bahawa laporan ke atas tragedi makanan 'loh see fun' yang berlaku di negeri Perak pada Oktober 1988 telah dinyatakan beberapa kali di dalam sessi-sessi Dewan Rakyat yang lepas. Sekali lagi ingin saya laporkan di sini bahawa tragedi disiasat dengan mendalam menggunakan kaedah-kaedah saintifik dan kepakaran yang terdapat di dalam dan di luar negeri. Dari maklumat-maklumat yang diperolehi dari aspek-aspek rawatan klinikal, siasatan epidemiologi, patologi dan makmal, Kementerian Kesihatan membuat keputusan bahawa kematian-kematian tersebut disebabkan oleh sejenis racun semulajadi bernama "aflatoxin", dan bukan disebabkan oleh bahan kimia.

Berkenaan dengan bahan-bahan kimia yang diharamkan atau disekat di dalam pembuatan makanan sejak tragedi itu, adalah dimaklumkan bahawa peruntukan-peruntukan yang sedia ada bagi bahan-bahan kimia dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985 didapati masih komprehensif dan sesuai dan tidak perlu dibuat apa-apa perubahan akibat tragedi keracunan itu. Walau bagaimanapun, penyemakan kesesuaian kandungan Peraturan tersebut dibuat dari masa ke semasa sebagai satu aktiviti biasa Program Kawalan Mutu Makanan.

Dalam hal penguatkuasaan Peraturan-peraturan itu, ingin saya nyatakan bahawa pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pihak Penguasa-penguasa Tempatan sentiasa menjalankan aktiviti pengawasan untuk memastikan yang pengusaha makanan tidak menggunakan bahan-bahan lebih dari sukatan yang dibenarkan. Tindakan sewajarnya sentiasa diambil terhadap mereka yang melanggar Peraturan-peraturan itu. Jadi, adalah tidak benar bahawa penguatkuasaan masih belum berjalan.

Tindakan susulan lain yang diambil oleh Kementerian Kesihatan juga mengambil kira syor-syor yang dibuat di dalam laporan termasuk:

- (1) Mengawal keselamatan makanan khususnya yang dikeluarkan oleh pembuat-pembuat mi termasuk "loh see fun". Di dalam hal ini, pihak Kementerian telah mengeluarkan garis panduan yang terperinci yang merangkumi setiap peringkat pemerosesan mi, yang boleh kami rumuskan daripada peringkat bahan mentah dan peringkat prosesan sehingga peringkat hasil atau finished product.
- (2) Mempertingkatkan sistem pengawasan supaya semua maklumat semasa kejadian keracunan makanan dapat dihantar dan diterima dengan segera di setiap peringkat pengurusan sama ada di peringkat daerah, negeri atau Kementerian Kesihatan; dan termasuk juga kawasan-kawasan Penguasa Tempatan dengan kerjasama dari majlis-majlis tersebut.
- (3) Memperkukuhkan lagi hubungan antara agensi yang ada kaitan dengan isu keselamatan makanan dan mengadakan

beberapa perbincangan dan kajian untuk meningkatkan mutu dan keselamatan makanan.

- (4) Mempertingkatkan penyampaian maklumat kepada pengusaha-pengusaha makanan dan kepada konsumen tentang keselamatan makanan dan peranan mereka di dalam memastikan makanan yang dibuat dan dibeli adalah selamat.

(Soalan No.52 sila lihat jawapan No.21)

TELEFON CELLULAR

53. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar pada penghuni tidak begitu puashati dengan harga telefon "cellular" yang boleh dikatakan paling tinggi jika dibandingkan dengan harga-harga di beberapa negara-negara maju. Apakah sebabnya harga telefon "cellular" ini begitu tinggi di negara kita. Bukankah ini satu sistem yang paling penting untuk menaikkan taraf komunikasi di negara kita dan maka dengan ini bukankah tanggungjawab Kerajaan untuk menurunkan kos sistem ini untuk membolehkan ramai rakyat kita menggunakan telefon ini;
- (b) adakah beliau sedar mutu perkhidmatan yang sedang diberi oleh Syarikat CELCOM dalam sistem komunikasi ini amat berkurangan. Selain daripada mutu perkhidmatan, adakah beliau sedar CELCOM telah berjanji untuk meluaskan sistem ini ke seluruh negara pada awal tahun 1990, tetapi hingga masa kini tidak memberi perkhidmatan seperti yang telah dijanjikan. Apakah sebabnya

Kerajaan tidak boleh membenarkan satu lagi syarikat untuk memberi perkhidmatan Art 900 seperti yang diberi oleh CELCOM untuk menaikkan mutu perkhidmatan antara mereka; dan

- (c) adakah beliau sedar, kadar dan harga untuk menggunakan sistem Art 900 amat tinggi jika dibandingkan dengan lain-lain sistem di negara kita dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan harga ini untuk meluaskan perkhidmatan ini kepada lebih rakyat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:

- (a) Adalah benar harga Telefon Cellular di Malaysia adalah agak tinggi. Harga purata sebuah Telefon Cellular di Malaysia ialah kira-kira \$5,800. Harga yang agak tinggi ini terutamanya disebabkan oleh duti import dan cukai jualan yang dikenakan ke atas Telefon Cellular yang merupakan kira-kira 43% daripada harga Telefon Cellular.
- (b) (1) Perkhidmatan Celullar ART 900 yang dikendalikan oleh Syarikat CELCOM menggunakan sistem E-TACS yang mana merupakan sistem termaju dan terbaru di dunia. Teknologi ini menyediakan mutu perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

Namun begitu, tidak dapat dinafikan terdapat juga mutu perkhidmatan yang kurang memuaskan. Hal ini disebabkan antara lain oleh:

- (i) kualiti litar yang kurang baik;

- (ii) perkhidmatan PSTN yang kurang baik;
- (iii) terdapatnya kawasan 'blindspots' di mana kuasa pancaran adalah rendah akibat daripada lindungan topografi;
- (iv) pertambahan pelanggan yang pesat yang melebihi keupayaan rangkaian yang mana mengakibatkan kesesakan (congestion).

Menyedari hakikat ini, saya telah mengarahkan semua pihak yang terlibat untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya ke arah memperbaiki mutu perkhidmatan ART 900. Di antara langkah-langkah yang sedang diusahakan oleh pihak CELCOM ialah:

- m e n a m b a h k a n kapasiti saluran Radio; dan
- m e n a m b a h k a n kapasiti ibusawat (MTX).

Langkah-langkah yang tersebut di atas dijangka menelan belanja sebanyak \$300 juta.

- (2) Mengenai pengluasan kawasan liputan perkhidmatan ART 900, pada masa kini hampir semua ibu negeri dan bandar di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung telahpun menerima perkhidmatan ART 900. Di kawasan Pantai Timur Semenanjung, Kota Bharu,

Kuala Terengganu dan Kuantan telah menerima perkhidmatan ART 900. Perkhidmatan ART 900 akan meliputi negeri Sabah dan Sarawak pada pertengahan tahun 1992.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kadar pengluasan yang telah diperlihatkan oleh Syarikat CELCOM adalah memuaskan memandangkan kos pelaburan yang tinggi yang terlibat dalam usaha pengluasan ini.

- (3) Mengenai mengeluarkan lesen perkhidmatan Cellular yang ketiga, pihak Kerajaan buat masa kini tidak bercadang untuk berbuat demikian masa kini tidak bercadang untuk berbuat demikian memandangkan sudah terdapat dua sistem perkhidmatan Cellular, iaitu ATUR 450 dan ART 900 memandangkan sudah terdapat dua sistem perkhidmatan Cellular, iaitu ATUR 450 dan ART 900 dan kedua-dua sistem ini belum lagi mencapai tahap perkembangan yang maksimum. Kerajaan mahu memberi peluang kepada kedua-dua sistem yang tersedia ada untuk terus berkembang dan mencapai keupayaan maksimumnya.
- (c) Kadar tarif yang dikenakan ke atas perkhidmatan Cellular di negara ini iaitu pemanggil dikenakan bayaran sebanyak M30 sen seminit adalah suatu kadar yang berpatutan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Singapura, pemanggil dan penerima dikenakan bayaran sebanyak S20 sen seminit, manakala di Hongkong,

kedua-dua pemanggil dan penerima dikenakan bayaran sebanyak HK\$1.30 seminit.

Buat masa kini Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan kadar tarif tersebut.

HOSPITAL DAERAH MACHANG—MEMBESARKAN

54. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membesarkan Hospital Daerah Machang dengan menambahkan bilangan wad dan katil memandangkan penggunaan katil hospital tersebut melebihi 100%.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kementerian Kesihatan telahpun melaksanakan projek satu wad tambahan (sementara) berkapasiti 30 katil di hospital Daerah Machang pada tahun 1990. Pembinaan wad tambahan ini telah siap dan berfungsi pada bulan Mac 1991. Wad ini digunakan untuk menampung pesakit-pesakit lelaki dan perempuan. Wad ini dibahagi kepada 2 bahagian di mana wad pesakit lelaki diperuntukan 15 katil dan wad pesakit perempuan 15 katil juga.

Seterusnya kajian akan dibuat terhadap penggunaan katil Hospital Daerah Machang dan sekiranya keadaan memerlukan penambahan bilangan katil, maka cadangan pembinaan bangunan wad 4-tingkat seperti yang dicadangkan oleh pihak negeri akan dipertimbangkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam.

JALAN LUAR BANDAR— PERUNTUKAN

55. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) peruntukan bagi jalan luar bandar dan saluran tali air untuk

setiap negeri di Malaysia bagi tahun 1987, 1988, 1989, 1990 dan 1991; dan

- (b) sama ada Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan menambahkan lagi peruntukan bagi jalan-jalan luar bandar dan saluran taliair di Sarawak, iaitu negeri yang terbesar di Malaysia, bagi tahun yang mendatang.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak lebih kurang \$561.23 juta bagi Program Jalan Luar Bandar dan sebanyak \$219.27 bagi program pengairan dan saluran dari tahun 1987 hingga tahun 1991. Pecahan peruntukan bagi tahun-tahun berkenaan bagi setiap negeri merupakan maklumat terperinci dan panjang dan akan diberikan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.
- (b) Kerajaan memang berhasrat dan sentiasa berusaha dari masa ke semasa untuk menambahkan lagi pembinaan jalan luar bandar dan kemudahan pengairan dan saluran di seluruh negara termasuk negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, ini bergantung kepada kedudukan kewangan negara bagi membiayai projek sedemikian.

KEBEBASAN KESATUAN SEKERJA

56. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) mengapakah Kerajaan cuba menghalang kebebasan kesatuan sekerja terlibat dengan politik; dan

- (b) tidakkah Kementerian sedar bahawa perkara-perkara yang diperjuangkan oleh kesatuan sekerja berunsur politik dan mengapakah Yang Berhormat Menteri seringkali membidas pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang terlibat dengan parti-parti pembangkang.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):

- (a) Tujuan penubuhan kesatuan sekerja ialah supaya kesatuan sekerja dapat memperjuangkan kepentingan pekerja-pekerja, bukan sebagai pergerakan atau badan politik. Oleh itu, Kerajaan bertanggungjawab memastikan kesatuan-kesatuan sekerja tidak menyeleweng daripada matlamat-matlamat tersebut. Di samping itu, Kerajaan perlu juga memastikan tabung wang kesatuan sekerja digunakan semata-mata untuk kepentingan kaum pekerja dan tidak disalahgunakan untuk tujuan politik. Sekatan-sekatan tertentu yang termaktub dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959 adalah wajar dan sesuai kerana ia membolehkan kesatuan sekerja bergerak sebagai pergerakan pekerja yang tulen.
- (b) Pihak Kerajaan memang sedar ada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang terlibat dengan parti-parti pembangkang, tetapi Kerajaan tidak pernah membidas mereka kerana melibatkan diri mereka sebagai individu atau orang perseorangan dalam politik. Apa yang dilarang ialah penggunaan kesatuan sekerja oleh mereka untuk maksud-maksud politik sendiri atau mempolitikkan isu-isu pekerja atau perburuhan sama ada di dalam negeri atau di forum-forum di luar negeri.

**KAKITANGAN POS DI
KAWASAN PERUMAHAN
BARU**

57. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi kekurangan bilangan kakitangan Pos di kawasan perumahan baru.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ialah dengan menambahkan bilangan kakitangan iaitu Posmen dan Pegawai Kerani Pos. Perlantikan seramai 302 orang Posmen dan 305 orang Pegawai Kerani Pos sedang diuruskan. Posmen ini dijangka akan mula bertugas dalam bulan Julai dan Kerani Pos pula pada bulan Oktober.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri atas point of order Peraturan 14 mengenai Aturan Urusan Mesyuarat. Saya mahu mengambil perhatian soalan saya ke 19 ialah sebenarnya mengenai insider trading mengenai United Engineers, Time Engineering dan Kinta Kellas yang sebenarnya ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, tetapi dalam Aturan Urusan Mesyuarat dipinda kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggunaan wal hal dalam Securities Industries Act semua perkara saham-saham di bawah Menteri Kewangan. Adakah pemindaan ini di bawah arahan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru

Seorang Ahli: Don't run away, jawab!

Tuan Lim Kit Siang: untuk lari daripada tanggungjawabnya sungguhpun soalan ini tak timbul. Saya harap satu penjelasan kenapa ini dipinda

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat berdiri atas

Tuan Lim Kit Siang: tak ikut Akta, tak ikut Undang-undang, tak ikut Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Peraturan 14 berapa?

Beberapa Ahli: Jawab!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang lain itu jangan mencelah dengan sewenang-wenangnya. Ini peringatan terakhir. Yang Berhormat tadi bangun atas Peraturan 14 berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Aturan Urusan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, 14 berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Ini Aturan Urusan Mesyuarat mana boleh pinda Menteri yang lain. Ini tak sah, ini tak ikut Peraturan Mesyuarat, ini unconstitutional. Jangan lari daripada tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jawab pertanyaan saya dahulu, 14 berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Aturan Urusan Mesyuarat.

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, berdiri, ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, satu demi satu. Jawab pertanyaan saya dahulu, Peraturan Mesyuarat 14, bahagian keberapa?

Tuan Lim Kit Siang: Aturan Urusan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Keberapa?

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai Aturan Urusan Mesyuarat, inilah Aturan Urusan Mesyuarat sepenuhnya. Tak payah bargain, sepenuhnya mengenai Aturan Urusan Mesyuarat. Ini mengenai Aturan Urusan Mesyuarat, mana boleh pinda Kementerian oleh kerana kepentingan politik atau apa?

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat jangan lari dari soalan saya. Nanti saya akan bagi

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya berharap Yang Berhormat boleh berhujah dan boleh mengemukakan sesuatu, tetapi ikutlah kesopanan yang wajar dalam Dewan yang mulia ini. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Sopan dan wajar, tetapi jangan buat perlakuan yang tidak sah

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, ini Ketua Pembangkang bangkit

Tuan Lim Kit Siang: yang melanggar Aturan Mesyuarat

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat belum jawab pertanyaan saya lagi, 14 ke berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh baca, 14 (*Disampuk*) "(1) Urusan-urusan bagi tiap-tiap persidangan mesyuarat hendaklah mengikut aturan

seperti di bawah ini kecuali jika Majlis Mesyuarat menetapkan aturan lain" Inilah menetapkan aturan mesyuarat tetapi tidak membenarkan untuk pemindaan yang tidak sah, tidak membenarkan pemindaan yang tidak mengikut peraturan

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebenarnya apa yang saya maksudkan 14(1) ini dari (a) hingga (q), bahagian yang ke berapa? Itu sahaja. Jawab dengan singkat sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: 14 sepenuhnya Aturan Urusan Mesyuarat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bertenang!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk memberhentikan sandiwara Yang Berhormat dari Tanjong kerana saya ada jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, sila.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Pertama, Yang Berhormat dari Tanjong harus faham bahawa mengikut peraturan pentadbiran kita, Pendaftar Syarikat ialah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sebab itulah soalan dirujuk kepada Kementerian yang berkenaan. Itu dari soal teknikalnya. Kedua, dari segi faktanya saya bersedia menjawab soalan ini dalam Dewan, luar Dewan, di mana-mana. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Buat kenyataan Ministerial Statement kalau begitu. Besok buat kenyataan Kementerian.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak mengikat jawapan ini pada kesempatan ini dari segi peraturan untuk menjelaskan bahawa saya atau Kementerian Kewangan tidak langsung terlibat dalam merubah dan menyusun jadual. Jadual ditetapkan oleh pegawai-pegawai berdasarkan bidangkuasa Pendaftar Syarikat yang Yang Berhormat dari Tanjong nampaknya kurang arif sama sekali. *(Tepuk)*

Tuan Lim Kit Siang: Ini peraturan lagi. Ini bukankah silap, kita tahu ROC di bawah Kementerian Domestic Trade, tetapi nampaknya Yang Berhormat Menteri kurang arif dan tidak tahu bahawa bidangkuasa ROC mengenai sekuriti di bawah Kementerian beliau sendiri. Nampaknya Yang Berhormat Menteri sendiri jahil dalam perkara ini.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya jauh lebih muda daripada Yang Berhormat dari Tanjong, tetapi saya hendak nasihatkan dia supaya tenteram, takut ganggu kesihatan dia *(Ketawa)*. Saya cuma hendak sebut di sini dari segi peraturan mengapa dirujuk kepada Kementerian berkenaan. Kementerian Kewangan sedar bahawa dalam urusan sekuriti Kementerian Kewangan harus memberi penjelasan. Sebab itu kalau soalan itu berbangkit di dalam Dewan, di luar Dewan, di mana-mana, saya bersedia dengan jawapan.

Sekarang ini memang waktu untuk soalan sudah habis, tetapi kalau Yang Berhormat dari Tanjong sudi, gunakan ruang yang cukup banyak nanti dalam perbincangan minggu depan atau minggu-minggu berikut dan saya akan jawab. Tidak ada masalah sama sekali. *(Ketwa)*

Tuan Lim Kit Siang: Soalnya ialah adakah Yang Berhormat Menteri akui ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis, waktu belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu tertakluk kepada saya dan saya akan membuat satu keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tanjong diperingatkan, keputusan saya adalah keputusan muktamad mengikut Peraturan Mesyuarat 43 *(Disampuk)* dan sebarang jawapan yang diharapkan itu akan disalurkan kepada Yang Berhormat yang berkenaan dan jangan kita buang masa di sini. *(Disampuk)*

Tuan Lim Kit Siang: Keputusan muktamad, tetapi salah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya ingin nanti dahulu, saya ingin meminta Yang Berhormat dari Tanjong tarik balik apa yang disebutkan tadi. *(Disampuk)* Tarik balik.

Beberapa Ahli: Tarik balik!

Tuan Lim Kit Siang: Apabila keputusan yang salah dan di mana diakui oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, itu salah *(Disampuk)* tetapi saya menerima keputusan yang muktamad. Muktamad yang salah! *(Tepuk) (Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu terpulang kepada Yang Berhormat yang berkenaan

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya menerima keputusan yang muktamad.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): tetapi saya anggap ini hanya mencerminkan kebijaksanaan seseorang. Itu sahaja. *(Disampuk)*

Tuan Lim Kit Siang: Itu terpulang kepada Kerusilah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan. Jangan berdialog di sini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (26hb Jun, 1991)

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung ucapan beliau.

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyambung jawapan saya ke atas perkara-perkara yang berbangkit daripada perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1991 pada hari semalam.

Izinkan saya untuk merujuk jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Mengenai pegangan saham dalam institusi-institusi kewangan Bank Negara Malaysia adalah sentiasa memastikan bahawa had pemegang saham oleh seseorang individu ataupun syarikat tidak melebihi had yang ditetapkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi

Kewangan 1989 dan Bank Negara juga akan memastikan bahawa tidak berlaku pemegangan yang bersilang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap permohonan untuk membeli dan memegang saham dalam institusi kewangan mesti disertakan dengan butiran-butiran mengenai pembelinya. Dalam kes syarikat nominee, mereka juga dikehendaki memberitahu Bank Negara mengenai pemilik sebenarnya. Dengan demikian Bank Negara

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Nanti sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tanjong bangun.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: dengan demikian Bank Negara dapat mengesan mengenai kedudukan pemegang-pemegang saham bank.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong bangun.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya hendak habiskan para ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Okay.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Nama-nama bakal pembeli yang gagal memberikan butiran-butiran yang diperlukan oleh Bank Negara, permohonan mereka akan ditolak. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memadai di dalam peruntukan Akta Bank dan Kewangan (Institusi-institusi Kewangan) dalam Seksyen 45 dan 46 yang digandingkan dengan peruntukan 6A dalam Akta Syarikat untuk pihak Bank Negara mendapatkan butiran-butiran yang tepat tentang syarikat-

syarikat nominee. Ini adalah peruntukan-peruntukan perundangan yang membolehkan pihak Bank Negara mendapatkan maklumat-maklumat tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Bahagian itu, saya ada Financial Institution Act, Fasal 45, Fasal 46 dan Fasal 47 di sini. Mana ada kuasa untuk memberi peruntukan, memberi kuasa kepada Bank Negara untuk memaksa syarikat-syarikat nominee untuk disclose siapa yang sebenarnya pemilik-pemilik yang sebenar? Tidak ada!

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan tadi bahawa peruntukan-peruntukan yang dibacakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong perlu digandingkan dengan peruntukan 6A dalam Akta Syarikat dan sudah ada pun precedent yang dibawa ke peringkat Mahkamah untuk dipecahkan kandungan kepada syarikat-syarikat nominee. Sudah ada dalam precedent di Mahkamah untuk membolehkan, dengan izin, beneficial owner syarikat-syarikat nominee.

Tuan Lim Kit Siang: Apa precedent ini? Adakah precedent ini mengenai bank kepunyaan bank, adakah precedent ini melibatkan Bank Negara atau precedent ini langsung tidak ada kena-mengena dengan bank-bank, institusi-institusi kewangan dan Bank Negara?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, adalah difahamkan bahawa boleh dikatakan kesemua bank-bank didaftarkan atas nama syarikat, maka Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua peruntukan perundangan itu boleh digunakan walau apa pun precedent yang ada hingga kini.

Tuan Lim Kit Siang: Apa precedent ini, boleh sebutkan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya sudah katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan ke semua bank didaftarkan atas nama syarikat dan precedent yang lain sudahpun ada di peringkat Mahkamah.

Tuan Lim Kit Siang: Sebut precedent ini, kita mahu tahu precedent itu. Kita mahu faham, okay! Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ada precedent, kita menerima. Apa precedent? Adakah benar, tunjuk, baca precedent itu! Apa citation, apa kes? Sebutkan atau Yang Berhormat Timbalan Menteri diberitahu sahaja, pun tidak tahulah.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, katanya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini seorang lawyer. Jadi, bukan kerja saya untuk memaklumkan kepadanya. Saya minta Yang Berhormat dari Tanjong seorang lawyer merujuk kepada

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat . . .

Tuan Lim Kit Siang: Inikah cara Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang baru semacam ini? Adakah ini cara yang berkesan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tanjong diperingatkan bila hendak minta penjelasan buatlah ikut peraturan yang wajar, jangan buat dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri, Seksyen 45, 46 BAFIA dan Akta Syarikat 6A yang ditafsirkan keseluruhannya memberikan kuasa

kepada Kerajaan untuk mengetahui keadaan sebenarnya tentang, dengan izin, beneficial owner of a nominee company. Ini keputusan kita. Yang Berhormat dari Tanjong mempertikaikan dan minta kita cite dengan tanpa notis precedent di Mahkamah dan ini saya rasa satu tindakan yang cukup tidak adil. Kita memberikan satu keputusan, ini tafsiran kita. Kalau dia hendak pertikaikan, dia pertikaikan kemudian, kita dengar kemudianlah. Ini bukan satu legal battle di Mahkamah. Nampaknya dia sudah tidak ada kerja di Mahkamah. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberitahu Dewan ini sama ada Bank Negara pernah memaksa syarikat nominee untuk disclose identiti pemilik-pemilik yang sebenar, yang pertama.

Kedua, adakah semua syarikat-syarikat nominee yang mempunyai saham-saham dalam bank-bank dan institusi-institusi kewangan sudah disclose identiti sebenar?

Ketiga, kalau ada, adakah Yang Berhormat Menteri rela untuk umumkan semua syarikat-syarikat nominee yang ada saham dalam semua bank-bank dan institusi-institusi kewangan dan identiti sebenar?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertama, Yang Berhormat dari Tanjong harus faham tentang urusan kerahsiaan sesuatu bank. Prinsip yang ada dalam syarikat nominee ialah bahawa ianya dikawal dan dijamin oleh undang-undang. Kalau Yang Berhormat dari Tanjong tak berapa faham, peguam yang lama, Yang Berhormat dari Jelutong harus faham, tolong bantulah sikit! (*Ketawa*) Kalau sudah kawan tak boleh bantu, apa guna? (*Ketawa*)

Baik, soalnya sekarang prinsipnya. Yang Berhormat dari Tanjong minta jaminan dari Kementerian Kewangan

dan Bank Negara supaya tidak ada satu kelompok sama ada atas nama mereka atau syarikat mereka, ataupun nominee company akan menyalahgunakan kuasa mereka dan ada control lebih daripada yang ditetapkan.

Saya ingin memberi jaminan di sini sama ada atas nama individu atau syarikat atau syarikat nominee; penguasaan berlebihan melalui syarikat nominee tidak akan berlaku dan saya beri jaminan bahawa Bank Negara akan meneliti supaya perkara ini tidak berlaku. Ini yang dipohon oleh Ahli Yang Berhormat dan ini kerja kita dalam Kerajaan untuk memberikan kepastian dan jaminan. Kalau dia ada bukti di sebaliknya dia boleh pertikaikan.

Tetapi sekarang ini dia minta kita umumkan mana ada syarikat nominee, nampaknya kita terpaksa ketepikan semua undang-undang. Jangan pakai undang-undang, pakai macam perintah DAP punya stylelah - Gestapo! (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Ini perkara serius. Mengenai bank-bank, institusi-institusi kewangan, perkara ekonomi dan kewangan janganlah main-mainkan perkara semacam dalam kedai kopi. Ini peringkat ataslah. Sudah jadi Menteri Kewangan, peringkat lebih seriuslah. Jangan main-main macam budak-budak.

Perkara syarikat-syarikat nominee, kita tahu; sebab itu dalam ucapan saya semalam saya kata kita ada undang-undang yang boleh memaksa Bank Negara untuk disclosed siapa. Saya ada mencadangkan patutlah ada undang-undang yang baru untuk memaksa disclosure siapa syarikat-syarikat nominee oleh kerana cara ini digunakan untuk menghapuskan amalan curang, korupsi, malpractice dan di mana Yang Berhormat Menteri lawan-lawan dalam masa ABIM, sekarang sudah lupa. Undang-undang untuk melindungi siapa? Mereka yang boleh salah guna

kuasa atau untuk mencegah penyalahgunaan kuasa.

Yang Berhormat Menteri Kewangan patutlah bersetuju dengan cadangan saya. Ada undang-undang untuk memaksakan disclosure syarikat-syarikat nominee khususnya dalam pemilikan saham-saham bank-bank dan institusi-institusi kewangan oleh kerana ini bidang yang sangat mustahak. Jangan kita main-mainkan, perkara ini serius.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya telah beri penjelasan bahawa dalam peruntukan undang-undang yang ada; itu yang saya minta tadi Yang Berhormat dari Jelutong tolong beri nasihat. Nampak dia tidak berapa berminat dalam bidang ini. Saya kata peruntukan itu ada tetapi public disclosure, dengan izin, tidak mungkin. Yang dipentingkan apa? Kita pentingkan integrity Bank Negara dalam mengawasi masalah ini dan memastikan bahawa tidak berlaku apa-apa salah guna kuasa yang membolehkan satu percanggahan penguasaan dalam bank melebihi daripada had yang ditetapkan. Ini saya telah beri jaminan tidak akan berlaku kerana peruntukan yang ada cukup dan memadai. Tidak perlu pinda peraturan dan undang-undang yang ada. Kerana ada precedent di mana kita meneliti supaya tidak ada percanggahan kuasa. Ini yang diminta. Yang hendak dikait dengan ABIM, PAS, 46 ini apa pasal?

Tuan Lim Kit Siang: Siapa daripada PAS?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: PAS belum lagilah. Dekat-dekatlah itu. *(Ketawa)* Tetapi yang saya hendak tegaskan, ini yang diminta dari kita. Ini penjelasan yang kita berikan. Jadi hendak pertikaikan lagi, saya tidak faham mengapa. Kerana ada precedent dan memang dibolehkan dan perkara ini sudah berlaku dan dari maklumat yang diperolehi oleh Bank Negara

perkara ini memang dalam bidang pengetahuan Bank Negara dan memang sentiasa meneliti. Terutama yang ada kaitan dengan permasalahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tentang ada cadangan-cadangan merger yang ada sekarang. Perkara ini lebih diteliti, kerana tidak mahu ada peri laku yang bercanggah dengan peraturan dan undang-undang.

Soal hendak memuaskan hati Yang Berhormat dari Tanjong, memang tidak boleh puas. Kerana dia satu jenis manusia yang cukup anih! *(Ketawa)* Minta penjelasan, kita beri penjelasan. Minta keterangan, kita beri keterangan. Minta jaminan, kita beri jaminan.

Dr Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

(Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, Kepong bangun.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri akan sambung jawapan dia, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri jawab, soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Tanjong mengenai T. Ananda Krishnan, Pengerusi Sri Kuda Sdn. Bhd. yang terlibat dengan projek raksaksa lebih 60 tingkat di mana bolehkah Yang Berhormat jawab adakah Bank Negara membeli Bank Bumiputra daripada Petronas supaya Petronas boleh ambil bahagian dalam Projek Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Bolehkah jawab persoalan yang begitu simple sahaja?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Soalan Yang Berhormat Kepong itu lain. Yang ditanya oleh Yang Berhormat Tanjong itu lain. Yang Berhormat dari Kepong ini pakar bahagian pekak, telinga sakit. Patut dia berubat samalah. *(Ketawa)*

Soalan yang ditanya ini baru dibangkitkan dan memang ada dalam jawapan Timbalan Menteri Kewangan iaitu berhubungan dengan keputusan Bank Bumiputra dibeli bukan oleh Bank Negara. Bank Negara tidak beli bank. Yang belinya ialah "Menteri Kewangan (Diperbadankan)". You don't know these basic facts.

Dr Tan Seng Giaw: *(Menyampuk)*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: How can Yang Berhormat dari Kepong. You better do your homework, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

Dr Tan Seng Giaw: Kita tanya

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tidak, tidak saya minta buat homework lain kali. Sebab kenyataan itu sudahlah Ketua Pembangkang sudah silap, saudara janganlah silap sama. Yang Berhormat dari Kepong, minta maaf, bukan "saudara".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya berharap bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berkenaan balik ke tajuk yang dibincangkan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ya, saya akan perelaskan soalan yang memang dibangkitkan semalam oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, iaitu mengenai kedudukan Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Yang sebenarnya ianya dibeli oleh "Menteri Kewangan (Diperbadankan)" dan bukan oleh Bank Negara Malaysia. Soal syarikat Ananda Krishnan tidak ada hubungan dengan permasalahan yang dibahaskan iaitu pindaan kepada Bank Negara. Yang dibangkitkan hanyalah tentang kedudukan Petronas yang mengemukakan cadangan untuk membina satu blok pejabat dan kompleks di situ. Kompleks itu diperlukan kerana bangunan yang

dipunyai oleh Petronas sekarang tidak mencukupi untuk pentadbiran kerana Petronas sekarang sudah mempunyai lebih dari 10,000 pegawai dan staf. Saya pohon izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk membenarkan Timbalan Menteri Kewangan untuk meneruskan kerja dia tanpa diganggu oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Yang akhir

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak minta dari siapa ini?

Tuan Lim Kit Siang: Siapa yang bertanggungjawab. Yang Berhormat Menteri dia tidak mahu jawab, dia pun ada kuasa. Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa ada panduan, ada precedent. Itulah anggapan Bank Negara bahawa boleh memaksakan syarikat-syarikat nominee yang mempunyai saham dalam bank-bank dan institusi-institusi kewangan untuk disclosed.

Bagaimana Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh mahu rakyat menyatakan keyakinan dalam perkara ini apabila ada undang-undang yang sangat terang mengenai bank-bank, mengenai ownership pun boleh dilanggar semacam UMBC share scandal. Bukan lain orang. Masa itu Menteri Kewangan. Masa itu pun boleh dilanggari dengan undang-undang yang sangat nyata. Sekarang Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru kata adalah, tidak payah akta, ada fahaman; ada kuasa. Bagaimana kita boleh yakin oleh kerana inilah, dengan izin, dalam whims and fancies orang bukan undang-undang. Kita mahu government of laws, not government of man. Government itu ialah government of man, Tun Daim Zainuddin atau

Anwar Ibrahim. Kita mahu undang-undang. Oleh kerana ada berlaku masa dulu UMBC share scandal, undang-undang bank yang dilanggari, Yang Berhormat Menteri faham, tahu; dia diam. Sebab itu dia tidak mahu buat satu siasatan terbuka. Sekarang bagaimana kita boleh percaya bahawa fahaman sahaja tidak ada dalam undang-undang, not in black and white, cukup untuk menjaga integriti, kredibiliti sistem bank-bank dan undang-undang mengenai maximum permissible holdings tidak ada penyalahgunaan kuasa.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana nampaknya Yang Berhormat dari Tanjong tidak begitu; hendak kata dia tidak begitu faham, memang agak dia faham. Soalnya sekarang ialah sama ada undang-undang itu jelas atau tidak. Undan-undang bagi saya cukup jelas. Peraturan yang disebut tentang holding maksimum 20% itu peraturan dan memang ada kuasa Menteri untuk memberi pengecualian.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan 20% saham

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tidak, yang diminta itu apa? Kalau kes UMBC

Tuan Lim Kit Siang: 20% untuk seseorang itu bukan dalam undang-undang. You baca undang-undang yang salah!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Sebab itu saya kata bukan undang-undang. Sebab itu saya kata bukan undang-undang.

Tuan Lim Kit Siang: 10% untuk individu-individu.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Pengecualian. Bukan, 20% bagi syarikat.

Tuan Lim Kit Siang: Lain kali jangan berlagak-lagak sangat pandai! Itu pun boleh salah, pun tidak, kurang arif.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Sabar, relaxlah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, bila hendak cakap satu demi satu, dan minta kebenaran dulu. Itulah kesopanan yang patut dipatuhi.

Tuan Lim Kit Siang: Buat homework, sangat mustahak, mahu expose sekarang. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri mahu buat sandiwara tadi oleh itu akan dapat balasan sendiri. You get it back.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memang saya hendak entertain sekejap Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Saya datang khusus untuk itu, kerana saya tahu minat dia, semalam dia challenge Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Hari ini nampaknya dia hendak dapat sedikit publisiti, challenge Menteri Kewangan, tetapi dalam kes hari ini dia kalah. (*Disampuk*)

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, sebab saya kata begitu, yang disebut ini bukan undang-undang, ini masalah pengecualian yang boleh diberikan oleh Menteri. Saya ingat soal hendak kaitkan dengan UMBC di dalam kes ini tidak relevant sama sekali kerana mengikut peraturan dan tidak berlaku pelanggaran undang-undang. Contention Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ialah sama ada undang-undang itu dilanggar atau tidak. Saya jawab undang-undang tidak dilanggar dan kalau dia pertikaikan, dia boleh rujuk ke mahkamah. Tetapi ini dialah jadi prosecutor, dialah hakim, ini bukan DAP punya session di mana you boleh sack people as you wish. (*Tepuk*)

Ini undang-undang, ini pemerintahan Barisan Nasional, kita ada Rule of Law, not "Kit Siang's rule", dengan izin. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Timbalan Menteri untuk meneruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila teruskan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, maka terjawablah segala prasangka *(Ketawa)* Yang Berhormat daripada Tanjong. Oleh yang demikian saya hendak beralih kepada Yang Berhormat daripada Nilam Puri.

Tuan Lim Kit Siang: *(Menyampuk)*

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Sudah habis sandiwara.

Ahli Yang Berhormat daripada Nilam Puri telah membangkitkan isu mengenai prestasi Bank Pertanian Malaysia. Saya ingin menjelaskan bahawa Bank Pertanian adalah merupakan sebuah badan berkanun yang tidak tertakluk kepada Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1959.

Dengan demikian Bank Negara Malaysia tidak bertanggungjawab atau mempunyai kuasa untuk mengawal dan mengawas Bank Pertanian. Bagaimanapun sebarang masalah yang dihadapi oleh Bank Pertanian ataupun agensi-agensi Kerajaan yang lain tetap akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan dan Bank Negara pula boleh memberi kerjasama ataupun bantuan sekiranya diperlukan.

Berhubung dengan tuduhan Ahli Yang Berhormat daripada Nilam Puri di dalam Dewan yang mulia ini secara khusus terhadap seorang Menteri Persekutuan daripada Sabah yang membuat pinjaman daripada Bank Pertanian Malaysia dengan banyak, sukaulah saya mengulas bahawa Yang Berhormat Menteri berkenaan membuat pinjaman tersebut semasa beliau belum menjadi Menteri. Pinjaman dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dengan mempunyai cagaran yang cukup. Bayaran balik dilaksanakan setiap bulan sehingga sekarang. Oleh itu, tuduhan Yang Berhormat daripada Nilam Puri itu adalah melulu dan tanpa usul periksa. *(Tepuk)*

Tuan Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nilam Puri bangun Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nilam Puri belum diberi kebenaran.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Ahli Yang Berhormat daripada Kok Lanas membangkitkan dua isu utama iaitu mengenai skim cepat kaya dan usaha menyelamatkan bank-bank yang bermasalah oleh Bank Negara Malaysia.

Mengenai skim cepat kaya, penjelasan-penjelasan yang agak panjang lebar telah beberapa kali diberikan dalam Dewan ini bahawa Kerajaan bukan sahaja menggalakkan perkembangan skim tersebut dengan melengah-lengahkan tindakan ke atas mereka. Tetapi Kerajaan memerlukan masa yang berpatutan untuk menyiasat kes itu dengan rapi kerana penganjur-

penganjur skim itu tidak menyimpan rekod dengan teratur dan lengkap. Tanpa maklumat dan bukti yang lengkap dan nyata adalah sukar untuk mendakwa mereka di mahkamah.

Saya ingin juga menekankan di sini bahawa perkembangan skim itu juga berpunca dari sifat yang tidak sihat iaitu tamak, orang ramai yang terlibat yang ingin cepat kaya. Walaupun beberapa peringatan telah diberi melalui akhbar tetapi mereka tetap melibatkan diri dalam skim itu dan sanggup menghadapi risiko kehilangan wang semata-mata kerana terpengaruh dengan pulangan yang dijanjikan kepada mereka. Amalan yang tidak sihat setengah daripada masyarakat umum seperti itu menyukarkan lagi tindakan Kerajaan untuk membasmi kegiatan tersebut kerana mereka sanggup menyertai skim-skim itu walaupun tanpa rekod-rekod dan jaminan yang kukuh daripada penganjur-penganjurnya.

Mengenai usaha menyelamatkan bank-bank yang bermasalah oleh Bank Negara pula, ingin saya jelaskan bahawa usaha menyelamatkan yang dijalankan oleh Bank Negara adalah untuk menyelamatkan para pendeposit dan bukan pemegang saham ataupun pengurusannya yang menyeleweng. Dalam usaha menyelamatkan, Bank Negara biasanya akan menyusun semula struktur pengurusan dan memegang ekuiti melalui tambahan modal. Wang yang digunakan oleh Bank Negara dalam usaha menyelamatkan institusi kewangan tidak hilang begitu sahaja kerana ia akan diperolehi semula selepas Bank Negara menjual balik ekuitinya iaitu selepas institusi kewangan berkenaan dapat dipulihkan oleh Bank Negara. Dalam kes ini tidak timbul soal pembaziran wang rakyat.

Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka membangkitkan isu-isu mengenai bayaran perkhidmatan bank, bayaran faedah bank, bayaran rebat insuran, pinjaman perumahan dan isu-

isu mengenai rancangan menyelamatkan CCB dan koperasi pengambil deposit.

Mengenai isu bayaran perkhidmatan, bayaran faedah bank dan rebat daripada syarikat insuran, saya tidak bercadang menjelaskannya dengan lebih lanjut kerana perkara ini telah dibangkitkan dan dijelaskan semasa Ucapan Penangguhan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Sekadar saya hendak menambah bahawa di peringkat terakhir ini cadangan balas daripada pihak Persatuan Bank-bank sedang pun dipertimbangkan oleh Bank Negara dan prinsip-prinsip yang akan digunakan ialah yang pertamanya untuk memastikan bahawa tidak berlarutan amalan subsidi bersilang. Keduanya, kita hendak pastikan bahawa pengguna-pengguna kecil-kecilan tidak teraniaya. Dan ketiganya, kalau sekiranya ada bayaran-bayaran baru yang hendak dikenakan maka sewajarnya dipampaskan ataupun ditampungi dengan faedah-faedah dan manfaat-manfaat yang baru yang boleh diberikan oleh bank-bank kepada pelanggan-pelanggan.

Mengenai bayaran faedah ke atas pre-payment, saya ingin menjelaskan bahawa ia hanya dikenakan sekiranya pihak peminjam tidak memberi notis terlebih dahulu. Amalan sekarang ialah tiga bulan notis dan faedah denda itu dikenakan kerana ia menjejaskan perancangan aliran tunai institusi-institusi kewangan. Sukacita dimaklumkan bahawa perkara ini sedang dikaji semula oleh pihak Bank Negara.

Mengenai rancangan menyelamatkan CCB, saya ingin menjelaskan bahawa ia pada masa ini berada dalam peringkat yang terakhir penyelesaiannya.

Tuan Lim Guan Eng: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri mengalih kepada perkara CCB, saya hendak bertanya sama ada pihak Kerajaan ingin atau bersedia

menubuhkan satu badan pengesan amalan-amalan bank untuk melindungi dan mempertahankan kepentingan dan hak-hak pengguna-pengguna bank kerana biasanya amalan-amalan yang dilakukan oleh bank dilakukan begitu sahaja tanpa pengetahuan pengguna-pengguna. Dan juga saya ingin tahu mengenai beberapa perkara lain yang ditimbulkan oleh saya semalam. Yang pertama, penalty interest rate, dengan izin, yang dikenakan oleh bank adalah terlalu tinggi. Yang kedua, mengenai commitment fee. Ketiga, mengenai processing fee dan juga kos perundangan yang dipaksa ditanggung oleh peminjam-peminjam dan bukan dikongsi oleh kedua-dua pihak bank dan pengguna atau peminjam.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini adalah diakui bahawa peranan Bank Negara ialah sebagai badan pengawas atau sebagai badan dengan izin, regulator. Walaupun begitu satu-satu badan pengawas ada had dan batasannya untuk melaksanakan tugas tersebut. Maka ia perlu juga ditampung bersama oleh masyarakat secara keseluruhannya. Maka pendekatan tambahan kepada memperkukuhkan lagi peranan regulator, dengan izin, ialah mewujudkan suasana persaingan dalam industri bank itu sendiri. Maka proses deregularisation, dengan izin, dan juga liberalisation, dengan izin, dicetuskan kebelakangan ini supaya wujud suasana persaingan di antara bank-bank. Selain daripada liberalisasi dan diregularisasi, perlu juga dicetuskan dalam masyarakat satu kefahaman mengenai amalan-amalan bank melalui proses pendidikan. Dan kita mengharapkan bahawa jika sekiranya masyarakat umum, lebih-lebih lagi masyarakat yang merupakan pelanggan-pelanggan bank memahami sesungguhnya amalan-amalan bank, maka pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, wujud suasana apa yang kita panggil 'countervailing power' dengan izin, dalam masyarakat itu sendiri. Jadi,

saya ingin menegaskan di sini, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai bayaran-bayaran dan juga amalan-amalan yang dikatakannya tidak menyenangkan masyarakat pelanggan, maka jawapan yang lebih tepat ialah apabila saya menyebut sewajarnya wujud dalam masyarakat 'countervailing power', dengan izin, melalui process of education, dengan izin, dan juga proses persaingan dalam industri itu sendiri.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong sudah lama berdiri, hendak beri jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ada usaha-usaha deregulation untuk mewujudkan amalan-amalan yang baik bagi bank. Oleh kerana saya tidak ada peluang untuk berucap semalam, saya hendak bertanya mengapakah kita tidak asingkan section insuran kerana yang terlibat lebih daripada 3 juta polisi dan lebih daripada \$85.3 juta yang terlibat. Sebagai badan pengawas, pihak Bank Negara tidak mempunyai kemampuan untuk menguruskan semua polisi ini. Bukankah satu langkah yang wajar untuk mengadakan satu Suruhanjaya Insuran selain tambahkan Timbalan Gabenor. Kerana apa yang saya nampak daripada Laporan Bank Negara, kakitangan-kakitangan yang berkaliber tidak cukup dan sekarang mereka mempunyai lebih dari 2,700 anggota dan mereka naikkan gaji baru untuk menarik lebih banyak kakitangan yang berkaliber dan menunjukkan kakitangan yang tak cukup dan bukannya satu langkah lebih baik kalau kita asingkan insurans ini di bawah Suruhanjaya Insurans sebagai satu langkah yang lebih positif kerana bidang insurans akan berkembang.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1988 kita alihkan bidang tugas Kementerian Kewangan dalam soal insuran kepada pihak Gabenor Bank Negara dengan sebab bahawa Bank Negara merupakan tempat yang lebih wajar dan di situlah sewajarnya dipupuk segala kepakaran yang diperlukan untuk mengawasi industri insurans.

Adalah diakui bahawa industri insurans berkembang dengan pesatnya dan adalah diakui juga banyak perkara-perkara yang perlu diperbaiki dalam industri tersebut. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di peringkat hari ini adalah difikirkan memadai di Bank Negara itu dipupuk segala kepakaran dan mendalami segala ilmu pengetahuan oleh pihak regulator iaitu Director-General of Insurance, dengan izin, untuk mengawasi industri insurans. Sekiranya pada masa-masa yang akan datang difikirkan perlu untuk tindakan selanjutnya, akan dikaji daripada semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar hendak menghabiskan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Pihak Bank Negara akan berunding seterusnya dengan pihak Kesatuan Bank-bank supaya satu pendekatan baru ke arah meluaskan lagi kefahaman masyarakat tentang amalan-amalan bank. Inilah cara yang sebaik-baiknya untuk kita wujudkan countervailing power di kalangan masyarakat terhadap bank-bank.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meneruskan jawapan, menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai rancangan menyelamatkan CCB. Ingin saya jelaskan di sini bahawa pada masa ini adalah di peringkat terakhir untuk menyelesaikannya dan ianya memakan masa yang agak panjang dan kita cuba mencari penyelesaiannya sebaik yang boleh dan rasnya tidak begitu lama lagi untuk keputusan yang terakhir mengenai kedudukan CCB.

Mengenai rancangan menyelamatkan dua buah koperasi MIC pula iaitu NESA dan Maju Jaya, kedua-duanya telah diselesaikan pada awal tahun ini di mana dalam rancangan menyelamatkan itu pendeposit-pendeposit akan dibayar tunai dalam lima ansuran tahunan dalam tempoh 5 tahun.

Mengenai kes 12 KPD yang diselamatkan melalui KUMB, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan di Dewan ini bahawa tidak pernah Bank Negara menjanjikan tentang nilai ekuiti melalui KUMB dan juga tidak pernah dijanjikan oleh Bank Negara bilakah agaknya KUMB itu mampu membayarnya melalui penyenaian umum KUMB itu. Dan kita mendapati bahawa kebelakangan ini KUMB makin lama makin agak menuju ke arah matlamat tersebut. Kita perlu menerima hakikat bahawa KUMB menerima satu liabiliti yang agak berat apabila 12 KPD itu diterima oleh KUMB. Jadi, berdasarkan kepada tanggungjawab mereka dan apa juga bentuk aset dan liabiliti yang dipikul oleh mereka, maka kita perlu menunggu masa yang sesuai untuk KUMB menempa satu rekod yang baik dalam jangkamasa yang tertentu, akhirnya untuk disenaraikan dan selepas itu apa juga ekuiti pendeposit-pendeposit akan mempunyai nilainya mengikut apa yang ditentukan oleh pasaran nanti. Jadi, itu adalah kedudukan yang terakhir mengenai 12 KPD.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Ahli dari Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedudukan KUMB, janji yang ditujukan oleh saya tadi adalah janji yang dibuat oleh Presiden MCA dan juga Timbalan-timbalan Menteri yang lain yang ada di sini dan juga rakan Yang Berhormat

Timbalan Menteri iaitu Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim yang mana beliau sendiri membuat janji seperti ini, terutama sekali dalam pilihanraya kecil Gopeng bahawa KUMB akan disenaraikan dalam tahun 1990 dan semua depositor KPD akan mendapat balik 100% wang tunai ini. Dan di sini saya amat terkejut bahawa janji yang dibuat oleh MCA ini hanya tinggal kosong dan nampaknya tidak disalurkan kepada Bank Negara. Oleh sebab itu, saya hendak tahu kalau boleh, bilakah KPD-KPD tersebut atau depositor-depositor 12 KPD ini boleh mendapat balik 100% deposit mereka dengan wang tunai.

Yang kedua, mengenai dua buah KPD MIC, adakah Presiden MIC, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telah meminta bahawa bayaran balik dibuat dalam masa dua tahun kerana inilah janji yang dibuat oleh beliau. Kalau tidak, saya rasa ini juga satu helah politik oleh pemimpin Barisan Nasional kerana seperti KPD-KPD sebanyak 12 buah ini, mengapakah depositor-depositor melaborkan wang mereka ke sini, adalah kerana janji yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin tertinggi MCA dan MIC dan nampaknya kata mereka, tak boleh digantung langsung dan inilah yang menyebabkan depositor-depositor kehilangan semua wang mereka kerana mereka mempercayai pemimpin-pemimpin seperti ini yang nampaknya pemimpin-pemimpin MCA dan MIC tak boleh dipercayai langsung, semuanya tak berguna. Semuanya tak berguna.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, panjang lagikah? Penjelasan jangan terlampau panjang sangat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ini berkenaan latar belakang. Semuanya tak berguna, terutama Presiden MIC dan MCA. Yang akhirnya, bilakah

depositors CCB boleh mendapat balik atau mengeluarkan wang simpanan mereka. Bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu tarikh bila mereka boleh mengharapkan atau mendapat balik wang simpanan mereka.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ada pun janji-janji oleh mana-mana pihak, maka janji-janji tersebut adalah dengan niat yang baik.

Dan yang diperlukan pada hari ini ialah kesabaran di antara semua pihak yang berkenaan untuk menunggu masa yang sesuai supaya akhirnya ekuiti yang dipegang oleh mereka ada nilainya di pasaran. Jadi, kalau sudahpun menunggu beberapa lama, maka rasanya tidak berapa lama lagi akan tiba masa yang sesuai untuk KUMB dianjurkan kepada matlamat yang dicadangkan, tetapi yang perlu diterima oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, Tuan Yang di-Pertua, ialah Kerajaan menepati janjinya oleh kerana pendeposit itu merupakan mereka yang mengikuti peruntukan undang-undang di dalam negara kita ini dan kehilangan deposit mereka, maka Kerajaan memikul beban yang begitu berat untuk memenuhi sebahagian daripada tanggungjawab tersebut.

Jadi, sewajarnya pendeposit bukan sahaja sewajarnya bersabar, tetapi sepatutnya berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana sebahagian besar daripadanya telahpun dipulangkan dan pada masa akan datang kesemuanya akan dipulangkan, apabila tiba masanya nanti. Jadi, saya rasa itu serentak menjawab tentang soal NISAH dan Maju Jaya.

Mengenai dengan CCB, ingin saya tegaskan di sini, adalah diakui bahawa perkara tersebut amat rumit sekali. Izinkan saya sekadar untuk menyebut bahawa kedudukan CCB adalah begitu rumit, memakan masa yang begitu lama

dan ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa pemutusanya akan dapat diumumkan tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, di antara lainnya, membangkitkan sikap Bank Negara tidak melayan aduan-aduan orang ramai. Pada pandangan saya adalah tidak wajar jika kita menuduh Bank Negara tidak bertanggungjawab melayan masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara banyak terlibat dalam usaha-usaha membantu usahawan melalui pelaksanaan skim-skim yang diwujudkan khas untuk mereka seperti Tabung Pemulihan Usahawan, Tabung Usahawan Baru, Tabung Pinjaman Rumah Terbengkalai dan Tabung Pelancongan. Bank Negara juga mengeluarkan garis panduan kepada institusi-institusi kewangan supaya memberi keutamaan pinjaman kepada sektor-sektor yang kurang diberi perhatian oleh pihak bank seperti sektor pertanian dan juga usahawan kecil. Mengenai aduan-aduan ke atas bank-bank pula, saya berharap manamana pihak yang tidak berpuas hati bolehlah juga menyalinkannya aduan mereka itu untuk perhatian Kementerian Kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas membangkitkan mengenai struktur organisasi Bank Negara Malaysia. Saya ingin jelaskan di sini bahawa tambahan jawatan Timbalan Gabenor yang dicadangkan melalui pindaan Rang Undang-undang ini hanya memerlukan perubahan struktur organisasi di peringkat atasan sahaja. Struktur organisasi di peringkat bahagian-bahagian yang sedia ada sekarang tidak memerlukan perubahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia pada masa ini mempunyai lebih daripada 20 bahagian dan unit-unit yang bertanggungjawab untuk tugas-tugas tertentu termasuk

Jabatan Pengawasan Bank yang bertanggungjawab mengenai institusi kewangan berlesen, Jabatan Ekonomi, Jabatan Pengawasan Insurans, Jabatan Imbangan Pembayaran dan lain-lain. Dengan adanya tambahan jawatan Timbalan Gabenor, perubahan yang perlu dibuat hanya dari segi menyusun dan menempatkan bahagian dan unit-unit yang sedia ada di bawah Timbalan-timbalan Gabenor yang berkenaan. Dalam hubungan ini, Timbalan-timbalan Gabenor akan bertanggungjawab ke atas bahagian dan unit-unit yang akan ditentukan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading, di antara lain, membangkitkan mengenai implikasi kewangan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepung bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Walaupun Yang Berhormat sebutkan mengenai struktur organisasi tidak akan diubah dengan banyak, adakah perbelanjaan akan ditambah untuk pembinaan bangunan bilik tambahan bagi Timbalan Gabenor. Mungkin ada satu rancangan untuk membina bangunan tambahan yang besar dan adakah cadangan untuk menambahkan kakitangan dengan lebih banyak lagi. Kalau begitu ia tidak sebut di dalam hujjah ataupun di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada pun keperluan tambahan, ianya mampu ditanggung oleh Bank Negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ahli daripada Bukit Bintang, di antara lain, membangkitkan mengenai pengurusan reserves luar Bank Negara. Mengenai isu ini, saya ingin menjelaskan bahawa penglibatan Bank Negara dalam pasaran wang asing dan pelaburan

reserve emas adalah merupakan pengurusan biasa yang berkaitan dengan urusan-urusan reserve luarnya dan saya ingin menyeru kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang, kesemuanya, supaya jangan mudah terperangkap dengan laporan-laporan daripada luar negeri mengenai negara kita amnya dan mengenai Bank Negara khususnya. Saban hari ada laporan-laporan dari sumber-sumber yang ada berkepentingan yang membuat tohmahan-tohmahan yang tidak ketentuan terhadap Bank Negara. Saya menyebut tohmahan-tohmahan daripada sumber-sumber yang ada berkepentingan sama ada untuk mereka berselindung mengenai amalan yang tidak sihat oleh mereka sendiri ataupun untuk melepaskan geram mereka kerana mereka menanggung kerugian-kerugian yang tertentu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibuat oleh Bank Nasional dalam bidang ini adalah diakui sebagai satu pengurusan yang bukan spekulatif, tidak sekali-kali spekulatif tetapi sekadar pengurusan aktif yang cergas dan ini bukanlah satu perkara yang agak terasing kalau dibandingkan dengan bank-bank pusat di negara-negara yang lain. Apa yang dibuat oleh Bank Negara adalah selaras dengan amalan-amalan kebelakangan ini dengan bank-bank pusat di merata dunia. Jadi, tidaklah tepat kalau sekiranya ada tuduhan-tuduhan yang mengatakan kita adalah dalam bidang spekulasi dalam soal menguruskan reserves luar kita.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang kalau kita ada maklumat yang lengkap yang

dikeluarkan oleh Bank Negara, kita boleh menyasat, tetapi kadangkala kita tidak ada maklumat itu; maklumat datang daripada luar dan memang kita kena berwaspada kerana mungkin ia tidak benar. Walau bagaimanapun, adalah tanggungjawab Bank Negara untuk memberitahu rakyat jelata supaya tidak terkeliru. Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah kriteria untuk menyekat kepada tugas yang murni untuk tidak menceburkan diri di dalam spekulasi di mana langkah-langkah positif yang dikatakan tadi boleh dibuat. Kadangkala bidang spekulasi pun 'very thin point, very thin line', bila boleh dianggap spekulasi dan bila dianggap bukan spekulasi sebagai tugas yang murni kerana Bank Negara memang mempunyai tugas yang murni supaya tidak menceburkan diri di dalam bidang spekulasi dan juga bank-bank yang lain, tetapi apakah kriteria untuk menentukan kita tidak melampaui batas.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alaukan Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana dia cuba menghindarkan diri dia daripada menjadi penyambung kepada kepentingan negara kita untuk tujuan mengkritik Bank Negara dengan tidak ada ketentuan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai garis panduan pengurusan reserves kita, kriteria yang pertama digunakan ialah untuk memastikan bahawa simpanan kita itu dalam keadaan yang selamat, dalam istilah inggerisnya dikatakan 'safety'. Diikuti dengan kriteria yang kedua, apa yang dipanggil kecairannya dalam istilah Inggerisnya liquidity, dengan izin, ini yang diutamakan. Safety and liquidity, dengan izin, sebegitu rupa supaya bahawa tidak kurang 80% daripada wang yang beredar dalam ekonomi kita ini berlandaskan kepada nilai simpanan reserve kita di luar negeri. So no less than 80% backing adalah untuk wang

yang beredar dalam ekonomi kita dan kalau sekiranya pengurusan reserve itu membawa kepada keuntungan, maka itu adalah kriteria yang paling terakhir untuk digunakan. Maka tidak ada langsung kriteria untuk spekulasi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak disusun keutamaan kriteria-kriteria tersebut ialah dari segi selamat simpanan kita, cairnya reserve kita dan kedua-duanya adalah lebih daripada mencukupi untuk menjadi asas kepada wang yang beredar dalam ekonomi kita. Jadi, kalau kita lihat bahawa, dengan izin, reserve backing terhadap wang yang beredar bukanlah pada tahap 80% pada hari ini bahkan lebih daripada 200%.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya garis panduan yang saya sebutkan itu

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada dua kriteria tadi, apakah hasil setakat ini? Adakah kita mendapat keuntungan ataupun rugi pada keseluruhannya?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya mengatakan tadi bahawa pada satu pengurusan yang aktif sebegitu rupa kalau sekiranya kita melihat nilai reserve pada tahun 1984, lebih kurang \$9.7 bilion dan pada hari ini hasil daripada pengurusan tersebut nilainya sudahpun meningkat lebih kurang \$28 bilion dalam masa yang agak begitu singkat. Yang Berhormat Menteri Kewangan pada minggu lalu telahpun menyebut bahawa pada tahun lalu kalau hendak digunakan sebagai kriteria tambahan, dengan izin, net operating cost Bank Negara ialah pada jumlah \$1 bilion pada tahun 1990.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita mengatakan bahawa Ahli dari Kepong ini hanya takut pada hantu sahaja. Jadi, perkara ini sudah dibuktikan bahawa apa yang dilakukan oleh Bank Negara bukanlah satu perbuatan spekulasi. Malah ianya didasarkan kepada kriteria-kriteria pelaburan dan management of reserve fund yang kukuh.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja dia ini takut kepada hantu. Saya yang risau, hantu itu hantu di luar negeri. Jadi, itu yang kadang-kadang bukan sahaja kita takut, kita malu kerana hantu yang ditakutkan itu di luar negeri.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak habis ini. Biarlah saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan, Kepong.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tuaran yang membangkitkan soal reserve juga. Tambahan daripada itu ialah mengenai bayaran-bayaran bank yang dikatakan berbeza di antara peminjam-peminjam di Sabah. Mengenai pelaburan reserve emas dan bayaran perkhidmatan, saya tidak akan mengulanginya. Telah saya jelaskan sebentar tadi ataupun dijawab dalam Dewan ini dalam soalan mulut dan mengenai layanan perbezaan ke atas usahawan-usahawan di Sabah, ingin saya menjelaskan bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang pemerintah tidak pernah mengeneppkan rakyat mana-mana negeri untuk mendapat kemudahan daripada skim-skim yang diwujudkan. Sesiapa yang mematuhi kriteria yang ditetapkan adalah layak

untuk memohon tanpa mengira kedaerahannya.

Datuk Monggoh Orow: (*Bangun*)

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekianlah sahaja jawapan yang dapat saya berikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuaran, dia sudah habis menjawab—terlambat sedikit.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 11—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya nampak Fasal 5 ini bertujuan meminda seksyen 11 untuk memberi kuasa kepada Menteri menamatkan perlantikan Timbalan Gabenor.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah garis-panduan kerana kita tidak boleh hendak tamatkan selepas dilantik sebagai Timbalan Gabenor dan kita tidak patutlah pecatkannya begitu sahaja kerana kalau nampaknya seseorang Menteri tidak begitu suka kepada Timbalan itu, dia boleh pecatkan sekali. Ini saya hendak satu jaminan daripada Yang Berhormat supaya kita ada garis-panduan. Jangan kita pecatkan

Timbalan Gabenor dengan begitu sahaja. Apakah itu security? Apakah jaminan untuk memastikan bahawa sebarang tindakan untuk memecatkan Timbalan itu tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Kuasa ini besar dan ada satu kemungkinan, kerana kuasa ini terlalu besar, Menteri boleh lantik orang-orang yang sentiasa jadi Pak Turut sahaja yang mungkin tidak faham mengenai hal kewangan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Lagi sekali, Tuan Pengerusi, Ahli-ahli DAP ini banyak sangat prasangka. Saya pun tidak tahu macam mana mereka mengendalikan hidup mereka. Belum ada apa-apa sudah ada prasangka. Saya hendak beri jaminan di sini, bahawa pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menggunakan segala budi-bicara untuk menggunakan peruntukan-peruntukan yang ada dalam pindaan-pindaan ini.

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KELAB LUMBA KUDA (AMBILTAGAN AWAM) (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam), 1965 bagi memperluaskan Akta itu sebagaimana dipinda ke negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah

Persekutuan Labuan, dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dibuat melalui Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memperluaskan pemakaian Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Tindakan ini adalah selaras dengan tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memperluaskan pemakaian semua Akta-akta Perjudian yang terdapat di Semenanjung ke negeri-negeri tersebut supaya pengawalan ke atas aktiviti-aktiviti perjudian dapat diseragamkan bagi seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini aktiviti perjudian-perjudian di negeri Sabah, termasuk Labuan dan Sarawak, adalah terkawal oleh undang-undang yang berlainan daripada yang berkuatkuasa di Semenanjung. Menurut Perlembagaan Persekutuan, perkara perjudian adalah di bawah bidang kuasa Perundangan Kerajaan Persekutuan. Adalah menjadi dasar Kerajaan Persekutuan untuk menyeragamkan pemakaian undang-undang perjudian di seluruh negara bagi memperkemaskan dan mempertingkatkan lagi kawalan ke atas aktiviti-aktiviti perjudian. Selaras dengan dasar tersebut adalah wajar supaya undang-undang perjudian yang berkuatkuasa di Semenanjung diperluaskan pemakaiannya di negeri Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Dengan ini berkuatkuasaan undang-undang perjudian dapat diseragamkan bagi seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang perjudian yang berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia pada masa ini ialah Betting and Sweepstakes Duties Act 1948, Lotteries Act 1952, Common Gaming Houses Act 1953, Betting Ordinance 1953, Racing (Totalisator Board) Act 1961, Racing Club (Public Sweepstakes) Act 1965, dengan izin.

Undang-undang perjudian yang dipakai di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan ialah Gaming Ordinance (Cap.50) 1930 dan Betting and Sweepstakes Duties Ordinance (Cap.13) 1966 dan undang-undang perjudian yang dipakai di Sarawak pula adalah Gaming Ordinance (Cap. 138), 1957.

Tuan Yang di-Pertua, daripada enam undang-undang perjudian yang (Cap.138) 1957 berkuatkuasa di Semenanjung, lima daripadanya telah digubal sebelum penubuhan Malaysia. Undang-undang tersebut ialah Betting and Sweepstakes Duties Act 1948, Lotteries Act 1952, Common Gaming Houses Act 1953, Betting Ordinance 1953 dan Racing (Totalisator Board) Act 1961, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 74, Akta Malaysia 1963, kelima-lima undang-undang tersebut boleh diperluaskan pemakaiannya ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan melalui perintah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan dengan itu, tindakan sedang diambil oleh Kerajaan untuk memperluaskan pemakaian undang-undang tersebut ke Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan melalui perintah tersebut. Di samping memperluaskan pemakaian undang-undang perjudian di Semenanjung, perintah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong itu juga akan memansuhkan undang-undang perjudian di Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang dinyatakan tadi. Sungguhpun demikian, satu proviso telah diperuntukkan di mana lesen permit yang diluluskan di bawah undang-undang yang sedia ada akan terus berkuatkuasa hingga luput tempoh masing-masing ataupun sehingga satu undang-undang digubal bagi membatalkannya.

Bagi Undang-undang Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965, ianya telah digubal selepas tarikh

penubuhan Malaysia. Oleh sebab itu, perluasannya tidak boleh dibuat melalui perintah perluasan di bawah Seksyen 74, Akta Malaysia. Dengan demikian, perluasan Akta ini ke Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah dilakukan melalui pembentangan Rang Undang-undang pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen-seksyen yang dicadangkan untuk dipinda ialah Seksyen 1, Subseksyen 2 dan Seksyen 2, Subseksyen 1, Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awal) 1965. Yang pertama, pindaan kepada Seksyen 1, Subseksyen 2 adalah untuk membolehkan Akta ini diperluaskan pemakaiannya ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Tambahan pindaan ini, Seksyen 1, Subseksyen 2 yang wujud menghadkan pemakaiannya kepada negeri-negeri Semenanjung Malaysia sahaja.

Yang kedua, pindaan kepada Seksyen 2, Subseksyen 1 adalah bertujuan untuk memberi tafsiran kepada ungguapan racing club. Tafsiran ini diperlukan untuk memastikan supaya semua kelab lumba kuda yang hendak menganjurkan lottery sweepstakes hendaklah diiktirafkan oleh Malayan Racing Association supaya pihak Malayan Racing Association dapat memastikan perlumbaan kuda yang akan dijalankan oleh kelab berkenaan mematuhi peraturan-peraturan perlumbaan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, aktiviti perjudian adalah terletak di bawah bidang kuasa Perundangan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Butiran 4. Oleh yang demikian, perluasan pemakaian undang-undang perjudian di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah wajar bagi menjamin keseragaman pentadbiran di seluruh negara. Di

samping itu, perluasan undang-undang tersebut juga adalah diselaraskan dengan dasar Kerajaan untuk mengawal dan mengurangkan aktiviti perjudian.

Pembentangan Rang Undang-undang Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam), (Pindaan dan Perluasan) 1991 adalah merupakan sebahagian daripada tindakan Kerajaan ke arah memperluaskan semua undang-undang perjudian sebagaimana yang dinyatakan tadi. Di masa yang sama, Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk mengeluarkan perintah di bawah Seksyen 74, Akta Malaysia untuk memperluaskan pemakaian lima undang-undang perjudian lain yang telah dinyatakan tadi ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan di samping itu, memansuhkan undang-undang perjudian yang sedia ada di negeri-negeri tersebut. Sungguhpun demikian, satu proviso telah diperuntukkan bahawa semua lesen dan permit perjudian yang diluluskan di bawah undang-undang yang sedia wujud akan terus berkuatkuasa hingga luput tempoh masing-masing ataupun sehingga satu undang-undang digubal bagi membatalkannya. Dengan tindakan-tindakan ini, bagi undang-undang perjudian di seluruh negara akan menjadi seragam dan dengan itu akan membolehkan Kerajaan mengawal aktiviti perjudiandengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Kelab Perlumbaan Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 dan bagi memperluaskan Akta itu sebagaimana

dipinda ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas Bandar Kuching.

4.47 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kelab Lumba Kuda sudah jadi amalan biasa di Malaysia ini. Walaupun ianya merupakan satu warisan penjajahan negara kita sebab dalam kebudayaan asal Malaysia ini tidak ada kuda di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Jika kita mahu betul-betul mewujudkan ciri-ciri budaya Malaysia "in a lighter vein", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, lagi baik kita boleh memulakan lumba kerbaukah, lumba anjingkah atau lumba kuchingkah kalau tidak ada binatang lain.

Pada suatu ketika dahulu, Tuan Yang di-Pertua, lumba kuda dianggap sebagai "sport for kings". Malangnya, buat masa sekarang ini tidak ada "king" maka "king" dalam "sense of British Empire." Maka sekarang, lumba kuda jadi sumber paling besar untuk perjudian di negara kita ini.

Maksud undang-undang yang dibentangkan ini ialah menurut ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi untuk mengawal dan mengurangkan kegiatan perjudian dan menyelaraskan undang-undang yang mengawal kegiatan itu di seluruh negara ini. Maka tidak lama dahulu di negeri Sarawak ini kami telah ada satu Sarawak Turf Club. Pada 8hb Mac, tahun ini, kegiatan yang dilakukan oleh Selangor Turf Club yang jual tiket "Big Four" berdasarkan kepada keputusan lumba kuda ini sudah dihentikan dan diharamkan oleh pihak Kerajaan di negeri Sarawak.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri

Sarawak iaitu Datuk Amar Ujang Nor, sebelum kegiatan ini dihentikan apabila big four dijual setiap hari \$50,000 tiket dibeli. Maksudnya pada satu bulan sahaja \$5 juta pergi masuk ke Coffey Turf Club dan pada tempoh satu minggu sahaja enam hari ada draw. Setiap hari beli tiket dari Big Four dan 300 lebih outlet wujud di seluruh negeri Sarawak. Tidak kira berapa jauh dari hulu satu pekan, ada satu tempat jual tiket Big Four. Sehingga penyokong saya, saudara mara saya pun pergi beli Big Four setiap hari.

Ianya jadi satu fever, satu demam baru. Ini juga di samping selain daripada apa yang sudah ada, Magnum, Empat Ekor, Sports Toto, Big Sweep dan Lottery Ticket. Sehingga pada suatu ketika saya ingat Malaysia sudah jadi satu negara yang berjudi, the gambling nation sehingga maksudnya Kuala Lumpur Stock Exchange menjadi satu Russian Roulette yang terbesar di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, 95% orang yang beli Big Four ini, Empat Ekor ini menurut kenyataan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak ini adalah orang yang datang dari mereka yang miskin. Cuma oleh kerana mereka miskin, mereka harap satu hari satu ringgit, mereka harap boleh cepat kaya. Itulah budaya cepat kaya dalam Malaysia ini. Saya pun tidak capak dia salah, dia bodoh, ini sudah jadi satu trend, satu budaya yang merbahaya. Walaupun ada orang happy, night club memang business dia naik, pub memang business baik, sebab bila sudah menang ada duit, bawa kawan pergi minum, makan besar. Tetapi perniagaan runcit semua komplek—penjaja kecil, usahawan kecil komplek, sebab perempuan pun masuk. Perempuan yang jaga rumahtangga bawa \$10 pergi ke pasar mahu beli sayur, daging. Tetapi bila tengok Big Four, Empat Ekor, okaylah \$5 beli sayur cukup. \$5 saya beli tiket, harap nanti boleh cepat kaya. Habis kedai

kopi pun rugi. Kedai jual mee pun rugi. Perniagaan runcit pun rugi. Sampai dia sudah mempengaruhi suasana perniagaan di Kuching dan di negeri Sarawak ini. Mungkin di sini serupa juga. Tetapi dari segi dua buah negeri yang sedikit mundur seperti Sabah dan Sarawak ianya kegiatan perjudian Big Four ini sampai satu tahap tidak boleh dapat ditahan lagi sehingga pihak Kerajaan Negeri Sarawak ini membuat satu keputusan untuk menghentikan atau mengharamkan Big Four dan haraplah menurut kenyataan yang ada di sini, haraplah pihak Kerajaan Persekutuan boleh mengurangkan penjualan Empat Ekor, Sports TOTO, Big Sweep, Small Sweep, Medium Sweep, semua skim cepat kaya dikurangkan di negeri Sarawak.

Maka hari ini Rang Undang-undang dibentangkan dengan maksudnya, nampaknya mahu mengurangkan, mengawal kegiatan perjudian di negeri Sarawak dan Sabah. Saya harap beginilah, walaupun negeri Sarawak sudah mengharamkan Big Four dan meminta pihak Kerajaan Persekutuan pun juga kalau boleh mengharamkan semua perjudian, semua Sweepstakes tetapi kali ini tengok satu Rang Undang-undang yang mahu melanjutkan Akta ini kepada Sarawak dan Sabah. Saya harap tidak ada satu kompeni UMNO nanti dapat lesen, mahu menjual tiket di negeri Sarawak dan Sabah yang berdasarkan kepada keputusan lumba kuda ataupun lumba kerbau, sebab dosa perjudian ini sudah lama dirasai.

Saya tahu dalam agama Islam menurut kawan saya dari PAS atau UMNO perjudian adalah satu kegiatan tidak dibenarkan di bawah ajaran agama mereka ini. Ataupun ada orang lain cakap, perjudian ini merupakan ciri budaya Cina. Saya seorang Malaysian, bukan Cina tetapi okaylah - tengok muka saya Cina, saya boleh katakan di sini perjudian bukanlah ciri budaya Cina, sebab di England pun ada

Sweepstakes, Football Pool, ada Las Vegas, ada

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, jangan terlalu jauh pergi dari Akta ini, tajuk perbincangan ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak jauh, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya memohon

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita ada banyak lagi Akta yang lain.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya tahu. Maka saya mahu menyokong suatu tindakan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan dan mengawal perjudian—memang DAP sokong. Bukan semua DAP mahu menentang. Kalau Barisan Nasional buat baik, mesti sokong sedikitlah. Kalau dia buat salah tetapi nama dia mahu baik, itu mesti ditentang. Itu dia salah—sebab ini dalam hujah saya terpaksa untuk membawa sedikit argument.

Perjudian ini kalau kita hadkan kepada abang adik main mahjong dalam rumah, ini bukan salah, mungkin. Kalau di Tahun Baru Cina main sedikit kad 10 sen, ini bukan satu wabak tetapi sehingga dia jual tiket Sweepstakes, apabila saya datang ke Kuala Lumpur, mahu minum kopi, dalam kedai kopi ada orang mahu jual tiket. Balik ke Kuching—loteri tiket, Big Four di mana-mana tidak boleh lari. Maka dia jadi satu wabak yang perlu dikawal. Sebab ini bukan ciri budaya sesuatu bangsa. Ini jadi satu universal vice. Apabila seorang pegawai dari Turf Club jumpa saya, minta Yang Berhormat jangan menentang Big Four. Kalau perjudian tidak dapat dijalankan secara sah, dia jadi haram. Maka orang samseng mahu bikin. Kalau mengharamkan atau mengurangkan perjudian maka ia nanti jadi kegiatan perjudian underground

dan melahirkan anasir-anasir samseng kepada masyarakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini hujah yang salah. Walaupun sudah sah, lumba kuda pun jadi sah tetapi bagi setiap ringgit yang dijudikan di dalam keputusan lumba kuda, saya rasa \$4 pun change hand secara tidak sah. Sehingga di Kuching, Sarawak dan di Sabah satu network—minta maaf—Network Punterkah, Runnerskah, Agentskah, seluruh Sarawak tidak kira apa bangsa, tidak kira di mana mereka tinggal, di hulu, di bandarpun tahu. Hari ini nama kuda itu terkenal. Siapa raja empat. Hari ini boleh menang. Budak-budak kecil pun cakap begini. Sehingga Network Punter, Runners pun boleh membuat perjudian ke atas keputusan pilihanraya. Dalam Pilihanraya UMNO di Kuching orang buat betting. Mahathir itu kuda kuat. Tengku Razaleigh kuda kuat. Oh! bulu dia cantik, kaki panjang. Beratus ribu ringgit ditaruh. Itulah lumba kuda dosanya di negeri Sarawak ini sehingga pilihanraya datang, orang ramai pun menaruh berjuta-juta ringgit ke atas sesuatu kerusi ataupun ke atas pilihanraya siapa mahu jadi Kerajaan.

Sehingga Malaysia termasuklah Sarawak dan Sabah merupakan negeri-negeri yang sudah lupa nilai Asia kita yang baik iaitu mesti kerja kuat, rajin kerja, jimatkan wang, dia harap kejayaan datang dari kerja kuat bukan harap itu jackpot jatuh dari langit. Mentality itu sudah menjejaskan semangat mahu membina satu negara yang baik, yang konkrit, yang positif. Ini sudahpun menjangkitkan mentality di bidang perniagaan sehingga orang mahu dapat keuntungan besar bukan kuat kerja, mahu buat jual-beli tetapi haraplah dapat connection politic atau hubungan politik yang baik, harap dapat kontrak, cepat kaya. Ini saya rasa dengar hujah ini sahaja memanglah saya dengan DAP mesti menyokong sesuatu langkah yang mengawal dan mengurangkan kegiatan perjudian di Malaysia ini.

Maka soalan saya ialah sekiranya sudah turf club di bawah bidangkuasa pihak Kerajaan Persekutuan ini maka apakah jaminan akan diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Persekutuan ini supaya tidaklah lagi lesen diberi, dikeluarkan kepada sesuatu syarikat ataupun individu untuk menjual tiket Sweepstake yang berdasarkan ke atas sesuatu lumba kuda sahaja, sama ada di Sarawak Turf Club, Ipoh Turf Club, Singapore Turf Club atau Kuala Lumpur Turf Club supaya wabak yang anak Sarawak baru hapuskan tidak balik lagi untuk menjangkitkan orang yang miskin untuk hisap darah mereka dan makan daging mereka. Ini tidak dapat digalakkan. Bolehkah satu jaminan diberi ataupun apakah tindakan akan diambil supaya menjamin Empat Nombor Ekorkah, Sweepstakekah, Sports TOTO dikurangkan dari segi pandangan saya di negeri Sarawak dan Sabah, tetapi di seluruh Malaysia ini supaya kalau orang ada duit lagi baik dia simpan dalam bank dan bank boleh pakai rezab ini, boleh pinjamkan kepada peniaga supaya ekonomi boleh bertumbuh dan amalan (habit) yang membazirkan ini dapat dikurangkan sebab tidak ada betul-betul ramai orang jadi jutawan sebab dia kena jackpot, cuma ini melahirkan suasana yang paling buruk di kalangan rakyat Malaysia ini.

Maka saya cadangkan kalau Kerajaan Barisan Nasional betul-betul mahu membina satu masyarakat yang penyayang, satu masyarakat yang mempunyai dan mempertahankan nilai-nilai Asia yang positif, maka masa sudah sampai supaya kegiatan perjudian dikawal lebih ketat lagi, tidak dapat memberi jalan kepada mereka yang mahu meminta lesen sebab kalau kegiatan perjudiannya tidak dapat diharamkan maka dia mesti disahkan. Saya pun tahu kegiatan pelacuran tidak boleh dihapuskan tetapi bukan maksudnya kita mesti mengesahkan

pelacuran walaupun boleh diharamkan penubuhannya tetapi tidak boleh hapuskan pelacuran. Tetapi tidak maksudnya Dewan yang mulia ini perlu meluluskan satu Akta untuk mengesahkan penubuhannya. Maksudnya mesti mengawal dengan ketat dan mengkaji dan memonitorkan impact sosio-ekonomi ke atas negara ini. Maka ini satu perkara yang perlu diberi perhatian penuh.

Sekiranya sekarang saya pergi ke Ipoh pada hari Sabtu dan Ahad, susah mahu cari satu bilik hotel sebab semua orang mahu main kuda, iaitu lumba kuda. Masuk Ipoh pada hari itu sampai penuh untuk tujuan lumba kuda sahaja. Apakah sumbangan ini memberi kepada pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, kecuali sekiranya pihak Kerajaan Barisan Nasional sayang cukai yang boleh dapat daripada Genting Highlands ataupun turf club yang menjual tiket Sweepstake ini sahaja, tetapi ini kalau diibandingkan dengan social cost ini saya rasa satu imbalan mesti dicapai supaya Malaysia ini boleh cari satu cara hidup yang boleh berbalik kepada semangat asal apabila Malaysia ditubuhkan iaitu mahu kuat kerja, mahu membina satu negara yang cemerlang, tidak kira bangsa, tidak kira agama. Haraplah semua orang tidak melibatkan diri mereka dalam kegiatan perjudian yang secara wabak. Saya selalu marah apabila saya pandu kereta di dalam Bandar Kuching, malam ini pukul 8.00 keputusan Empat Nombor Ekor keluar, budak-budak kecil jual satu kertas 10 sen

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila tumpukan perbahasan. Yang Berhormat terlalu melarat

Tuan Sim Kwang Yang: Sedikit sahaja. Contoh sahaja mahu menunjukkan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Peruntukan kita jelas

Tuan Sim Kwang Yang: Okay, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta kerjasama Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Boleh, selalu bekerjasama. Dia jual kertas tiket 10 sen Empat Nombor Ekor semua yang first prize, second prize, third prize. Budak-budak kecil apabila dia besar memang dia jadi dewasa, dia suka main judi.

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya undang-undang ini betul-betul mahu mengawal dan mengurangkan kegiatan perjudian di dalam negeri Sabah dan Sarawak, saya memang sokong, tetapi cuma saya belum faham dan belum jelas bagaimana Akta ini akan menjamin kepada rakyat Malaysia, khasnya dalam Sarawak dan Sabah bahawa Akta ini boleh mengawal dan mengurangkan kegiatan perjudian sebab di negeri Sarawak ianya sudah diharamkan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih dan sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pengkalan Chepa.

5.05 *ptg.*

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menarik perhatian sidang Dewan pada petang ini mengenai Akta (Pindaan) Lumba Kuda yang dibentangkan di dalam Dewan sekarang ini. Sebagai mewakili pihak Parti Islam Se Malaysia perlu kiranya dapat saya kemukakan sedikit pandangan berhubung dengan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kita merasa bangga dengan penjonjolan-penjonjolan yang diutarakan oleh Kerajaan untuk membangunkan negara dan untuk menyusun program-program hidup rakyat Malaysia dan baru sahaja Kerajaan telah meluluskan satu usul Wawasan 2020 demi untuk kestabilan hidup rakyat dan untuk melihat rakyat ketika itu berada dalam keadaan suasana harmoni dan tahap hidup yang selesa. Namun demikian, bila kita terserempak dengan Rang Undang-undang seperti ini kita merasa gelap kembali, kita tidak nampak matlamat Wawasan 2020 dapat menuju ke arah hidup rakyat Malaysia yang terselamat dan berjaya dalam erti kata yang sebenar. Kecenderungan Kerajaan bukan menuju ke arah kebaikan hidup jangka panjang rakyat dan bukan bertanggungjawab untuk menyelamatkan generasi yang akan datang dari bencana azab yang tidak dapat ditolak dengan kuasa kebandaan dan pengaruh kemewahan hidup.

Mengikut pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, istilah Kelab Lumba Kuda ini walaupun diertikan dengan apa makna sekalipun ianya tidak terlepas daripada amalan judi wujudnya di Semenanjung sudah pun bercanggah dengan prinsip hidup umat Islam dan sepatutnya Kerajaan mengambil tanggungjawab mengelakkannya, tetapi bila Akta ini dibentang dan dipinda untuk memperluaskan ke Malaysia Timur dan ke seluruh negara, maka dengan sendiri aktiviti-aktiviti, kegiatan-kegiatan dan amalan-amalan judi dan maksiat ini menjadi hobi dan makanan hidup Kerajaan yang memerintah hari ini.

Jelaslah bahawa isi perut Kerajaan sekarang terlampau kotor dan cemar dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan masalah pembangunan hidup rakyat bahkan Kerajaan masih belum mengenali lagi apa erti pembangunan yang hakiki. Saya tidak mahu terlibat untuk

menyesatkan seseorang rakyat Malaysia pun, apa lagi untuk ke seluruh negara Malaysia, tetapi dengan menyokong Akta ini maka kesemua Wakil-wakil Rakyat dan parti-parti yang terlibat akan bersama-sama memberi laluan dan menghalalkan apa yang diharamkan oleh syarak.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum bersedia nampaknya untuk membawa negara Malaysia serta memimpin rakyat seluruhnya supaya dapat menikmati pembangunan hidup yang sejati, hidup yang tidak terumbang-ambing dan penuh dengan gejala-gejala kekhayalan dan angan-angan nafsu yang durjana. Kerajaan telah menggelapkan cita-cita Buku Wawasan 2020 yang baru diluluskan dan Kerajaan telah mendedah kembali kepalsuan isi Buku Wawasan 2020 itu dan inilah yang saya bangkitkan dalam membahaskan Buku RRJP2 dengan menyatakan bahawa kandungannya masih kabur dan samar-samar, tidak tahu arah tujuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berani menegaskan di sini bahawa dengan kelulusan Akta ini beberapa risiko akan berlaku. Memang menunggang kuda adalah satu riadah yang digalakkan oleh Islam, tetapi bukan berjudi. Kelab Lumba Kuda tanggapan umum ialah kelab menggalak dan memajukan judi.

Judi lumba kuda terkenal banyak memusnahkan rumah tangga, perniagaan dan kehidupan orang-orang terlibat. Orang kalah judi menimbulkan banyak masalah sosial dan jenayah membahayakan orang lain. Undang-undang yang ada tidak boleh dipertahankan dan tidak boleh disokong kerana ia memajukan judi.

Mempertahankan bererti mempertahankan judi dan judi adalah satu dosa besar. Jika pindaan ini disokong, ia bererti membabitkan Sabah dan Sarawak dalam satu subahat judi dan rakyat Sabah pula ikut dilibatkan dan menyambung dosa bersama dengan

orang Semenanjung. Tanpa pindaan ini judi tetap ada di Sabah dan Sarawak, tetapi judi mereka bukan atas tajaan Parlimen Malaysia, cuma kelemahan Kerajaan tidak berjaya mencegah judi, itu sahaja.

Lulusnya pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, akan memperkuatkan lagi pengaruh judi lumba kuda. Bila munkar berpengaruh maka dengan sendirinya kebaikan akan lemah. Pembentangan Rang Undang-undang ini membuktikan bahawa Kerajaan masih memberi perlindungan kepada judi dan masih belum mahu belajar dari langkah membanteraskan judi seperti yang Kerajaan Kelantan lakukan.

Akta pindaan ini sepatutnya membersihkan kelab ini dari judi, Kelab adalah baik, tetapi dengan tidak dikawal adalah menjadikan kelab sarang segala kejahatan. Jika Rang Undang-undang ini dilayan juga, maka ia adalah bukti Kerajaan Malaysia belum berpegang kepada Islam sebagai Addin. membenarkan amalan judi menjadikan ekonomi yang hendak dicapai oleh Wawasan 2020 tidak akan mendapat keberkatan Allah dan tidak mungkin melahirkan masyarakat penyayang. Kerajaan melepaskan kuasa dan tanggungjawab kepada Kelab ini apabila dilulus nanti adalah semata-mata untuk mengelakkan sangkaan buruk dan serangan umum kepada Kerajaan seolah-olah Kerajaan tidak mempunyai kuasa dan tidak ada kenamengena apa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sikap dan tindak-tanduk yang dilakukan oleh Kerajaan sekarang ini, maka harapan untuk melihat Malaysia berjaya dalam membangun ummah agaknya tipis sekali, dan cita-cita Kerajaan membina ketahanan rakyat pun tidak akan berlaku. Sepatutnya amalan seperti ini tidak berlaku di bawah Menteri Kewangan baru yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang aneh Timbalan Menteri dalam mempertahankan Rang Undang-undang sekejap tadi mengatakan satu daripada tujuannya ialah untuk mengurangkan amalan judi, tetapi Rang Undang-undang sendiri memperluaskan malan judi lumba kuda ke seluruh Malaysia. Jadi, saya tidak faham bagaimana cara tindakan Kerajaan. Pada satu ketika dahulu, Tuan Yang di-Pertua, semasa Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang Samsu Gelap dan Samsu Cerah, jawapannya untuk mengelak dan mengurangkan daripada orang-orang yang meminum samsu secara gelap. Itulah jawapan Kerajaan. Tetapi walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu bagaimanakah penyokong-penyokong Kerajaan, terutama sekali Ahli-ahli cerdik pandai dalam bidang agama, khususnya orang yang berada dalam Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, bagaimanakah sikap pegangan dan tindak-tanduk mereka dalam meluluskan Rang Undang-undang ini.

Apakah mereka akan mengambil sikap sebagaimana Rang Undang-undang yang dibentangkan petang ini Menteri melarikan diri, Timbalan Menteri melarikan diri, tinggal Timbalan Menteri yang ada ini sahaja. Apakah dengan cara itu mereka rasa mereka akan terlepas dengan kelulusan Akta ini dan mereka tidak akan terlibat sama untuk memikul dosa sebagai saham diberi dalam jemaah parti.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya amat dukacita dan kesal. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk hendak bercakap panjang, hanya cukup dengan sepatah dua pandangan yang saya beri. Akhir sekali saya bagi pihak Parti Islam Se Malaysia menolak dan menentang Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Bharu.

5.15 *ptg.*

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak (Kota Bharu): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bagi mewakili Semangat 46 mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) (Pindaan dan Perluasan).

Kami mengalu-alukan Rang Undang-undang ini jika ianya dimuatkan dengan cadangan atau peruntukan-peruntukan untuk menghapuskan budaya perjudian melalui perlumbaan kuda di dalam negara tercinta kita. Semua pihak khususnya Kerajaan sendiri bersetuju bahawa perjudian merugikan dan merosakkan masyarakat kecuali mereka yang menganjurkan perjudian. Pihak Kerajaan telahpun membubarkan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat. Maka usaha murni itu patut diteruskan.

Kerajaan sepatutnya menjaga kepentingan orang ramai, bukan menjadi pelindung kepada penganjur-penganjur perjudian. Tinggal 9 tahun lagi sebelum kita beralih ke abad 21. Wajarlah kesilapan-kesilapan lampau dikenalpasti untuk diperbetulkan supaya negara kita memasuki abad 21 dengan, dengan izin, a clean slate.

Memang tidak wajar bagi Parlimen yang mulia ini memberi official sanction ataupun kebenaran rasmi kepada perjudian. Oleh itu, saya yakin bukan sahaja saya, tetapi ramai di kalangan Wakil-wakil Rakyat termasuk—seharusnyalah tetapi saya hendak pastikan pun susah sebab beliau tiada di sini Menteri Kewangan baru kita yang asalnya daripada ABIM tentunya tidak sanggup bersubhat dalam hal penerusan perjudian ini. Maka, eloklah tarik balik sahaja Rang Undang-undang ini dan bentangkan satu Rang Undang-undang yang baru

untuk menghapuskan perjudian Sweepstakes dan tidak haruslah kita meneruskan dengan cadangan meluluskan Rang Undang-undang pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran.

5.18 *ptg.*

Datuk Monggoh Orow (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, melihat dengan Rang Undang-undang ini saya tidak terbaca apa tujuannya kecuali daripada memperluaskan suatu Akta ke negeri Sabah dan Sarawak.

Saya memang tidak suka dengan apa sahaja kegiatan berjudi termasuk lumba kuda walaupun ada kelab-kelab lumba kuda di negeri Sabah. Memang tujuan kita ialah untuk mengurangkan kegiatan-kegiatan perjudian di kalangan masyarakat di negara kita ini. Ini pun saya sudah sentuh dalam Dewan yang mulia ini dalam persidangan yang lalu, di mana saya meminta Menteri yang berkenaan untuk mengurangkan cabutan-cabutan Raffle yang ada sekarang yang dibuat tiap-tiap hari, dan saya telah mendapat jawapan daripada Timbalan Menteri Kewangan bahawa perjudian di Sabah ini terutama sekali cabutan Raffle adalah di bawah Akta Undang-undang Negeri Sabah.

Dan saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri Sabah akan mengambil tindakan untuk mengurangkan cabutan-cabutan Raffles yang ada sekarang. Dengan tujuan supaya kita boleh menyekatkan perjudian di kalangan masyarakat di negara kita.

Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) (Pindaan dan Perluasan) ini semata-mata untuk memperluaskan satu kuasa dari Semenanjung Malaysia ke negeri Sabah dan Sarawak dengan tujuan mungkin supaya banyak lagi lesen-lesen atau permit untuk mengadakan cabutan-

cabutan public Sweepstake yang akan menggalakkan muda-mudi, yang kebanyakannya sekarang tidak mempunyai kerja—menganggur.

Di negeri Sabah ramai muda-mudi yang tidak mempunyai kerja, mereka mendesak ibu bapa mereka memberi atau meminta wang tiap-tiap hari untuk belanja dan ada yang kebanyakannya menunggu masa membeli tiket-tiket loteri, mungkin dengan harapan satu hari nanti mereka ini akan menjadi seorang jutawan. Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, kegiatan seperti ini telah mendatangkan gejala-gejala yang tidak baik. Contoh-contohnya di mana suami isteri selain daripada muda-mudi selalu bergaduh di antara satu sama lain kerana ada suami yang disuruh oleh isteri membeli makanan budak-budak misalnya susu pekat. Dia mempunyai duit \$10 dalam saku. Bila sampai di kedai dia nampak tempat-tempat membeli loteri. Kemudian dia beli \$2.00, \$3.00. Separuh daripada wang yang diperlukan untuk membeli susu dan makanan budak-budak itu sudah habis. Jadi apabila dia balik ke rumah, tidak ada makanan yang dibawa balik ke rumah oleh kerana duit sudah habis. Jadi ini satu gejala akibat daripada perjudian yang sedang giat diadakan di negara kita ini. Sepatutnya Kerajaan tidak menggalakkan kegiatan seperti ini.

Dalam persidangan Dewan yang mulia ini yang sekarang ini, ada satu Akta di mana Kerajaan mencadangkan untuk membubarkan Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950-1962. Ini adalah satu tindakan yang bagus untuk menyekatkan kegiatan-kegiatan perjudian. Tetapi sebaliknya pula mengambil satu tindakan lagi untuk mempergiatkan kegiatan perjudian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah tujuan untuk memindahkan undang-undang ini niatnya bagus iaitu menambahkan rekreasi di kalangan

masyarakat majmuk di negara kita ini dengan hanya menunggang kuda misalnya kaum-kaum Bajau di Kota Belud di mana kuda-kuda itu digunakan untuk ditunggang, untuk menarik pelancong- pelancong dari luar negara kita. Itu satu kegiatan yang sihat, bukannya digunakan untuk berjudi. Kalau itulah tujuannya untuk berjudi, saya tidak bersetuju. Memang kita ingin mewujudkan satu industri di mana kita membiak kuda-kuda di negara kita ini kalau dijual ke luar negeri kita mendapat untung. Itu satu kegiatan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyokong pindaan Akta ini. Di-sebaliknya pula saya ingin mencadangkan di sini supaya Akta ini dihapuskan sama sekali seperti cadangan Kerajaan untuk membubarkan Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950-1962. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mas Gading.

5.24 ptg.

Dr Patau Rubis (Mas Gading):
Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sesungguh dan dukacitanya memberi pandangan dan bantahan parti SNAP atas usul ini.

Perjudian melalui sesiapa sahaja sudah memberi dan membawa banyak implikasi dan keadaan yang buruk kepada rakyat di Sarawak sepertimana dikatakan oleh parti pembangkang di Sarawak iaitu parti DAP sebentar tadi. Oleh yang demikian parti komponen BN3 sudah ambil satu keputusan bahawa perjudian Big-Four tidak dibenarkan sekali-kali di Sarawak. Pada masa kini perjudian lumba kuda dan Sweepstake diizinkan, race coursanya dihadkan di kawasan dan premis Kelab Lumba Kuda Sarawak sahaja. Pindaan yang dicadangkan sekarang akan membawa satu cara perjudian lagi. Keduanya, mungkin ada

pertentangan atau percanggahan antara pindaan ini dengan Ordinan Perjudian Negeri Sarawak.

Dari maklumat yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi, ini akan dihapuskan, baik. Tetapi kami minta hapus jugalah undang-undang Lumba Kuda ini di seluruh Malaysia. (*Tepuk*)

Pertikaian yang boleh berlaku akan membawa keadaan dan suasana politik yang tidak sihat. Di minta sebelum Pemberitahu dan *Warta* jikalau pindaan ini diluluskan, rundingan yang sepatutnya dibuat awal dahulu, dibuat dulu dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Atau kalau boleh batalkanlah perkataan "Sarawak" dari pindaan undang-undang ini. Tolonglah kami di Sarawak untuk mengurangkan semangat perjudian di kalangan rakyat anak Sarawak. (*Tepuk*) Walaupun tujuan pindaan ini untuk memastikan bahawa semua perlumbaan kuda di negara ini adalah dijalankan oleh Kelab Lumba Kuda yang menjadi ahli Persatuan Lumba Kuda Malaya tetapi siapa minta pindaan ini? Kelab Lumba Kuda di Sarawak atau siapa? Kami ingin tahu. Perlu atau tidak pindaan ini? Sepatutnya rundinglah dulu dengan Kerajaan Negeri. Walaupun Kerajaan Pusat kuat, undang-undang semua dapat dibuat tanpa rundingan, tetapi runding dululah—kami pun dalam Barisan Nasional—supaya hasrat bersama kita mengurangkan aktiviti perjudian dalam negara kita ini dapat dicapai. (*Tepuk*)

Dengan ini saya bagi pihak parti SNAP tidak dapat menyokong usul ini bahawa pindaan Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali kedua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

5.29 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua,

saya berdiri di sini ingin mengambil bahagian untuk membahaskan pindaan suatu Akta untuk meminda Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) (Pindaan dan Perluasan) 1965. Akta pindaan dengan tujuan untuk memanjangkan Akta tersebut ke Sarawak dan ke Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah ingin bercakap panjang lebar kerana sudah banyak perkataan dicakap. Saya hampir habis modal. Bagi kami rakyat di Sarawak adalah berasa sedih dan pilu kerana pembentangan Akta pindaan ini—Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) (Pindaan dan Perluasan) 1991 ini.

Walaupun belum ternyata apakah galakan perjudian yang bakal pindaan ini membawa ke Sarawak tetapi yang nyata adalah satu, iaitu apa yang tidak ada di Sarawak hendak diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada tidak payah control, jadi kalau kita buat ada undang-undang, adalah kuasa perlesenan, kuasa meminta dan adalah peluang minta diberi dan adalah peluang pula kedai-kedai judi dibuka. Kalau tidak ada peluang tidak payahlah dibuat, tidak ada tempat hendak meminta.

Ini adalah satu tindakan yang terus menerus bertentangan dengan kehendak dan aspirasi segolongan besar rakyat Sarawak. Negeri Sarawak walaupun dianggap sebagai negeri yang secular, dengan izin, tetapi pihak kami telah berjaya mengharamkan sebahagian besar perjudian di negeri itu. Pada tahun 1989/1990 kedai Big Four, satu perjudian telah dibuka sebagai cendawan tumbuh tetapi Alhamdulillah, oleh kerana concerted effort, dengan izin, Kerajaan Negeri bukan sahaja rakyat yang Islam tetapi juga rakyat yang lain, Cina, Melayu, Iban, Kelabit, Murut semua sekali tidak bersetuju dengan perjudian yang dibuat dengan segala berleluasa di negeri itu. Bahkan tidak ada blok kedai yang tidak

ada rumah judi. Sarawak dikenali sebagai satu kasino yang terbesar di dunia. Tetapi pada hari ini kasino itu hendak dibuka semula. Kejayaan di negeri Sarawak dalam membanteras dan mengatasi penyakit perjudian telah ternyata. Jadi, kami tidak memerlukan lagi control, dengan izin, ataupun pengawasan di negeri Sarawak.

Gejala ini telah dibanteraskan kerana kami tahu dan sedar apakah akibat perjudian yang tidak terbendung. Bukanlah bermakna kalau Akta ini dipanjangkan di Sarawak perjudian itu tidak dibendung dan kuasa Pusat tidak dapat kuasa untuk membendungnya tetapi apa yang nyata ialah perjudian sudah terbendung. Jadi, kami takut, kami curiga, kerana dengan adanya undang-undang ini dipanjangkan ke Sarawak, ekoran perjudian berlandaskan perlumbaan kuda bermula semula.

Tuan Yang di-Pertua, demi Allah, kami tidak menentang apa yang baik, tetapi perjudian saya tidak hendak berdiri di sini menggunakan nama saya menyokong undang-undang yang ada hubungan dengan perjudian. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, negeri Sarawak ada mempunyai undang-undang Lumba Kuda Negeri itu sendiri. Di mana aktiviti Kelab Lumba Kuda itu diawasi dengan ketat di bawah undang-undang itu. Dengan itu kami berasa curiga takut kalau-kalau pengurusan dan kawalan negeri Sarawak itu nanti tidak tercapai, dengan izin, under mind, dengan adanya undang-undang baru ini. Dan pertelagahan undang-undang di antara undang-undang Federal, dengan izin, dengan undang-undang Negeri, ternyata sekali undang-undang Negeri akan kalah. Dengan itu kuasa Pusat akan berleluasa di sana, entah sejauh manakah kuasa Pusat boleh mentadbirkan perjudian di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga sedar dan faham apa yang telah berlaku

di mana kedai judi Big Four beroperasi begitu banyak di Sarawak hingga ada isteri-isteri yang merungut mengatakan duit sayur, duit daging, duit ikan, duit beras tidak sampai ke beras, tidak sampai ke daging, tidak sampai ke ikan, semuanya dibelanja di atas Big Four. Bahkan pihak bank juga mengatakan dahulu si polan itu menyimpan duit \$30 sebulan tetapi sekarang tidak ada lagi. Maknanya operasi bank pun terjejas oleh Big Four. Alangkah pedihnya, alangkah pilu rakyat Sarawak, perbincangan yang telah kami buat bertahun-tahun untuk menghapuskan perjudian telah diketepikan, telah tidak diambil berat. Kami tidak rela gejala dan tragedi sosial ini berulang lagi di Sarawak. Bukan sahaja sebagai hakikat tetapi juga sebagai pendirian peribadi saya. Sebahagian besar negeri Sarawak tidak perlu Akta Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1995. Dari itu saya bermohon dan persetujuan Dewan yang mulia ini agar Akta ini ditangguhkan bacaan kali yang ketiga. Tunggulah pandangan, pintalah pandangan daripada Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Bacaan kali yang kedua, Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kali yang kedua, supaya Rang Undang-undang ini ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jika Yang Berhormat cadang supaya Rang Undang-undang ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua, dihantarkan kepada satu Select Committee, janganlah disebutkan supaya Rang Undang-undang ini ditarik balik.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya di sini berasa emotional sedikit berkenaan dengan Rang Undang-undang ini. Siapa tidak emotional, dahulu tidak judi sekarang hendak

judi. Jadi, saya mintalah dengan kebijaksanaan bukan sahaja kepada orang Islam di Dewan ini tetapi juga yang berfikir: waras supaya perjudian itu dihapuskan sama sekali.

Tetapi jikalau undang-undang ini diluluskan juga oleh kerana kuasa saya adalah terhad hanya membincang, saya meminta satu jaminan daripada Kerajaan Pusat, yang ini adalah satu pengawalan sahaja dan tidak membolehkan sesiapa pun mengambil lesen, membuka kedai walau satu kedai pun, menjual satu tiket pun di Sarawak berlandaskan ataupun ekor dari undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah saya berhujah ataupun bercakap panjang lebar persoalan undang-undang Sarawak dan undang-undang Federal, dengan izin, tetapi memadai saya tidak menyokong undang-undang ini di sini. Terima kasih. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap, Yang Berhormat tadi mencadangkan supaya perkara ini dirujuk kepada Select Committee untuk bacaan kali yang kedua, bukan?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah Peraturan Mesyuarat berapa itu?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2) iaitu usul ini, hendaklah dikeluarkan sebaik-baik sahaja dibacakan Rang Undang-undang itu kali yang kedua. Jadi, tunggulah dahulu. Apabila dibacakan kali yang kedua, bolehlah Yang Berhormat bangun mencadangkan supaya dirujuk kepada satu Jawatankuasa

Pilihan. Sila lihat Peraturan Mesyuarat 54(2). Yang Berhormat dari Seputeh.

5.41 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, Bil yang kita bincangkan sekarang adalah memperlihatkan Kerajaan tidak pernah berusaha mahu mengurangkan perjudian, jangan sebutkan hendak menghapuskan. Dengan merancang segala pelan pembangunan dan menggalakkan kelab lumba kuda memberi makna besar bahawa Kerajaan bersubhat meningkatkan taraf masyarakat di Malaysia. Kalau semalam Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyebut Malaysia sudah ada "Raja Bank", mungkin kita mendapat satu lagi "Raja Judi". Berikutan dengan pembinaan Kelab Lumba Kuda di Sungai Besi, rangkaian pembinaan Kelab Lumba Kuda ini akan dikembangkan pula ke Sabah dan Sarawak, tentu juga Labuan akan menjadi sasarannya atas alasan untuk pembangunan.

Apabila menyentuh pembangunan di Labuan, kita tidak akan lupa siapakah Pengerusi yang bertanggungjawab membangunkan Labuan. Kalau Kelab Lumba Kuda dikembangkan di Labuan, orang inilah juga yang bertanggungjawab yang mengembangkan judi di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak hairanlah di mana-mana tempat di dunia ini, "Raja Judi" akan hidup mewah, hanya kaki-kaki judi akan menjadi mangsa dan krisis moral di kalangan masyarakat berterusan. Sepatutnya kita berbangga apabila Kelab Lumba Kuda di Jalan Ampang akan ditutup dan tapaknya digunakan untuk taman rekreasi yang boleh memberi manfaat kepada rakyat. Pelancong-pelancong luar juga boleh membawa kenangan manis apabila balik ke negara mereka, sekiranya taman rekreasi atau park, dengan izin, dibina di tapak Kelab Lumba Kuda di

Jalan Ampang sekarang. Sudah tentu tidak ada apa-apa yang dapat dibanggakan dengan Kelab Lumba Kuda itu kepada para pelancong. Di Britain terdapat banyak taman rekreasi yang boleh dikunjungi di bandar-bandar. Pelancong-pelancong luar datang ke Britain tidak akan melepaskan peluang berkunjung ke taman-taman rekreasi ini. Kalau kita menjadi pelancong juga sudah tentu kita akan memilih tempat yang dikunjungi ialah taman rekreasi dan bukannya Kelab Lumba Kuda.

Tuan Yang di-Pertua, tidak perlulah tapak Kelab Lumba Kuda di Jalan Ampang sekarang dibangunkan sebagai kawasan komersial. Kita sudah banyak kawasan komersial di sekitar Kuala Lumpur yang memberi keuntungan besar kepada Raja Bank dan Raja Judi. Oleh itu kawasan tapak Kelab Lumba Kuda, yang selama ini berkembang atas penderitaan kaki-kaki judi dan masyarakat, sepatutnya diberi imej baru sebagai tempat orang ramai berehat di samping mencari ketenangan. Imej ini ialah melalui pembinaan park atau taman rekreasi di situ, walaupun kita tetap merasa kecewa apabila kelab lumba kuda ini terus juga dibina di tempat yang lain.

Kerajaan pun tahu semasa Kelab Lumba Kuda beroperasi di Jalan Ampang pada setiap hari Sabtu akan berlaku kesesakan jalanraya di Jalan Ampang ini. Bukan sahaja pemandu-pemandu kereta merungut terpaksa menunggu sehingga satu jam dalam kesesakan jalanraya itu, malahan anggota-anggota Polis Trafik juga terpaksa bekerja keras di bawah panas matahari yang membahang.

Dalam masa rakyat dan orang ramai menghadapi kesulitan demikian, taukeh-taukeh judi bergembira mengira keuntungan hasil daripada kelab lumba kuda itu. Oleh itu, kenapakah kita perlu meneruskan satu projek yang jelas memberikan lebih banyak keburukan kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan menyalahkan kubur-kubur keramat menjadi tempat tumpuan kaki-kaki judi memuja untuk mendapatkan nombor, kenapa punca sebenar judi dibiarkan. Sepatutnya apabila Kelab Lumba Kuda di Jalan Ampang dihapuskan, tidak perlu lagi dibenarkan dibina kelab lumba kuda di tempat lain.

DAP percaya bahawa Kerajaan BN tidak bercadang menghalang sebarang bentuk perjudian sama ada kelab lumba kuda, Magnum 4-Digit atau Sports TOTO disebabkan ada kepentingan-kepentingan tertentu, setidak-tidaknya ada orang politik dari BN mempunyai kepentingan yang perlu dipertahankan. Tidak lama dahulu ada Menteri Kabinet yang mahu menyaman akhbar kerana melaporkan satu Tabung Yayasan Gerak Bakti diselenggarakan mendapat derma \$250,000 daripada taukeh judi. Akhbar tersebut terpaksa minta maaf bukan disebabkan mereka salah lapor tetapi atas sebab-sebab tiada pilihan lain. Menteri itu sendiri mengakui memang tabung yang dikendalikannya ketika itu menerima sumbangan derma daripada taukeh judi, bukannya duit judi, dan jumlah sebenarnya \$250,000 dan bukannya \$500,000 seperti yang dilaporkan oleh akhbar yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu sebenarnya ialah Menteri berkenaan ada menerima sumbangan derma hasil perjudian, tidak timbul soal teknikal duit judi atau taukeh judi dan sama ada jumlahnya \$250,000 ataupun \$500,000. Oleh itu amat jelas akhbar itu terpaksa meminta maaf kepadanya atas sebab-sebab tiada pilihan dan bukannya membuat laporan fitnah.

Pendedahan akhbar mengenai sumbangan derma hasil perjudian yang diterima oleh Menteri dan parti politik menjadi satu kesalahan tetapi membina kawasan perjudian dengan lebih hebat, tidak pula menjadi kesalahan, malah dianggap sebagai pembangunan sesuai dengan Wawasan 2020 Perdana

Menteri. Saya ingin bertanya apakah wawasan 2020 mengiktiraf Kelab Lumba Kuda ini sebagai sumber pembangunan dan kemajuan negara juga. Kita mahu Kerajaan memberi penjelasan supaya rakyat dapat memahami apakah Kelab Lumba Kuda ini boleh memberi manfaat kepada mereka melalui RRJP2 dan DPN itu. Sekiranya rangkaian pembinaan Kelab Lumba Kuda berkembang ke Sabah dan Sarawak, kita tidak ada pilihan tetapi terpaksa bersetuju bahawa Kerajaan berjaya membina empayar judi di negara ini.

Hasil daripada keuntungan dalam empayar judi ini pasti dialirkan sebagai sumbangan derma kepada tabung-tabung penting yang dikendalikan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, rakyat Malaysia yang terjerumus sebagai kaki judi adalah mangsa yang paling malang yang diwujudkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak bertahun-tahun Selangor Turf Club telah beroperasi di Jalan Ampang. Kita difahamkan bahawa tapak padang lumba kuda ini akan dimajukan oleh Sri Kuda Sdn. Bhd. yang melibatkan peruntukan \$7 bilion. PETRONAS pula dikatakan mempunyai saham 50% dalam syarikat pemaju ini. Rancangan membangunkan kawasan tapak lumba kuda ini dijalankan secara berperingkat-peringkat dalam tempoh 15 tahun atau 20 tahun ini masih meragukan. Apakah 60% kawasan akan dibangunkan taman rekreasi awam, public park, dengan izin dan 40% bagi pembangunan komersial, memberi manfaat kepada rakyat? Tidak adakah projek yang lebih sesuai diperlukan di atas tapak tanah yang seluas 100 ekar itu? Bagaimanakah rakyat boleh mendapat manfaat daripada pembinaan 80 tingkat bangunan komersial dan 60 tingkat bangunan blok berkembar yang dirancangkan di tapak padang Selangor Turf Club itu. Setakat ini tidak ada jaminan hitam putih bahawa 60% tanah

di situ akan dibina taman rekreasi awam ataupun public park, dengan izin. Daripada pengalaman masa lalu, ada beberapa tapak di kawasan perumahan yang dirancang untuk tapak permainan kanak-kanak, tetapi diubah pada saat-saat akhir dengan membina kondominium. Bagaimana kalau Sri Kuda Sdn. Bhd. tidak menepati perancangannya membina taman rekreasi awam dan untuk meneruskan pembangunan komersial.

Kita hairanlah bagaimana PETRONAS yang berasaskan sebagai syarikat Petroleum, tiba-tiba terlibat dalam syarikat yang melibatkan perjudian seperti Sri Kuda Sdn. Bhd. Apakah PETRONAS sudah cuba beralih perniagaan kepada rangkaian perjudian? Bilakah Fasa Pertama bermula yang dianggarkan memakan kos \$2 bilion, hanya Sri Kuda Sdn. Bhd. sahaja yang tahu. Sudah tentu mereka juga sedang memikirkan berapa banyak keuntungan hasil untuk memeras kaki-kaki judi yang terperangkap. Memang mereka tidak salah dari segi undang-undang, tetapi secara moral, apakah Kerajaan Barisan Nasional boleh menafikan bahawa mereka juga terlibat dalam menggalakkan perjudian.

Tuan Yang di-Pertua, projek Kuala Lumpur City Centre yang diumumkan oleh satu syarikat rangkaian perjudian seperti Sri Kuda Sdn. Bhd. dalam akhbar pada 17hb Jun tahun ini memberi gambaran kepada kita bahawa empayar judi sedang menguasai Malaysia. Bangunan PETRONAS yang dirancang termasuk dalam projek berkenaan mengukuhkan lagi empayar cuti ini kerana secara langsung PETRONAS sudah menjadi penjamin kepada kegiatan perjudian. Siapakah di belakang Sri Kuda Sdn. Bhd. ini—T. Anandakrishnan, Tan Sri Tengku Ahmad bin Tengku Yahya, Dato' Ronald Khoo dan Ooi Boon Leong adakah mereka yang bertanggungjawab. Mungkin ada lagi syarikat-

syarikat nominee yang akan terlibat selepas ini? Kita tidak tahu.

Seorang Ahli: UMNO memang UMNO!

Tuan Liew Ah Kim: UMNO memang ada. (*Disampuk*). (*Ketawa*). Tetapi rangkaian perjudian yang bermula dari Sri Kuda Sdn. Bhd. ini menimbulkan keraguan dengan penglibatan 51% saham daripada PETRONAS ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional secara tidak bermoral mengheret PETRONAS dalam satu perniagaan ke arah rangkaian perjudian menyahut Wawasan 2020 Dr Mahathir. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas.

5.58 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap soal Akta Kelab Lumba Kuda yang dibentangkan ini sudah barang tentu kita tidak boleh memisahkan diri kita dengan pembincaraan masalah judi dan kita sudah dengar banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap sebelum ini, tidak ada yang setuju mengenai dengan judi. Saya percaya tidak ada orang yang bersetuju dengan judi, kalau kita tanya setuju atau tidak. Cuma dari segi setuju atau tidak kepada judi ini banyak kategori. Saya hendak membetulkan dahulu, Tuan Yang di-Pertua, dari segi keikhlasan, persepsi kita terhadap sesuatu isu. Ada orang marah kepada judi kerana dia tidak dapat bahagian yang sama, maka dia marah kepada orang yang dapat. Ada orang tidak bersetuju dengan judi kerana politik, sebab mungkin dia boleh jadikan ini isu kepada political mileage.

Saya cukup kagum bila mendengar hujah daripada Ahli-ahli Parlimen, daripada Ahli-ahli Dewan yang mulia dan daripada DAP yang menentang judi

ini. Saya bukan hendak mempersoalkan keikhlasan pihak parti Pembangkang, khususnya DAP, tetapi saya tidak pastikalau DAP memerintah bahawa DAP tidak akan meluluskan lesen judi. Saya tidak percaya. Sebab di waktu sebelum pilihanraya umum baru-baru ini, 1990, Semangat 46 dan DAP beserta dengan PAS yang pada masa yang sama juga ada manifesto yang berasingan. Tetapi pihak DAP dan Semangat 46 ada manifesto bersama dan ada cadangan di dalam manifesto itu untuk disebut dengan cara khusus supaya Genting Highlands dan judi-judi yang seumpamanya ini diharamkan sama sekali. Perkara ini tidak dibuat begitu tetapi disusun dengan ayat begitu halus, sebab pihak DAP dan juga lain-lain pemimpin memikirkan kalau ini dimasukkan, mereka akan kehilangan undi di kalangan orang-orang Cina. Jadi, pada saya, tentangan DAP adalah tidak lebih daripada politik, bukan ikhlas. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Bagi pihak DAP, kita daripada dahulu sehingga ke hari ini tidak pernah menyokong perjudian yang berada di negara ini. Kalau dikatakan DAP hendak undi sahaja di mana DAP kena menyokong Rang Undang-undang Perjudian itu, saya rasa ini satu fitnah yang tidak betul, yang ini salah dan benar-benar adalah satu cakapan yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soal pandangan Yang Berhormat, itu pandangan Yang Berhormat. Bila saya hendak kata, saya kata. Itu hak saya. (*Tepuk*) Itu soal hak saya, kerana saya pun ada pandangan dan ada maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang menentang judi ini kerana dia memahami dari segi penghayatan dari segi Islam dan bahawasanya judi itu haram dan saya sendiri pernah bercakap banyak kali bersabit dengan judi di Dewan yang mulia ini dan memang tidak bersetuju dengan judi sebab ianya haram di sisi Islam tetapi saya hendak bawa dahulu kepada persoalan pokok sebelum sampai kepada kenapa kita memikirkan bahawa judi ini banyak mendatangkan mudarat dan tidak baik di sisi agama.

Apabila kita mengadakan Akta bagi menghalalkan judi ataupun kita adakan lesen supaya judi itu boleh kita kawal dan itulah tujuan Akta itu diadakan, hujah dan masalah pihak Kerajaan kerana judi ini payah hendak dihapuskan. Maka kalau judi tidak dapat dihapuskan walaupun tidak dihala dari segi undang-undang, tidak ada lesen diberi. Apakah kita yakin bahawa judi itu tidak ada lagi dalam kalangan masyarakat kita? Setahu kita, memang judi berleluasa di mana-mana sahaja maka dibuat undang-undang itu dikawal dan pada masa yang sama dapat memungut cukai. Jadi, pada saya, kesedaran di kalangan masyarakat ini harus kita pertingkatkan. Yang kita tahu semua haram, haram. Memang saya pun bersetuju. Saya tidak pernah lari dari segi prinsip saya mengatakan judi itu haram. Tetapi kesedaran di kalangan masyarakat Islam dan masyarakat Malaysia seluruhnya supaya tidak berjudi.

Di Kelantan memang dikatakan sudah diharamkan judi, tidak diberi premis dan sebagainya tetapi judi di Kelantan berlaku. Bukan setakat 4 Nombor Ekor, loteri ataupun Big Sweep. Saya hendak sebut jenis-jenis judi. Manusia sekarang, Tuan Yang di-Pertua, berjudi macam-macam. Hujan tidak hujan pun berjudi. Dia tengok matahari ini gelap, tidak gelap, ini hujan tidak hujan, jom kita berjudi. Ada juga di kalangan masyarakat kita

yang bertaruh pertandingan makan. Nah, mee 5 mangkuk. Habiskah, tidak habis makan—berjudi. Di dalam kampung-kampung, waktu hari Jumaat—sabung ayam. Ada jenis judi sendiri orang Kelantan panggil Cak Jeki, Ewok. Ini orang kampung dok cerita ini, pun begitu. Yang sabung ayam, ini kita tahu, tidak kira parti. Penyokong parti PAS pun ada sabung ayam. Di kalangan ahlihal. Sebab saya pernah berpengalaman, saya kenal salah seorang. Saya duduk di satu kampung, di Kampung Morak. Satu hari Jumaat, Polis kejar orang berjudi. Polis kejar orang berjudi, lari naik atas rumah abang ipar saya. Dua tiga orang naik, dekat hari Jumaat dan saya kenal siapa mereka ini. Saya hendak masuk cerita orang berjudi.

Berjudi ini mana-mana sahaja, soalnya sekarang ini macam mana kita hendak hapuskan judi ini. Bila kita dapat hapuskan judi? Kesedaran masyarakat kita dapat dihapuskan. Kalau dapat kita tekankan dari segi kesedaran ini. Macam mana sekalipun kita adakan, dia tidak akan mendapat sambutan daripada masyarakat. Saya percaya dia tidak akan mendapat sambutan dari masyarakat.

Tuan Liew Ah Kim: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sila.

Tuan Liew Ah Kim: Adakah Yang Berhormat tahu bahawa sekarang ada wujud satu bentuk perjudian baru iaitu rakyat berjudi, ahli politik lompat melompat—lompat jauh dan lompat dekat. (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak soal saya, biarlah soalan ada standard sedikit. Soal lompat, tidak lompat tidak timbul pada Ahli Parlimen Pasir Mas,

sebab saya tidak pernah pun keluar UMNO. Saya tidak pernah keluar. Saya pinjam sahaja Semangat 46 bertanding baru-baru ini. (Ketawa) Saya hendak lompatkah, saya tidak lompatkah, itu soal lain. Soalnya yang penting, pendirian kita dari segi perjuangan. Bukan soal hanya lompat melompat. Itu sahaja hendak jawab apa yang saya berhujah. Carilah yang standard sedikit, kalau tidak you don't talk, dengan izin, buat malu sahaja.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Pengkalan Chepa, ya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sahaja. Wakil Pasir Mas ini ambil peluang berucap ini untuk hendak bercerita perangai anakkah atau hendak bercerita tanggungjawab bapa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sama ada perangai anak bapa, fikir sendiri. Soalnya fikir sendiri. Yang saya hendak bercakap ini pandangan saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini yang ada hak yang sama untuk bercakap atas prinsip demokrasi. Soal yang dikatakan DAP yang berjuang soal demokrasi selama ini mana dia? Kita hendak sokong sesiapa pun atas prinsip demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan. Jangan minta daripada Ahli-ahli DAP, cukuplah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak cakap pada DAP ini. Saya dengan orang DAP ini terutamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada sedikitpun inferiority complex sama ada dahulu kita bersama atau tidak, sebab saya tahu memang bapa hipokrit. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi dari segi hendak mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat Islam dan masyarakat Malaysia ini khususnya supaya benci kepada judi sepertimana kita menjalankan kempen benci kepada dadah, benci kepada benda-benda yang tidak mendatangkan kebaikan. Ini yang dahulu harus kita lakukan. Sebab itu saya hendak panjangkan pandangan saya ini terutamanya kepada Pusat Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya melipatgandakan kempen. Tidak cukup kita katakan judi itu haram di sisi orang Islam. Begitu juga di TV, RTM, TV3 kita tengok ada iklan dalam TV mengenai dengan kemalangan jalanraya, "Berhati-hati di Jalanraya". Tidak bolehkah kita sebut, "Judi Ini Haram". Buatlah apa-apa slogan yang menarik supaya timbul kesedaran di kalangan rakyat supaya benci kepada judi dan judi ini tidak mendatangkan faedah kepada kebaikan masyarakat tetapi bagi orang hendak berjudi, apa boleh buat? Bagi orang hendak berjudi, soalnya sekarang ini tanggungjawab Kerajaan mengeluarkan lesen tetapi orang hendak berjudi, saya tidak hendak tuduh tetapi saya percaya mereka yang bercakap sebelah pihak sana tadi belum tentu mereka tidak berjudi. Sebab kita tahu judi ini sudah menjadi budaya di kalangan masyarakat kita khususnya di kalangan masyarakat yang lebih-lebih lagi yang tidak beragama, yang tidak tahu agama.

Datuk Monggoh Orow: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Datuk Monggoh Orow: Adakah Yang Berhormat ada bukti bahawa yang tidak beragama itu berjudi? Buktikan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya mengatakan rakyat Malaysia memang tidak suka pada judi. Awal-awal sudah

saya katakan dan pernah Persatuan

Datuk Monggoh Orow: Bukan Yang Berhormat katakan yang tidak beragama

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tuaran, cukuplah. Tanya satu cukuplah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak jawab ini. Saya hendak jawab bahawasanya saya tidak mengatakan orang tidak beragama itu berjudi—tidak. Saya maksudkan judi ini berlaku di merata-rata tempat. Memang kalau kita hendak sebut dari segi specific susah, sebab kita tidak mahu menyentuh mana-mana peribadi. Kita bercakap soal umum. Kita bercakap generalisasi mengenai masalah perjudian dan ianya sensitif kalau kita sebut.

Saya bimbang kalau kita lebih sensitif, lebih orang mengatakan kitalah berjudi, ini yang kita bimbang, sebab itu kita jangan cepat melenting. Sebab itu yang pentingnya conscience kita kena clear, keyakinan kita kena jelas, bukan semata-mata kita berpolitik, bukan atas dasar kepentingan politik semata-mata. Tak payah suka, tak payah jadi mawas dalam Dewan yang mulia ini, sebab saya tidak pernah mengganggu orang bercakap, dengan izin, I behave myself, saya tak pernah ganggu orang bercakap, saya tak pernah kelecik orang tetapi pantang sarang tebuhan dijolok (*Tepuk*), sebab kita tahu sandiwara dan permainan politik sudah lebih daripada matang, tak usah hendak cakap, sesiapa pun.

Soalnya sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita mengemukakan pandangan kita, hujah kita

Tuan Maidom P. Pansai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Belud bangun.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan di sini. Wakil dari Pasir Mas tidak menyatakan tentang orang tidak beragama. Di sini saya mohon definisi tentang perkataan “tidak beragama” itu, siapa dia yang beragama dan siapa yang tidak beragama. Terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya sudah sebut tadi yang beragama orang agama; tak ada agama—tak ada agama, takkan tak faham. You don't understand? Dengan izin.

Tuan Maidom P. Pansai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Maidom P. Pansai: Saya tahu yang tiada agama itu yang tidak ada agama, tetapi definisinya. Sama ada apa yang dikatakan tidak ada agama itu orang yang bukan agama Islam, kerana agama ini banyak. Jadi, saya minta definisi mana satu yang dikatakan golongan orang yang tidak beragama?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi sekarang ini saya beri izin kepada Yang Berhormat tolong berceramah sedikit orang yang beragama dan yang tidak beragama, saya hendak dengar, saya beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas, sila teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sebab dia tanya benda-benda yang sengaja mengarut, tanya hendak ganggu sahaja, so what for? Dengan izin, you don't waste time, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kalau setakat hendak tanya, hendak main-main, hendak perangkap saya dari segi ucapan saya, tak dapat, tak usah buang

masalah. Kalau itulah tujuan hendak cari peluang.

Tuan Maidom P. Pansai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kota Belud cukuplah. Sila teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada masalah perjudian tadi, sudah saya kena ulang balik supaya dapat sama apa yang saya hendak cakap ini, sebab sudah diganggu banyak tadi.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya yang perlu ditekankan, yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan ialah kempen kesedaran ini, kerana saya percaya judi ini akan berlaku sampai bila-bila kalau tidak ada kesedaran di kalangan masyarakat kita. Saham judi juga dan masalah judi haram ini banyak. Kita bercakap soal riba, banyak benda yang haram tetapi kita tumpu di sini, sebab judi ini memang jelas. Rakan-rakan daripada Sarawak tadi bangun mengatakan mereka tidak bersetuju dan sebagainya dan saya percaya mereka ikhlas, mereka anggota Barisan Nasional, mereka bercakap mereka tak bersetuju dan itu menunjukkan sikap yang ikhlas, bukan semata-mata hendak mencari political mileage apa yang berlaku di Sarawak.

Tetapi yang saya hendak tekankan di sini, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada haram, haram, haram, yang saya hendak tekankan di sini bukan soal haram sahaja tetapi ialah kesedaran di kalangan masyarakat, kempen di kalangan masyarakat ini harus dilipatganda, dihebatkan dengan seluas mungkin melalui TV saya sebut tadi, melalui media cetak, risalah dan ceramah-ceramah. Kita harap Kerajaan PAS di Kelantan pun akan lebih lipatgandakan lagi bukan setakat isytihar, kami sudah memerintah Kelantan, yang pertama kita haramkan judi, kita tak beri premis. Orang berjudi juga di kampung. Hari Raya Cina untuk

satu dua hari boleh, kerana untuk kepentingan masyarakat Cina

Seorang Ahli: Betulkah itu?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Betul (*Ketawa*) Mesti buat, gunakan kesempatan yang ada ini, jangan setakat suruh itu, hendak bercerita itu sahaja. Ini takrif masalah judi ini. Jangan pula kita dengar ada harta karun di Hulu Kelantan, bunyi kata ada saji emas. Hendak cari duit, kita pergi bertahlil, kita pergi meratip, harap-harap kita jumpa harta karun. Itupun berjudi juga. Jadi kempen ini perlu dahulu. Bila rakyat sudah sedar, dakwah Islamiah sudah meresap betul-betul, saya percaya letak di depan pun orang tak usik, tak ada siapa hendak. Tetapi kalau tidak ada kesedaran, tidak ada kegiatan yang betul-betul menuju ke arah itu, macam manapun judi ini tetap menjadi masalah dalam masyarakat kita. Benda ini benda yang nyata, tak mungkin selagi tidak ada kesedaran, sebab saya katakan tadi apa pun depan mata berjudi; bola berjudi, main sukan apa pun berjudi, main dam pun berjudi. Dato' Bakar, Ahli Parlimen Kuala Kedah bila datang mesyuarat lambat pun ada orang bertaruh (*Ketawa*), semua jadi budaya—itu bergurau, saya minta maaf, jangan salah tafsir pula. Jangan pula bangun bertanya minta penjelasan, itu bergurau sahaja. Ini semua menjadi masalah yang saya katakan tadi. Segala-galanya dijadikan judi.

Jadi yang harus kita titik-beratkan, kita mesti tanya peranan kita masing-masing, termasuk parti Pembangkang sekalipun dan semua pihak sebagai Ahli Dewan dan sebagainya sumbangan kita ke arah hendak menyedarkan masyarakat kita ini supaya jangan terlibat dengan judi, supaya kita benci perjudian ini dalam apa bentuk sekalipun, yang haram dan yang tidak haram; yang ada lesen dan yang tidak ada lesen. Bila kesedaran ini ada, saya percaya ianya bukan menjadi

masalah lagi, kerana kita dengar dalam ceramah-ceramah agamakah, ceramah-ceramah politikkah yang dititik-beratkan politik untuk mendapatkan kuasa, pertembungan politik. Kalau mereka sedar betul bahawa judi ini haram yang seperti mereka bercakap dalam Dewan yang mulia ini setiap kali ceramah mesti mereka sebut, peringatan rakyat sesudah kita berceramah, Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, begini, begini, begini, ingat tuan-tuan, besok jangan beli Empat Nombor Ekor, besok jangan beli Big Sweep, tak ada cerita pun, sebab saya percaya ada pihak-pihak tertentu ini mereka ingat kalau kawan itu kena, dia pun boleh dapat syer sama. Ini kita jangan hidupkan, ini dunia hipokrasi setengah-setengah golongan ini.

Sebab itu saya hendak tekankan biar conscience kita tadi clear. Biarlah sikap kita kepada sesuatu yang kita hendak perkara yang baik itu, biar conscience kita betul-betul, jangan semata-mata kerana politik. Saya bukan tidak bersetuju, sebab saya kata awal-awal tadi sikap saya jelas bersabit dengan judi—judi haram di sisi agama, jelas dari segi ini. Soalnya saya timbulkan tadi, sebab perkara macam inipun hendak dijadikan political mileage, hendak cari publisiti. Jadi selepas ini bila tidak ada orang bercakap

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Batu Berendam bangun.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya teringat Yang Berhormat ada mengatakan bahawa Kerajaan di Kelantan yang diperintah oleh PAS hari ini mengharamkan perjudian tetapi membenarkan perjudian di hari-hari tertentu seperti Tahun Baru Cina. Saya ingin tahu, mungkin Dewan pun ingin tahu sejauh mana kebenaran kenyataan Yang

Berhormat itu tadi dan mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat daripada PAS atau Semangat 46 yang ada ini boleh menafikan kalau perkara itu tidak betul. Terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak boleh jawab, sebab saya belum lagi menjadi Menteri Besar Kelantan. Jadi yang eloknya pihak PASlah jawab menafikan bahawa benda itu tak betul. Kalau dia boleh nafikan benda itu tak betul, baru kita kata tak betul. Kalau dia tak nafikan benda itu tak betul, betullah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Batu Berendam tadi. Itu bukan kerja saya, sebab hendak mengesahkan itu saya bukan berkuasa, cuma saya diberitahu memang Hari Besar Cina baru ini diizinkan, sebab tahun ini orang-orang Cina di Kelantan pun kita kena jaga, baru-baru ini mereka mengundi kita, kita kena jagalah sedikit. Jadi prinsip kita itu kita "e-ech"lah sedikit, begitu. (*Ketawa*) Itu style dia.

Tuan Yang di-Pertua

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kota Setar bangun. Hendak tanya fasal apa?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Bila Ahli Parlimen daripada Parti PAS tak bangun menafinya, adakah ini bererti perkara itu benar?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Susah hendak jawab bagi pihak orang lain ini, sebab itu hak sendiri yang patut jawab itu diam sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya satu perkara sahaja. Soal benarkah judi dan tak benarkah judi ini kuasa siapa? Kuasa Kerajaan Negerikah atau kuasa Kerajaan Persekutuan? Saya hendak tahu

daripada Yang Berhormat, sebab setahu saya kebenaran untuk menjalankan lesen judi di bawah Common Gaming House Ordinance bukan terletak kepada kuasa Kerajaan Negeri, ini kuasa Kerajaan Pusat di bawah Menteri Kewangan. *(Tepuk)* Mengapa disalahkan Kerajaan Kelantan kerana membenarkan perjudian? Kami tidak ada hak menghalang perjudian. Yang kami ada hak hanya menyekat premis daripada digunakan sebagai tempat perjudian. Itu bidangkuasa Kerajaan Negeri, tetapi membenarkan perjudian bidangkuasa Kerajaan Pusat. Kalau berlaku perjudian, mengapa disalahkan Kerajaan Negeri kerana membenarkan, kerana peringkat awalnya kami tidak ada kuasa. Kerajaan Negeri tidak ada kuasa hendak menghalang atau membenarkan perjudian. Apa yang dibuat di Kelantan ialah menyekat premis, itu sahaja. Bidangkuasa ini pun kena faham juga.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya faham walaupun saya bukan seorang peguam. Yang melenting apa fasal? *(Ketawa)* Apa fasal melenting ini? Yang tiba-tiba melenting ini apa fasal? Lah! Nanti saya balun sama pula bergaru pula nanti. Saya hendak cakap soal betul kuasa Pusatkah, kuasa Negeri, sudah kuasa itu setakat menahankan kuasa premises, tahanlah. Hari Raya pun tahanlah, jangan beri buat, kenapa tak buat? *(Ketawa) (Tepuk)*

Bercakap sahaja melentum-lentum, bercakap seperti guruh hendak turun ke bumi. Ini bukan main lagi. Saya cakap kalau saya cakap, saya cakap, saya buat, saya buat. Saya tak kisah. Janganlah pertahan benda-benda yang tak betul ini, nanti kena makan sendiri ini. Ini orang kata 'keris makan tuan' ini. *(Ketawa) (Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, inilah penyakitnya.

Puan Hajah Rakibah Haji Abdul Manap: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Hajah Rakibah Haji Abdul Manap: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini bermakna Kerajaan Negeri Kelantan salah guna kuasa?

Tuan Yang di-Pertua: Pula!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Salah guna kuasakah atau tidak, pokoknya dia tak buat apa yang dia cakap. Itu sahaja. *(Ketawa)* Dia tak buat apa yang dia cakap, sebab dia mesti mengakui keadaan masyarakat negara kita ini, masyarakat majmuk ini. Mula-mula belum berkuasa itu tak betul, ini tak betul, saya pun dahulu betul, saya pun ikut dia sekejap. *(Ketawa)* Saya mengaku, Saya mengaku sebab saya ingatkan mereka ini betul-betul—saya ingat mereka ini betul-betul, maknanya, beri kuasa pada kita, kita boleh buat! Bila Kerajaan Pusat tak beri Dewan contohnya, kenapa tak beri Dewan? Ini demokrasi, beri kuasa kepada kita, kita boleh hapuskan kemiskinan. Saya pun naik syok, Tuan Yang di-Pertua, masuk semangkok! *(Ketawa)* Sebab saya ingat boleh buat. Rupa-rupa sudah perintah tak boleh buat. Ini tak boleh, Hari Raya Besar Cina kita kena beri, ini orang Cina kita kena jaga juga undi. Dewan sudah tak beri kepada orang lain guna, parti lain boleh.

Dahulu tuduh UMNO tak beri, PAS memerintah, merekapun tak beri juga guna Dewan. Saya sebagai Ahli Parlimen Pasir Mas dalam UMNO baru-baru ini pula hendak minta guna Dewan sudah tak dapat. Mereka tak beri. Dahulu kata dekat orang, pecat orang, orang lain pecat tak boleh, kita pecat orang boleh. Ini yang naik senak ini. *(Tepuk)*

Ini yang naik meluat betul! Hendak kata menyesal itu wallahu 'alam, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya sudah fikir tidak boleh dibiarkan. Tidak boleh biarkan. Sama juga cerita apa yang

berlaku di Marang baru-baru ini yang usung Imam, yang usung Imam oleh Timbalan Yang di-Pertua Agong PAS. Saya ada dapat laporan, dapat bukti-bukti yang jelas, insya Allah, saya hendak bangkit dalam perbincangan Rancangan Malaysia Keenam. Kalau tak betul, mintalah orang PAS tolong jawab dalam perbincangan nanti.

Seorang Ahli: Kahwin dua!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kahwin dua, tiga itu diharamkan oleh Islam. *(Ketawa)*

Seorang Ahli: Hendak kahwinkah?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itu tak menjadi masalah, sudah beri, orang kahwin, saya ucap tahniahlah. *(Ketawa)* Sebab selalu ramai orang bercakap soal orang UMNO sahaja kahwin lebih satu atau dua, Timbalan Yang di-Pertua PAS kahwin senyap-senyap satu lagi! *(Tepuk)* *(Ketawa)* Saya ucap tahniah. Saya sebut betul atau tak betul, tetapi saya hendak ucap tahniah sahajalah. Kalau tak betul saya pun ucap tahniah, kalau betul lagi ucap tahniah. Apa salahnya, benda yang baik. Semua cari benda yang baik, *(Ketawa)* bercakap, berjuang, macam manapun pendek kata hal-hal yang sedap ini semua begitu. *(Ketawa)*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Setar.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya cuma hendak tumpang ucap tahniah sahaja. *(Ketawa)*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi Tuan Yang di-Pertua, isu yang ada di hadapan kita ini, Akta ini tadi dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Sarawak supaya dirujuk kepada Jawatankuasa Majlis dan Tuan Yang di-Pertua ada beri pandangan oleh kerana sudah pun

dimulakan perbincangan, jadi kalau boleh dirujuk dan diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga akan menyokong apabila Rang Undang-undang ini dibawa kepada peringkat Jawatankuasa nanti untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Pemilih Khas apabila dibuat cadangan nanti kerana kita sudah dengar berbagai-bagai pandangan daripada kalangan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini kerana perlu kita rujuk apabila cadangan dibuat nanti, kita menyokong, sebab sayaimbang nanti Ahli-ahli Parlimen, terutamanya yang beragama Islam nanti daripada UMNO khususnya, masa tidak banyak hendak bercakap, tak boleh bercakap, terhad sahaja. Jadi, nanti akan keluar daripada Dewan ini, mereka balik ceramah di Kelantan, Terengganu, mereka sebut pula nanti Ahli Parlimen Kuala Kedah di Kedah bila Rang Undang-undang Judi dibentangkan, dia tak bercakap, kononnya dia sokonglah—aniaya pula kawan ini.

Itu kena pula orang lain nanti sebab dia hendak tengok siapa bercakap atau tidak bercakap, Kuala Langkatlah, macam-macam tempatlah, banyak bahagian ini. Sebab itu saya pun kena bercakap, Larut, Padang Terap, Pagoh, semua sekalilah saya mewakili sebab kalau tidak kena kita nanti! Saya lagi kena nanti. Ibrahim Ali ini, Ahli Pasir Mas sejak masuk UMNO dia bila tiba Rang Undang-undang ini, dia pun tak sokong. Dia hendak mengenakan saya, padahal kita ini berbuih air liur lawan. *(Disampuk)* *(Ketawa)*

Cara dia, kita tahu caranya begitu. Kena memang kena kita. Stylenya, dia mesti balik dengan ayat Qurannya. Tengok saudara, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, ketua, Ahli Parlimen Pasir Mas berucap sudah masuk UMNO dibeli berjuta ringgit, dijanji oleh UMNO, tidak ada prinsip, tidak ada maruah, bukan main, Tuan Yang di-Pertua. Bila bentangkan Akta Judi ini,

takbir 'Allahu Akbar'. (*Disampuk*)
Dituduh begitu.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Eh, hendak masuk PAS masuklah, pergi sibuk buat apa? (*Ketawa*) Kalau hendak masuk PAS masuk, tetapi kena bersunat dahulu. (*Ketawa*) Jangan dok bisings tak tentu fasal, boleh masuk Islam. Islam memang kita suka kalau orang masuk Islam, tetapi bersunat dahulu. Saya tak percaya Ahli Parlimen dari Nilam Puri bersetuju kalau DAP hendak masuk PAS belum bersunat. Ini kena bersunat dahulu syaratnya.

Jadi, tak usahlah dok boo tak tentu fasal, tak ada. Kalau buat macam itu dekat saya pun tak jadi kudis gatal, saya tak ambil hati pun. Tak ada benda. Masuk sini keluar sini, katalah!

Seorang Ahli: Itu cara dia!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itu cara dia, (*Ketawa*) stailnya begitu. Ini masuk penggal yang kedua, saya sudah mengerti sangat, sudah faham sangat, sudah kenal sangat, cuma kita harap bila ada perubahan-perubahan politik, baru-baru ini kesedaran makin bertambah, mana yang tak betul kita betulkan bersama. Mana yang baik kita sokong bersama, kita tunjuk sikap gentleman, baru kita bertanggungjawab kepada negara, baru kita bertanggungjawab kepada masyarakat, baru kita kata kita ini seorang pejuang. Ini hendak sebut pejuang, macam mana kita sokong kumpulan kita sahaja, geng kita sahaja? Orang lain betul pun kita kata geng kita betul. Itu bukan perjuangan, itu namanya opportunist dan tak ada prinsip. Bukan saya, tahu tak? (*Ketawa*)

Saya hendak jawab yang tadi, itu dia, Tuan Yang di-Pertua. Ini terpaksa

bercakap dan jawab sebab banyak gangguan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soal judi ini kita bimbang juga kalau kita tidak buat kempen kesedaran seperti yang saya katakan tadi, kita bimbang ianya berjangkit kepada kanak-kanak, budak-budak sekolah, kanak-kanak, anak-anak kita. Jadi kalau kita mulakan daripada sekarang, kita lipat gandakan daripada sekarang supaya kita boleh sedikit-sebanyak, sedikit demi sedikit menanam kesedaran dari segi judi itu tidak baik kepada masyarakat, benci kepada judi itu sepertimana benci kepada dadah dan sebagainya di kalangan kanak-kanak, anak-anak sekolah, anak-anak kita sebab ini penting kerana walaupun diharam nanti, kalau kita tidak buat kesedaran seperti ini, ia tetap berlaku. Tuan Yang di-Pertua, ia tetap berlaku, ia boleh memberi mudharat kepada masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukuplah itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sudah cukup masa? Saya tak sedar. Terima kasih.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Keluarga Melayu Kampung Pantai Kundur dan Tanah Merah Enggan Berpindah

6.31 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri campur tangan dan membantu menyelesaikan masalah 315 keluarga Melayu Kampung Pantai Kundur dan Tanah Merah di Melaka yang enggan berpindah sungguhpun tindakan pengambilalihan tanah dan memaksa pindah telah dimulakan oleh Kerajaan Negeri Melaka.

Isu yang terlibat bukanlah pampasan tetapi mempertahankan kampung mereka kerana ia adalah warisan atau tanah tradisi nenek-moyang mereka. Keadaan tegang dan bimbang akan berlaku sekiranya Kerajaan Negeri Melaka berdegil memaksa keluarga-keluarga Melayu ini berpindah.

Tuan Yang di-Pertua, DAP mengecam keras usaha Kerajaan Negeri Melaka memaksa pindah penduduk-penduduk Melayu di Kampung Pantai Kundur dan Tanah Merah bagi tujuan pembesaran projek kilang penapis minyak PETRONAS berhampiran Tangga Batu di Melaka.

Jawatankuasa Badan Bertindak Tanah Penduduk Pantai Tanah Merah dan Pantai Kundur yang mewakili sebanyak 315 keluarga telah menyatakan bahawa isu terbabit bukanlah isu jumlah bayaran pampasan yang harus diberikan tetapi bahawa mereka enggan berpindah walaupun berapa juga bayaran yang ditawarkan. Semasa rombongan Wakil Rakyat DAP yang terdiri daripada ADUN-ADUN DAP di Melaka dan saya sendiri mengunjungi kampung tersebut, Jawatankuasa telah memberitahu bahawa mereka berasa ditipu dan dipermainkan oleh Kerajaan

Negeri Melaka secara amnya dan Ketua Menteri Melaka khasnya. Ini adalah kerana pada awal tahun 1980an, pihak Kerajaan Negeri telah mengambilalih tanah mereka seluas 800 ekar untuk membina loji penapis minyak PETRONAS. Pengorbanan 800 ekar ini adalah demi kepentingan negara dan harapan bahawa anak-anak serta cucu-cucu akan menikmati pembangunan tersebut. Tetapi pengorbanan mereka tidak dibalas. Malah projek penapis minyak tidak berhasil langsung. Sebaliknya tanah 800 ekar ini digunakan untuk tujuan perindustrian.

Kini apabila Kerajaan Negeri ingin memulihkan projek ini barulah sedar bahawa tanah tidak cukup dan cuba mengatasi masalah ini dengan mengambilalih baki tanah kepunyaan mereka dan memaksa mereka pindah. Kesilapan ketidakcukupan tanah bukanlah masalah penduduk kampung tetapi kesilapan Kerajaan Negeri Melaka, khususnya Ketua Menteri Melaka, dan mereka tidak harus menanggung beban kesalahan Ketua Menteri Melaka.

Perlulah ditegaskan bahawa para penduduk juga menganggap projek kilang penapis minyak PETRONAS sebagai satu rahmat tetapi tidak mahu mereka dianggap sebagai "menang sorak kampung tergadai". Mereka juga tidak puas hati dengan sikap ADUN Sungai Udang, yang dituduh pandai bermuka-muka demi kepentingan politik peribadi, dan kenyataan yang diberikan oleh beliau tidaklah serupa dengan kenyataan yang dibuat. Mereka berasa dipermainkan oleh Kerajaan Negeri Melaka. Mereka mendakwa bahawa hanya berjumpa dengan wakil Kerajaan Negeri Melaka sekali pada 17hb Januari tahun ini. Dan pada masa itu Yang Berhormat ADUN Sungai Udang yang juga Ahli EXCO Negeri Melaka, Dato' Mohd Ali Rastam bersetuju dengan pandangan ahli-ahli jawatankuasa bahawa penduduk-penduduk kampung tidak mahu

berpindah. Dia menyatakan bahawa sekiranya beliau anak jati Kampung Pantai Kundur dan Pantai Tanah Merah beliau juga tidak akan berganjak dari kampung dan akan mempertahankan hak dan warisan mereka. Dia juga bersetuju dan berjanji untuk membawa perkara ini kepada pihak atasan. Malangnya semua janji ini tinggal hanya janji kosong dan ADUN dari Sungai Udang tidak berani menemui mereka selepas itu.

Mereka juga marah bahawa pihak Kerajaan enggan mengiktiraf Jawatankuasa Bertindak kerana menyatakan bahawa mereka penyokong parti Semangat 46 sedangkan pada hakikatnya mereka semua ahli UMNO. Parti DAP tidak mengira sama ada penduduk tersebut penyokong MCA atau penyokong UMNO dan tetap akan membela mereka dari ditindas demi keadilan. Kami mendapati penduduk kampung ini amat keciwa dengan sikap tidak ambil berat dan tidak menunaikan janji oleh pihak Kerajaan Negeri.

Kami juga mendapati mereka sedia menumpahkan darah demi mempertahankan kampung mereka. Justeru itu saya meminta pihak Kerajaan Persekutuan menimbang semula dan mengarahkan pihak Kerajaan Negeri dari memaksa mereka pindah serta meminta Ketua Menteri mengiktiraf Jawatankuasa Bertindak mereka dengan mengadakan satu dialog demi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku. Pihak Kerajaan harus membatalkan usaha memaksa mereka pindah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini melibatkan Kerajaan Persekutuan, kerana sebuah kilang penapis minyak PETRONAS dicadangkan dibina di tempat berhampiran, saya berharap bahawa pihak Kerajaan Persekutuan boleh mengambil berat masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Melayu tersebut.

Saya ingin memberitahu Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada di sini bahawa mereka telah memasang satu banner, dengan izin, yang menyatakan bahawa mereka tetap akan duduk di kampung mereka sehingga ke titik darah yang terakhir dan memandangkan sentimen mereka yang begitu membara-bara, saya berharap pihak Kerajaan tidak menggunakan kekerasan untuk memuaskan niat dan nafsu mereka. Kerana masalah yang timbul adalah dari kegagalan atau kelemahan Kerajaan Negeri menunaikan janji mereka. Sekian, terima kasih.

6.37 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, tanah-tanah di kedua-dua perkampungan itu iaitu Kampung Pantai Kundur dan Kampung Tanah Merah adalah merupakan kawasan yang terletak berhampiran dengan tapak logi penapis minyak PETRONAS yang akan dibina di Mukim Sungai Udang, Tangga Batu, Melaka.

Kerajaan mengambil berat terhadap keselamatan penduduk-penduduk dan kesan-kesan alam di persekitaran kawasan yang dibangunkan. Sehubungan dengan itu beberapa kajian keselamatan dan penilaian kesan-kesan alam sekitar telah dijalankan. Kajian-kajian ini adalah untuk mengenalpastikan, dengan izin, hazard yang mungkin timbul dari aktiviti-aktiviti loji penapis di samping menentukan langkah-langkah pencegahan yang harus diambil sekiranya berlaku sebarang bencana besar di logi penapis.

Kajian terperinci mengenai risiko terhadap penduduk, harta benda dan alam sekitar dan telah mengenalpasti beberapa buah kawasan yang dianggap sebagai kawasan berisiko tinggi iaitu kawasan yang mungkin mengakibatkan kemalangan jiwa jika berlaku kemalangan besar di kawasan logi.

Maka selaras dengan peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, kawasan di persekitaran logi penapis minyak adalah merupakan kawasan keselamatan. Oleh itu, demi keselamatan penduduk-penduduk di kedua-dua kampung tersebut mereka perlulah dipindahkan untuk membolehkan logi penapis minyak berkenaan beroperasi apabila siap kelak.

Di dalam proses pembangunan itu, kepentingan penduduk tempatan adalah menjadi pertimbangan utama dan proses perundingan telah dibuat sebaik-baiknya dengan mereka. Pengambilan tanah telah dibuat mengikut peruntukan Akta Pengambilan Tanah 1960 di mana penduduk yang terlibat akan diberi pampasan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan logi penapis minyak PETRONAS ini adalah melibatkan pelaburan yang banyak dan membawa faedah ekonomi yang besar. Dari segi pengwujudan peluang pekerjaan adalah dijangkakan sebanyak 4,000 pekerjaan akan diadakan di peringkat pembinaan projek manakala sebanyak 800 tenaga kerja adalah diperlukan untuk mengendalikan kerja-kerja operasi apabila logi tersebut siap kelak.

Dari sudut kepentingan ekonomi negara, pembinaan logi penapis minyak di Melaka akan membolehkan minyak mentah keluaran tempatan ditapis di negara ini tanpa perlu dihantar ke luar negeri. Ini dapat menyelamatkan kira-kira \$6 bilion dalam bentuk pertukaran wang asing dalam masa 20 tahun di samping meransangkan pembangunan industri berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan sewaktu Ahli Yang Berhormat membawakan permasalahan di atas ke Dewan yang mulia ini beliau tidak mengetahui bahawa telah ditubuhkan satu badan penyelarasan di antara penduduk terlibat dengan Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang ada kepentingan di dalam projek ini.

Pentadbir Tanah Negeri Melaka juga telah pun menemui tuan-tuan punya rumah yang terlibat. Kerajaan bukan sahaja ghairah untuk melaksanakan pembangunan tetapi juga amat peka dengan kepentingan-kepentingan penduduk sehingga berusaha menemui setiap daripada mereka dan telah mengadakan satu badan penyelarasan bagi tujuan ini.

Oleh yang demikian, tidak akan timbul persengketaan antara Pihak Berkuasa dengan penduduk-penduduk yang terlibat kerana mereka telah dirundingi dan diberi laluan untuk mereka menyelesaikan sebarang masalah.

Fakta-fakta yang telah dijelaskan tadi adalah membuktikan bahawa segala dakwaan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak berasas dan patut ditolak dan adalah untuk mencari political mileage, dan saya percaya ini adalah satu-satunya taktik yang digunakan semata-mata untuk mencari political mileage sahaja. Sekian, terima kasih.

SINDIKET SETINGGAN DI KUALA LUMPUR

6.43 ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah berhubung dengan masalah sindiket-sindiket haram setinggan yang membina serta menjual rumah-rumah setinggan di sekurang-kurangnya dua kawasan seperti Kampung Seri Perantau di Sungai Besi dan di Kampung Melayu Medan di Batu Muda, Jalan Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan sindiket-sindiket yang berkenaan diketuai oleh pemimpin-pemimpin UMNO tempatan telah bergiat sejak Pilihanraya Umum yang lalu. Mereka dibenarkan berbuat

demikian sebab mereka adalah bukan sahaja ahli UMNO tetapi pembantu dalam pilihanraya dan mereka di-hadiahkan dengan jaminan daripada pemimpin UMNO atasan termasuklah Timbalan Perdana Menteri yang telahpun disebutkan oleh mereka yang melindungi kegiatan mereka sebab mereka adalah orang yang menyumbang kepada UMNO. Setakat ini terdapat melebihi 50 buah rumah haram telah pun didirikan di kawasan Kampung Seri Perantau dan 15 lagi pula di kawasan Batu Muda. Dan hakikat ini sangat-sangat mengejutkan saya memandangkan dasar pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah tidak membenarkan sebarang pembinaan rumah setinggan yang baru di seluruh Wilayah Persekutuan dan tindakan-tindakan meroboh bangunan-bangunan haram berbentuk itu memang akan diambil oleh pihak jabatan yang berkenaan tanpa ragu-ragu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini saya sudah merujuk dan mengemukakan kepada Dewan Bandaraya termasuklah Datuk Bandar tetapi hingga setakat ini belum lagi ada apa-apa tindakan yang diambil terhadap sindiket itu. Saya merasa amat kesal kerana membebaskan Bandaraya Kuala Lumpur daripada rumah setinggan dalam tempoh 10 tahun yang akan datang. Ini Wawasan 2020 adalah satu matlamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan saya difahamkan oleh ramai bahawa Direktorat Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, jabatan yang berkenaan adalah amat berkesan dalam usahanya, tugasnya untuk menghapuskan rumah-rumah setinggan yang baru didirikan di mana-mana kawasan dalam Kuala Lumpur tetapi saya hairan mengapa penempatan setinggan atau squatters colony, yang didirikan oleh sindiket haram ini boleh dibiarkan, dibebaskan dari sebarang tindakan penguatkuasaan.

Adakah ini disebabkan pengaruh politik UMNO yang mengakibatkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak berani menjalankan tugasnya? Saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah berpatutan Kerajaan Barisan Nasional mengamalkan double standard dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memandang berat kepada perkara ini sebab ini adalah satu masalah keadilan yang tidak dapat dilaksanakan dengan tindakan yang jujur. Bagi mengamalkan satu masyarakat penyayang patutlah dasar yang sama diambil terhadap semua pihak tidak kira siapa. Kalau pemilik-pemilik rumah setinggan terpaksa menghadapi tindakan penguatkuasaan daripada Dewan Bandaraya sebab membuat sambungan kecil kepada rumah setinggan mereka yang telah mendiami lebih 30 tahun, 40 tahun atau 50 tahun atau menukar dua atau tiga papan zinc dan sebagainya, menyambung sedikit bahagian rumah pun terpaksa rumah dirobohkan oleh Dewan Bandaraya mengapa penempatan atau koloni setinggan ini bukan sahaja wujud tetapi dibiarkan, dibenarkan? Inilah sahaja.

6.50 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menafikan bahawa wujudnya sindiket setinggan haram di Wilayah Persekutuan. Ini terbukti kerana sehingga hari ini tidak ada buktibukti yang sahih mengenai adanya sindiket tersebut.

Walaupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ada menerima aduan dari orang ramai mengenai perihal demikian, tetapi setelah disiasat dan diteliti, didapati bahawa aduan itu tidak

benar. Pada hakikatnya, sindiket seumpama ini tidak akan wujud kerana atas kuasa yang telah diberikan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur iaitu merobohkan terus mana-mana setinggan baru di Wilayah Persekutuan tanpa notis. Ini jelas, iaitu melalui tindakan penguatkuasaan pada tahun 1990 sebanyak 96 unit rumah setinggan telah diambil tindakan dan dirobuhkan dan 32 unit lagi sehingga bulan Mei, 1991.

Pada dasarnya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak membenarkan mana-mana pihak atau sesiapa sahaja memohon untuk mendirikan rumah setinggan. Semua permohonan untuk mendirikan rumah setinggan di atas tanah Kerajaan telah tidak diluluskan.

Pemohon dinasihatkan supaya mengemukakan permohonannya kepada Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.53 petang.